

"DALAM arus perkembangan ekonomi dan industri pula, Universiti Brunei Darussalam juga wajar mengaktifkan dirinya melakukan penyelidikan-penyelidikan yang berhubung dengan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, terutama yang berkaitan dengan minyak, gas dan petrochemical." Titah sempena Konvokesyen Ke-12 Universiti Brunei Darussalam pada 30 September 2000.

قلیتا برونی Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DEMI masa! Sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih dan mereka pula berpesanan-pesanan dengan kebenaran serta berpesanan-pesanan dengan sabar." - Surah Al-Ashr ayat 1 - 3.

TAHUN 47 BILANGAN 37

RABU 11 SEPTEMBER 2002/1423 رابو 4 رجب

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



MENERIMA ANUGERAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Kepujian Kelas Kedua Atas kepada anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD.

Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Daerah Belait

SERIA, 9 September. - Seria yang lebih dikenali sebagai Kota Minyak yang mengeluarkan hasil utama ekonomi negara, minyak dan gas sekali lagi menempa sejarahnya apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli melawat ke Daerah Belait hari ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke sini bagi menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait bagi pegawai dan kakitangan kerajaan, kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell dan orang awam yang ber-

langsung di Dewan Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof.

Keberangkatan tiba baginda di kawasan sekolah berkenaan dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Awang Haji Hassan bin Haji Me-

Laporan Haji Ahat HI dan Dk. Hajah Saidah PHOA

tali diikuti selepas itu sembah ucapan alu-aluan oleh Pegawai Daerah Belait.

Lihat muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunjukkan minat untuk mengetahui buku yang dibaca oleh seorang murid Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof sempena lawatan baginda ke Daerah Belait.

Hasilkan penyelidikan yang bermutu

Oleh Dk. Hajah Saidah PHOA dan Aliddin HM

BERAKAS, 7 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa sebuah universiti yang baik bukan sahaja mampu menawarkan program-program yang berkualiti tetapi juga berupaya menghasilkan seberapa banyak penyelidikan yang bermutu, yang dapat dimanfaatkan bagi perkembangan dan keperluan negara.

Bagi mencapai hasrat sedemikian, baginda sering menekankan supaya ahli-ahli akademik terus berusaha meningkatkan kualiti pengajaran dan kelulusan akademik masing-masing, di samping menghasilkan seberapa banyak penyelidikan.

Sehubungan itu, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama

agensi tertentu dalam kerajaan baginda sedang berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan bagi tujuan tersebut seperti cuti 'sabbatical' kepada ahli-ahli akademik tempatan bagi memudahkan mereka menjalankan penyelidikan di pelbagai bidang, titah baginda di Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam usaha UBD untuk menjadikan dirinya sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan tamadun, baginda berharap supaya UBD dapat mengambil langkah mewujudkan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan kerana dengan cara itu Negara Brunei Darussalam bukan sahaja akan menjadi pusat pengajian malahan juga akan menjadi pusat penyelidikan yang menjadi trend di kalangan universiti-universiti ternama di dunia.

"Masih banyak lagi bidang penyelidikan yang perlu diteroka dan dikembangkan oleh pelbagai pihak dan sektor, hanya terpuanglah kepada kita untuk merealisasikan," titah baginda.

Baginda juga bertitah, kejayaan para graduan dan penerima diploma serta sijil menamatkan program pengajian masing-masing sangat penting dari segi pembangunan sumber tenaga manusia bagi menghadapi cabaran-cabaran dunia globalisasi dan ekonomi berteraskan ilmu (k-ekonomi).

Menurut baginda, bagi memastikan para graduan UBD mempunyai kualiti, UBD harus mengemaskinkan garis pandu kemasukan dan peraturan-peraturan akademik serta meningkatkan penyediaan kemudahan-kemudahan pembelajaran dan peranan proaktif oleh para tenaga akademik.

Sementara dalam usaha mempertahankan dan meningkatkan kualiti yang sedia ada, baginda berpendapat adalah perlu satu penyelidikan di dalam pendidikan bersepadu di peringkat awal supaya wujud kesinambungan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu baginda menekankan pemilihan program-program pengajian di UBD juga hendaklah jangan semata-mata berdasarkan kepada apa yang dianggap mudah sahaja tetapi perlu untuk lebih berani menawarkan program-program pengajian yang mempunyai prospek masa depan yang sangat dihayati oleh negara dalam era pembangunan terutamanya sains, matematik dan ekonomi.

Sehubungan itu baginda melahirkan rasa gembira mengetahui UBD sentiasa berusaha ke arah membangunkan program-program pengajiannya yang ditawarkan seperti penawaran program Kembar Sarjana Muda Sains Bio-Perubatan yang diusahakan dengan universiti-universiti yang mempunyai kedudukan.

"Program yang berkaitan dengan bidang perubatan ini adalah satu program yang sangat penting dalam usaha menjadikan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa sihat dan sejahtera," titah baginda.

Baginda percaya program-program pengajian berkembar yang berkualiti akan dapat menarik pelajar-pelajar luar khasnya dari rantau ini untuk mengikutinya bagi menjana persaingan sihat dalam usaha mencapai kecemerlangan di antara mereka.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Kapal LNG 'ABADI' Memenuhi keperluan pembekalan jangka panjang
- Muka 2

Melirik Masa Silam :

- Muka 3

Pemberian biasiswa akan diteruskan

- Muka 6

Konvokesyen Ke-14 Universiti Brunei Darussalam

- Muka 8 & 9

Golongan belia terus hadapi cabaran

- Muka 10

Mengurangkan rasa cemas, menghadapi peperiksaan : Lakukan amalan kerohanian dan fizikal

- Muka 3 ANEKA

B\$1 bilion diperuntukkan bagi pelaksanaan E-Government

- Muka 5 ANEKA

Kuiz Pelita Sambutan Hari Guru Ke-12 Tahun 1423H/2002M

- Muka 16 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PENGAMBILAN syabu (di negara ini dikenali antaranya sebagai Ice, Lauk Putih, Gas, Gula Batu dan Ajinomoto) secara berterusan boleh mengakibatkan seseorang penagih gugup, sawan, kekejangan, resdung dan mati mengejut. Pembuluh darah yang rosak pula akan menyebabkan penagih kurang siaman dan lemah jantung. - Sumber : Ke Arah Memberi Kesedaran dan Kefahaman Tentang Penyalahgunaan Dadah Syabu (Methylamphetamine) : (t.t.: 2 & 5).

KONTAK PELITA BRUNEI

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita.1.htm>

e-mel: pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383941 / 02 383804 / 02 382192

Faks : 02 381004 / 02 380507



11 SEPTEMBER BERSAMAAN 1423

رجب 4

UBD PERLU LEBIH BERANI

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyarankan agar Universiti Brunei Darussalam (UBD) perlu lebih berani bagi meneroka dan menawarkan program-program yang mempunyai prospek masa depan yang lebih mencabar dan sangat dihajati oleh negara. Program-program yang baginda maksudkan itu ialah program yang berorientasikan bidang sains, matematik dan ekonomi dalam usaha untuk terus memajukan pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Hasrat murni baginda itu perlulah kita tanai dan analisa sedalam-dalamnya. Kerana dalam era globalisasi yang kita layari masa kini, sudah tiba masanya bagi kita meneroka dan membuka seluas-luasnya program-program sedemikian. Ini amatlah penting, dari sumber pembangunan sumber tenaga manusia untuk menghadapi cabaran-cabaran dunia globalisasi dan ekonomi berteraskan ilmu k-ekonomi. Penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga sudah mendesak keperluan bagi negara kita untuk terus bersaing dan mampu menghadapinya terutama sekali dalam bidang perdagangan dan pelaburan dan kewangan. Semua ini memerlukan kemahiran yang spesifik dan terkini.

Maka ke arah itu, pemilihan program-program pengajian di UBD hendaklah jangan semata-mata berdasarkan kepada apa-apa yang dianggap mudah tetapi amatlah mustahak bagi kita untuk lebih berani mewujudkan prospek sumber tenaga manusia yang amat diperlukan oleh negara. Zaman sekarang manusia kini berlumba-lumba mencapai tingkat kemajuan yang tinggi yang berasaskan ilmu sains, matematik dan ekonomi. UBD juga disaran agar berupaya menghasilkan seberapa banyak penyelidikan yang bermutu dan bermanfaat bagi perkembangan dan keperluan negara. Untuk tujuan itu, ahli-ahli akademik dikehendaki menghasilkan seberapa banyak penyelidikan.

Sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan tamadun bagi Brunei Darussalam, UBD juga diharap dapat mengambil langkah mewujudkan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan (Research dan Development Centre). Langkah proaktif seperti ini bukan sahaja menjadikan Brunei Darussalam sebagai pusat pengajian malahan juga akan menjadi pusat penyelidikan (research university) yang kini menjadi trend di kalangan universiti-universiti ternama di dunia.

Alhamdulillah, sebagai universiti yang ulung di negara ini, UBD telah mengorak langkah dan menyahut hasrat murni dan cabaran itu. Kini UBD sentiasa berusaha ke arah mengembangkannya program pengajiannya dengan mengadakan program kembar yang dinamakan 'Bachelor of Biomedical Science' yang diusahakan dengan universiti-universiti 'established' di luar negara. Program perubatan ini sangat penting dalam usaha menjadikan rakyat dan penduduk bumi Darussalam ini sentiasa sihat dan sejahtera. Selain itu, UBD dengan kerjasama agensi tertentu dalam kerajaan juga sedang berusaha menyediakan kemudahan seperti cuti 'sabbatical' kepada ahli-ahli akademik tempatan untuk memudahkan mereka menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang.

Sememangnya rakyat dan negara mengharap menara gading itu menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti dan mempunyai pelbagai cabang disiplin ilmu bagi menggerakkan jentera pembangunan negara di masa depan. Semenjak ditubuhkan 16 tahun lalu, UBD bukan sahaja berupaya mengeluarkan jumlah kuantiti yang banyak tetapi yang penting berjaya melahirkan golongan cerdik pandai yang berkualiti, mahir, berwibawa dan berkaliber. Buktinya, graduan yang dihasilkan setanding dengan universiti luar yang ternama dan 'established'. Tidak syak lagi UBD akan terus mampu mengekalkan reputasi yang baik dalam menjana sumber tenaga manusia yang mahir bagi menghadapi cabaran globalisasi dunia masa kini.

HALUAN...

Kapal LNG 'ABADI'

Memenuhi keperluan pembekalan jangka panjang

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kepada ahli-ahli keluarga, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penuh hormat dan takzim, izinkan hamba Kebawah Duli Tuan Patik bagi pihak Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad dan juga Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad selaku penganjur bersama majlis ini, menyampaikan penghargaan dan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik kerana berkenan berangkat bercemerlang duli dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Sempurnanya Pemuatan, Pemunggahan dan Pelayaran Kargo LNG Pertama Kapal 'ABADI'.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik adalah amat bermakna sekali bagi abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik hari ini. Sememangnya peristiwa ini menandakan satu lagi mercu tanda dan ristaan sejarah berkekalan akan komitmen padu Kebawah Duli Tuan Patik melihat industri LNG, di samping minyak mentah untuk terus memainkan peranan relevan sebagai salah satu sumber penyumbang kepada pembangunan dan ekonomi demi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran berterusan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Ianya juga akan memberikan abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik inspirasi dan semangat untuk terus berusaha lagi dengan lebih gigih di masa hadapan.

Syarikat Brunei LNG adalah merupakan usaha sama pihak Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik, Syarikat Shell Overseas Trading dan Syarikat Mitsubishi Corporation. Syarikat Brunei LNG berperanan sebagai pembeli gas asli yang mana ini diproses dan ditukarkan menjadi gas cecair ataupun LNG di Logi Brunei LNG di Lumut ini. Syarikat ini juga berperanan dalam pemasaran dan penghantaran LNG tersebut kepada pembeli-pembeli di luar negeri.

Pada masa ini kesemua LNG yang dikeluarkan oleh Syarikat Brunei LNG adalah bagi memenuhi permintaan pembeli-pembeli LNG luar negeri, terutamanya dari negara Jepun dan Republik Korea melalui kontrak-kontrak pembekalan yang mana akan berakhir pada tahun 2013.

Kejayaan dalam memperoleh kontrak pembekalan LNG yang berjangka panjang dari pembeli di Jepun dan

Korea mencerminkan kepercayaan pembeli-pembeli LNG kepada komitmen dan kecekapan pihak pengurusan Syarikat Brunei LNG. Lebih-lebih lagi, ianya menunjukkan keyakinan pembeli-pembeli LNG kepada suasana negara yang aman dan selamat yang dinikmati oleh kesemua rakyat dan penduduk di negara ini berkat kepimpinan cemerlang dan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik jua.

Bagi memenuhi komitmen-komitmen pembekalan kepada pembeli-pembeli LNG di negara Jepun dan Korea, Negara Brunei Darussalam sebelum ini sudah memiliki tujuh kapal LNG jenis 'Kelas B' menerusi Syarikat Brunei Shell Tankers iaitu usaha sama di antara pihak Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik dan Syarikat Shell Petroleum.

KEJAYAAN dalam memperoleh kontrak pembekalan LNG yang berjangka panjang dari pembeli di Jepun dan Korea mencerminkan kepercayaan pembeli-pembeli LNG kepada komitmen dan kecekapan pihak pengurusan Syarikat Brunei LNG. Lebih-lebih lagi, ianya menunjukkan keyakinan pembeli-pembeli LNG kepada suasana negara yang aman dan selamat yang dinikmati oleh kesemua rakyat dan penduduk di negara ini berkat kepimpinan cemerlang dan keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik jua.



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di Majlis Perasmian Sempurnanya Pemuatan, Pemunggahan dan Pelayaran Kargo LNG Pertama Kapal LNG 'ABADI' pada hari Sabtu 13 Julai 2002 di Ibu Pejabat Syarikat Brunei LNG Sdn. Bhd. Lumut, Kuala Belait.

Walau bagaimanapun disebabkan oleh peningkatan jumlah pembekalan dalam kontrak baru oleh pembeli-pembeli LNG, maka jumlah kapal LNG yang sedia ada itu tidak cukup untuk memenuhi kesemua permintaan bagi membekalkan LNG. Oleh yang demikian Syarikat Brunei LNG telah mengambil inisiatif untuk menyewa kapal-kapal LNG semenjak dari tahun 1996.

Dalam pada itu, memandangkan adanya keperluan memiliki kapal LNG tambahan untuk mengganti kapal LNG yang disewa tersebut ke arah memenuhi dengan sepenuhnya komitmen pembekalan LNG sehingga berakhirnya kontrak masa ini pada tahun 2013, dan seterusnya mengambil kira kemungkinan memperoleh kontrak-kontrak pembekalan LNG baru selepas tahun tersebut

terutamanya bagi memasarkan sejumlah besar rezab gas asli yang masih terkandung dalam bumi negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik telah membuat keputusan menerusi Brunei Gas Carrier (BGC) iaitu sebuah syarikat usaha sama di antara pihak Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik, Shell Gas B.V. dan Syarikat Diamond Gas Carrier (subsidiary Mitsubishi Corporation), menampah bina dan memiliki kapal LNG baru jenis Kelas A yang bermuatan lebih besar (iaitu berjumlah kira-kira 135,000 meter padu) berbanding dengan kapal LNG milik Brunei Shell Tankers (yang hanya mempunyai isi padu kira-kira 75,000 meter padu).

Kapal LNG baru ini telah dibina di negara Jepun dalam mana setelah ianya siap dibina, hamba Kebawah Duli Tuan Patik

di atas titah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik jua telah merasmikan penamaan kapal tersebut sebagai Kapal LNG 'ABADI' pada 9 Mei 2002 di Nagasaki, Jepun. Sesudah menjalani ujian-ujian teknikal dan mendapat kelulusan beroperasi, Kapal LNG ABADI telah belayar dari Jepun dan tiba di Negara Brunei Darussalam pada 26 Jun 2002. Ianya mula berkhidmat dengan membawa muatan LNG pertamanya dari Terminal BLNG di Lumut ini menuju ke Jepun pada 29 Jun 2002.

Salah satu komponen penting bagi setiap kapal ialah adanya tenaga kerja yang berkelayakan dan berpengalaman baik pada peringkat pegawai mahupun anak-anak kapalnya.

Ke arah itu, dalam mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik bagi memastikan perkembangan tenaga dan kepakaran anak-anak tempatan pada segenap peringkat di kesemua industri termasuk industri petroleum di negara ini dan di bidang perkapalan yang berkaitan dengan industri tersebut, maka abis pihak hamba Kebawah Duli Tuan Patik seperti mana juga syarikat-syarikat usaha sama Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik dalam industri petroleum lainnya di negara ini sentiasa melaksanakan program-program pengambiln dan latihan anak-anak tempatan secara gigih.

Hasil daripada usaha berterusan ini, jumlah anak-anak tempatan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Tuan Patik telah meningkat dari tahun ke setahun dengan pencapaian prestasi yang membanggakan. Dengan adanya komitmen yang tinggi dari segenap pihak, abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik percaya pada satu masa nanti, kapal-kapal LNG Negara Brunei Darussalam akan dikendalikan sepenuhnya oleh anak-anak tempatan.

Akhirnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzim menjunjung ampuan beribu ampuan sekiranya tersorok langkah dan sebarang kekurangan dalam majlis ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KEKUATAN hubungan kekeluargaan di masa silam banyak bergantung kepada nilai sikap pengelingahan yang dipelihara dengan baik agar ia terus kukuh dan menjamin nilai bersatu padu yang penuh bererti. Minggu lalu, kita cuba melihat sikap dan nilai pengelingahan itu dari sudut hidup bermasyarakat dan berbangsakan. Namun demikian, tidak bermakna bahawa keadaan di masa silam itu digambarkan seolah-olah tidak berlaku sebarang sesuatu yang menjadi sebab berlakunya keretakan, perselisihan faham atau berbantah-bantahan.

Orang dahulu juga adalah sama dengan orang sekarang ini yang tidak sunyi dari serba gangguan yang serba memungkinkan berlakunya pertentangan dan yang seumpamanya. Orang dahulu juga pandai bergaduh, bertengkar, bertumbuk, berlawan-lawanan ilmu termasuklah ilmu hitam yang cukup dikenal ramai ketika itu seperti yang disebut namanya sebagai pantak atau ranggau. Selain daripada itu, orang dahulu juga bukan tidak pandai memikat malah dapat dikatakan bahawa dalam soal memikat ini, orang dahulu itu mempunyai kehebatan yang tersendiri menurut keadaan dan zaman mereka itu. Umpamanya, orang dahulu dikatakan handal dalam memikat haiwan atau segala macam burung yang digemari ramai. Mereka menggunakan ilmu memikat ini ada berbagai-bagai tujuan. Antara tujuan yang terkenal ialah untuk dijadikan sebagai alat dalam perniagaan atau berjual beli. Sebilangannya pula akan menggunakan sesuatu sebagai alat memikat pembeli untuk melariskan jualan mereka. Biasanya, alat-alat itu dipanggil sebagai pelaris. Tidak setakat dengan alat-alat yang tertentu seperti daripada kayu tumbuh-tumbuhan, besi, permata, air, kunyit dan sebagainya, mereka juga ada yang menggunakan bacabacaan atau jampi-jampian, tiup-tiupan, sembur-semburan atau bahan-bahan lain yang ditanamkan atau disisip dan disimpan dalam tong tempat menyimpan usin jualan. Tidak kurang juga dengan cara menggantung benda yang dipanggil sebagai pelaris itu tadi.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MASA SAKIT MASA SENANG

Sebenarnya, ada banyak cara yang dilakukan oleh orang-orang masa silam itu dalam melariskan bahan-bahan perniagaan mereka. Namun demikian, satu keistimewaan mereka itu ialah sikap mereka yang jujur dan amanah terhadap benda-benda yang menjadi bahan jualan mereka itu. Mereka akan bercakap jujur mengenai kualiti sesuatu barang yang mereka jual. Kiranya yang dijual itu terdiri dari bahan-bahan makanan, mereka tidak akan berani mengatakan akan kebugusannya. "Rasa saja dulu. Kalau diucapkan baik, barangkali inda baik, kalau diucapkan nyaman barangkali inda nyaman. Liur masing-masing inda sama. Cuba saja daulu," demikianlah antara yang selalu terucap dari bibir mereka yang berjualan itu.

Di sebalik ucapan begini memiliki keindahan yang tersendiri yang tidak sahaja penuh dengan keikhlasan dan kejujuran, bahkan cukup jelas tergambar sikap merendah diri dan ketentuan betapa sesuatu itu hanya akan diketahui dengan sejelas-jelasnya oleh Yang Maha Pencipta. Di samping semua itu, ianya juga tidak bererti mengenai adanya orang-orang yang tidak lurus, malah perumpamaan yang berbunyi 'telunjuk lurus kelingking berkait' selalu ditujukan kepada orang-orang yang diragui akan kejujurannya termasuklah dalam soal perniagaan ini. Demikian juga dengan perumpamaan 'ada udang di sebalik batu' yang menggambarkan keraguan tentang kemungkinan adanya ketidakjujuran dalam urusan-urusan yang tertentu. Demikian juga yang berbau peringatan berbunyi: 'kalau hendak tahu isinya, jangan dilihat kepada kulitnya semata-mata, hujan belum tentu turun biarpun guruh berdentum di sana sini', dan banyak lagi yang diucapkan oleh ahli-ahli bahasa dalam meng-

gambarkan suasana keliling di masa silam itu.

Ini bererti bahawa perbezaan sikap tidak banyak berlaku, bahkan persamaannya antara dahulu dan sekarang adalah masih dalam perantaraan berlebih dan berkurang itu, walaupun orang dahulu itu tidak ramai yang berpelajaran sementara orang sekarang hampir semuanya mengenal huruf, berpelajaran tinggi, berilmu luas dan sudah pun menjadi anggota global yang memiliki serba keluarbiasaan itu. Namun semakin lama kita mengembara dan semakin banyak ilmu yang didapat, semakin jelas kerdil kita di sisi Allah Yang Maha Esa. Kita seperti tidak dapat menyatukan sikap amal makruf demi kecemerlangan bangsa dan agama.

Masa sakit dan masa senang, jika benar-benar dimanfaatkan dalam merenung-renung perjalanan hidup yang dilalui, sebanyak sedikit dapat memperingatkan kita betapa rasa bersyukur itu amat penting dijadikan sukatsukut. Orang dahulu, memang biasa dengan cara hidup 'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'. Walaupun tidak semua menikmati kesenangan yang dikejar itu, namun jarang sekali kita terdengar adanya keluhan-keluhan yang berat apa lagi seperti menempelak mengenai ketentuan takdir. Kehidupan di masa silam itu hampir keseluruhannya tidak senang. Mungkin ada yang kaya dari segi wang ringgit, tetapi tidak dapat digunakan kerana tidak ada benda yang hendak dibeli terutama makanan dan ubat-ubatan. Tulang empat keratlah yang amat penting dari wang ringgit. Siapa kuat dan sihat bererti ada kesempatan melihat bulan dan matahari di hari esok. Selain dari itu, ada juga yang

menyerahkan diri kepada takdir. Kerana itu, pepatah yang berbunyi: 'kalau ada umur, esoktah kitani baunjar baras', akan selalu terucap dari bibir mereka yang pucat. Ini berlaku di masa susah. Kesusahan itu bertambah-tambah teruk lagi apabila berlaku Perang Dunia Ke-2 (1939-1945) apabila hampir semua orang bergantung hidup kepada sagu, pakis, leminging, umbut-umbutan, membabang ikan di sungai, membubu dan meramu segala macam yang dapat dimakan dari hutan dan lain-lain lagi. Semuanya untuk hidup.

Akibat semua ini, timbul berbagai-bagai penyakit terutamanya serangan 'galang-galang' dalam perut dan menyebabkan ramai yang berperut labu (buncit), badan kuning, wajah layu, kurus kering dan macam-macam lagi sehingga ada yang menggelarkan keadaan orang ketika itu diumpamakan seperti kata-kata yang berbunyi '...kalau inda ada kulit, larak', demikianlah kata orang yang mengalaminya. Keadaan yang demikian ini hanya berkurangan sebaik-baik sahaja perang tamat dan tentera bersekutu mengambil alih semua pengendalian masyarakat terutamanya hal-ehwal kesihatan dan pemakanan yang disumbangkan dari 'ration' tentera. Semua keadaan agak sempurna setelah itu dan kini ramai orang yang bertambah senang menurut anjakan waktu dan persekitaran yang menawarkan berbagai-bagai peluang selain dari semakin bertambahnya penduduk dengan berbagai karekna yang baru yang memungkinkan pula memudahkan ingatan masa silam itu yang sekali gus - sedar atau tidak - terubah sikap akibat serba senang, menimbulkan rasa malas, mengharap yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang, diberi kaki mahukan peha, seperti sudah hilang rasa bersyukur terhadap apa yang ada. Maka itu, perlu benar direnung selalu di ketika kita melewati 'masa sakit' dan di ketika kita menikmati 'masa senang' agar kita arif mengenai tingginya langit yang kita junjung dan rendahnya bumi yang kita pijak agar kita menjadi satu bangsa yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Kerjasama Brunei dan Malaysia erat



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan memotong kek sempena ulang tahun ke-45 Hari Kemerdekaan Malaysia bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Salman Ahmad. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa. - Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

BERAKAS, 31 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Malaysia dan mengalu-alukan persahabatan dan kerjasama erat yang terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Hubungan kedua-dua negara, sabda DYT, adalah sesuatu yang istimewa, di mana hubungan tersebut bukan hanya terjalin erat di peringkat tertinggi kerajaan malah ke peringkat kekeluargaan antara rakyat kedua-dua negara.

DYT menambah sabda antara lawatan yang dianggap mencapai matlamat ialah Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Ke-3 antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang telah diadakan April lalu di Kuala Lumpur.

"Hasil persefahaman dan kerjasama kedua-dua negara telah dapat memberikan laluan kepada tertubuhnya Pejabat Konsulat Agung Brunei di Kuching dan berharap Pejabat Konsulat yang sama akan ditubuhkan di Sabah," sabda DYT di

Oleh
Hj. Ahmad HS

Majlis Resepsi sempena ulang tahun ke-45 Hari Kemerdekaan Malaysia yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato Salman Ahmad antara lain berkata Malaysia turut menghormati serta memandangi

tinggi pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kepimpinan yang sak-sama baginda itu telah menghasilkan kejayaan dan kemajuan seperti yang dinikmati sekarang, tambahannya.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah menjalin hubungan pelbagai bidang termasuk dalam pertahanan, pendidikan dan perdagangan serta ko-

munikasi rancangan Televisyen dan Radio. Malaysia dan Brunei Darussalam merupakan rakan rapat dalam anggota pertubuhan ASEAN, serantau dan antarabangsa.

Malaysia telah mendapat kemerdekaan daripada Britain dalam tahun 1957 dan sejak itu telah menjadi salah sebuah negara yang maju dan moden di Asia Tenggara di bawah kepimpinan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed 20 tahun lalu.



Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Daerah Belait



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di kawasan Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof, Seria.



BAGINDA berkenan menyaksikan persembahan tarik kalat oleh kanak-kanak yang tinggal di Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan semasa baginda melawat kawasan Lagun Pusat Bandar, Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan (atas).

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah dan bersalaman bersama pelajar-pelajar Maktab Anthony Abell, Seria (kanan).



BAGINDA berkenan menganugerahkan kunci rumah kepada salah seorang peserta yang mengikuti Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama guru-guru dan kakitangan Maktab Anthony Abell, Seria.

Dari muka 1

Baginda seterusnya berkenan menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah kepada 254 orang penerima, kelas 'C' seramai 107 orang dan kelas 'D' 147 orang, manakala lot-lot tanah kepada 46 orang penerima yang permohonan dari tahun 1980 hingga pertengahan tahun 1991.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Sejurus selepas majlis tersebut, baginda berangkat melawat Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof yang sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Rendah Lorong Tiga Selatan yang mempunyai keluasan 14.842 ekar.

Keramaian muridnya 560 orang yang belajar dari darjah pra hingga darjah enam yang tinggal di Berek Lorong Tiga Selatan, Skim Perumahan Rakyat Jati, Perumahan Brunei Shell dan Berek Jalan Bolkiah.

Sekolah yang beroperasi pada 1 Mac 1993 disempurnakan nama Yang Amat Mulia Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Yang Amat Mulia sendiri merasmikan sekolah itu pada 10 Ogos 1998.

Sekolah tersebut mempunyai dua blok bilik darjah dan sebuah blok bilik pentadbiran dengan keramaian tenaga pengajarnya 38 orang dan 11 kakitangan di bawah pimpinan Guru Besar, Cikgu Junit bin Haji Abdullah.

Seperti sekolah-sekolah rendah kerajaan yang lain di negara ini, sekolah berkenaan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pembelajaran dan pengajaran serta kemudahan-kemudahan lain antaranya makmal sains, makmal komputer, pengajaran LAT, bilik ibadat, bilik perpustakaan, klinik gigi, kantin, dapur, bilik sistem maklumat dan bilik Tunas Puteri dan Pengakap.

Dari sana baginda meneruskan lawatan ke sekolah Inggeris kerajaan yang tertua ditubuhkan di Daerah Belait pada 2 Disember 1952 yang kini dikenali sebagai Maktab Anthony Abell (AAC) dan suatu ketika dulu

Liputan Haji Ahat HI dan Dayangku Hajah Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB, Pengiran Raffee PDPHM dan Masri Osman

dikenali sebagai 'Government English School'.

Bangunan pertamanya hanya sebuah pondok pengakap terletak di Jalan Sultan, Kuala Belait, bagaimanapun pada bulan Januari tahun berikutnya sekolah tersebut berpindah ke tapak Pejabat Pos Seria dan seterusnya pada 28 Julai 1958 sekali lagi sekolah tersebut berpindah lagi ke kawasan baru yang ada sekarang dan dinamakan Maktab Anthony Abell sempena nama Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Sir Anthony Foster Abell.

Keramaian pelajarnya pada ketika ini 628 orang yang belajar menengah bawah satu hingga tingkatan enam atas, di bawah pimpinan 73 tenaga pengajar dan pengetuanya, Cikgu Cheong Huat Joo. Maktab tersebut dijangka akan meraikan sambutan jubli emasnya pada tahun depan.

Seterusnya baginda berkenan berangkat bercemer duli ke rumah Ketua Kampong Pekan Seria, Awang Haji Ibrahim bin Idrus, berusia 55 tahun.

Sebelum dilantik secara sah pada 2 Januari lalu sebagai ketua kampung, beliau bertugas sebagai pendidik selama 33 tahun dan bersara pada 31 Disember tahun lepas.

Sebelum itu jawatan tersebut dipangku oleh Ketua Kampong Lorong Tiga Selatan, Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zolkiflee bin Abdullah.

Penduduk di bawah pengawasan Awang Haji Ibrahim lebih lapan ribu orang terdiri dari berbilang bangsa yang kebanyakan mereka bertugas dengan kerajaan, Syarikat Minyak Brunei Shell, swasta dan persendirian.

Kawasan di bawah pengawasannya dari Lorong Tiga hingga ke Sungai Kayu Ara, manakala keluasan kawasan Seria bermula dari Pusing Keliling

Mumong dan Pusing Keliling Istana Mangalela hingga Sungai Kayu Ara dengan keramaian penduduknya lebih 21,000 yang diterajui oleh Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zolkiflee dan beliau sendiri.

Baginda seterusnya berkenan berangkat bercemer duli ke beberapa buah rumah para peserta yang menerima anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah.

Keberangkatan baginda ke rumah-rumah mereka membuktikan betapa kasih, pemedulian dan keprihatinan baginda terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Selain itu baginda juga berkenan berangkat meninjau ke kawasan Lagun Pusat Bandar yang terletak di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan.

Peringkat pertama projek yang menelan belanja B\$7 juta itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya taman peranginan, podium untuk bersantai, tandas awam, pondok rehat dan laluan pejalan kaki sejauh lima kilometer.

Manakala lagun berukuran 400 meter itu dilengkapi dengan 12 air pancutan yang mampu memancutkan air setinggi kira-kira 30 meter dihiasi dengan lampu berwarna-warni.

Dari sana, baginda seterusnya berkenan berangkat bercemer duli ke kediaman Ketua Kampong Mumong, Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin, berusia 58 tahun.

Beliau dilantik sebagai ketua kampung yang dipegang sebelum ini oleh Awang Haji Ramli bin Haji Seri. Sebelum perantaraan beliau pada 1 Februari tahun lalu beliau pernah berkhidmat dengan kera-

Lihat muka 5

Dari muka 4

jaan selama 36 tahun dan bersara pada 1 April 1999.

Keramaian penduduk di bawah pengawasannya 10,600 orang dengan jumlah rumah lebih 2,000 buah, manakala kawasan di bawah pengawasannya Skim Perumahan Rakyat Jati, Mumong termasuk bereberek pegawai rendah kerajaan, kawasan Jalan Dipa Negara, Jalan Singa Manteri, Mumong Selatan hingga kawasan Perumahan Ekspo Kuala Balai. Kampong Mumong mempunyai keluasan lebih 10 kilometer persegi.

Destinasi terakhir lawatan baginda ke Hotel Riviera yang terletak di Jalan Sungai, di tengah-tengah Pekan Belait yang dimiliki sepenuhnya oleh anak tempatan.

Hotel berkenaan mempunyai ruang pejabat untuk disewa dan 31 buah bilik penginapan yang cukup selesa dengan harga yang berpatutan. Hotel tersebut dibina tahun lalu dan siap sepenuhnya pada awal tahun ini dan telah dibuka rasmi oleh Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin pada 6 Jun lalu.

Baginda juga berkenan santap tengah hari di hotel berkenaan. Sebelum berangkat pulang, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada rakyat dan penduduk Daerah Belait.



BAGINDA berkenan menganugerahkan lot tanah kepada Awang Ghazalee bin Haji Ismail, peserta yang mengikuti Rancangan Perumahan Negara bagi pegawai-pegawai kerajaan bahagian III, IV dan V (atas kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menanam pokok palma di kawasan Maktab Anthony Abell, Seria (atas).

BAGINDA berkenan bergambar ramai bersama keluarga Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Aliuddin, peserta yang menerima lot tanah bagi pekerja-pekerja Syarikat Minyak Brunei Shell (kiri).

BAGINDA berbual mesra bersama seorang guru di Bilik Perpustakaan, Maktab Anthony Abell semasa baginda melawat ke sana (bawah kiri).

BAGINDA bertitah sesuatu kepada seorang pelajar Maktab Anthony Abell semasa baginda melawat makmal sains maktab berkenaan (bawah).



BAGINDA berkenan bergambar ramai bersama Ketua Kampong Mumong, Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin dan keluarga (bawah kiri).

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah kaum keluarga Dayang Antimau Anak Igoi semasa baginda berangkat bercemar duli ke rumah beliau (bawah kanan).



Pemberian biasiswa akan diteruskan

PULAIE, 2 September. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan meneruskan dasar memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang berkecukupan dan memenuhi syarat-syarat di institusi tinggi di luar negeri dalam bidang-bidang yang masih diperlukan oleh negara.

Bagaimanapun kerajaan akan memberikan keutamaan terlebih dahulu bagi menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang terdapat di dalam negeri seperti Universiti Brunei Darussalam yang mempunyai pembelajaran lebih murah, kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang setanding atau lebih baik dari institusi lain di luar negara.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata dalam mendapatkan dermasiswa untuk belajar di dalam dan luar negeri memerlukan pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian dengan keperluan negara dengan persaingan untuk mendapatkan dermasiswa yang terhad.

"Semakin pesat kemajuan dan perkembangan

Oleh Samle Haji Jait

pendidikan itu semakin hebat pula persaingan yang dihadapi," jelas Yang Berhormat ketika merasmikan Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002 di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Dalam menghadapi persaingan itu, menurut Yang Berhormat, setiap pelajar adalah di'expect' untuk meraih kelulusan yang terbaik dan mencapai standard yang ditetapkan sehingga istilah kelulusan 'cukup makan' atau 'memenuhi syarat' saja belum menjamin seseorang itu mendapat tempat atau biasiswa untuk melanjutkan pengajian di dalam apa lagi di luar negeri.

"Di sinilah kualiti pencapaian sentiasa ditekankan ke arah usaha menghasilkan graduan yang berkualiti yang dapat memenuhi keperluan negara dengan sebaik-baiknya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan negara akan terus mengaturnya dalam semua bidang bagi mencapai pembangunan seimbang

yang berlandaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Bagi membantu pembangunan negara yang seimbang dari segi fizikal dan mental negara memerlukan sumber tenaga manusia yang bukan saja berilmu pengetahuan tinggi tetapi perlu dihiasi dengan akhlak dan peribadi yang mulia.

Pembangunan sosio-ekonomi dan politik sebuah negara memerlukan bukan saja pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pelbagai bidang ilmu tetapi juga berupaya untuk menyelesaikan dan mengatasi cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dari masa ke semasa.

Menyentuh kepesatan kemajuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) masa kini, Yang Berhormat menjelaskan pelajar telah dapat menimba ilmu dalam pelbagai bidang terutama menerusi era globalisasi dunia tanpa sempadan dengan menyediakan maklumat dan peluang bagi memperluas ilmu tanpa batasan.

"Isu penting ialah bagaimana maklumat-maklumat yang tersedia itu

dapat digunakan dengan bijak-bijaknya untuk pembangunan negara kerana dalam masa yang sama kita juga terdedah kepada pelbagai maklumat negatif yang boleh meruntuhkan akhlak dan mencairkan nilai-nilai murni yang dimiliki," jelas Yang Berhormat.

Beliau menambah bahawa sebuah negara yang penduduknya kecil tentulah kita tidak mampu untuk menerima pembangunan fizikal, material dan pada masa yang sama mengorbankan

nilai-nilai murni akhlak orang-orang kita.

Sehubungan dengan itu, Menteri Pendidikan mengingatkan mahasiswa/mahasiswi hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi bagi memberikan kekuatan dalam menapis dan menjarang maklumat-maklumat yang diperolehi dengan sempurna dan bijak-sana kerana unsur-unsur anti sosial, anti agama juga diselitkan melalui alat-alat ICT.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menjelaskan bagi mendapatkan dermasiswa untuk belajar di dalam dan luar negeri, pemohon mestilah berkelayakan. - Gambar oleh Hamadi HM.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika memberikan ucapan alu-aluan di Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002 menekankan bahawa ilmu adalah kekuatan, sementara akhlak adalah perhiasan diri. - Gambar oleh Hamadi HM.

Dasar pendidikan negara dapat dicapai melalui ilmu, akhlak

PULAIE, 1 September. - Dasar pendidikan negara sangat jelas iaitu ke arah kesempurnaan insan dan hanya akan dapat dicapai melalui ilmu yang berguna dan akhlak yang mulia.

"Ilmu menjadi kekuatan dan senjata kita, manakala akhlak pula adalah perhiasan dan benteng pertahanan diri yang menjadikan insan cemerlang dan berwibawa serta digalati," jelas Pengerang Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin di Majlis Perasmian Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002 di Pusat Da'wah Islamiyah.

Sebab itu, tambah beliau, negara sangat berharap agar mahasiswa mahasiswi akan membawa pulang ijazah yang akan menerangi hidupnya dan negaranya dengan akhlak.

Ketika menyentuh kepesatan kehadiran gelombang maklumat, beliau menjelaskan, dunia ini telah menjadi sarat dengan pelbagai maklumat sama ada kita suka atau

Oleh Samle Haji Jait

tidak relevan kepada keperluan atau gaya hidup kita.

Malangnya, menurut beliau, ICT bukan saja menjana kehebatan maklumat yang membawa kebaikan tetapi turut menyebarkan budaya mungkar, negatif dan merosakkan amalan-amalan hidup yang murni.

"Sebagai mahasiswa mahasiswi yang berakhlak sudah tentu akan bersikap lebih bijaksana dalam menilai yang baik dan buruk," ujar beliau.

Beliau berharap Perkampungan Sivik yang diungkayahkan akan memberikan manfaat dan nilai tambah serta dapat menyumbang ilmu pengetahuan, mencambah minda dan mengadun iltizam serta menyebarkan

semangat kebruneian yang terbilang.

Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut merupakan projek tahunan Jabatan Penerangan dalam menggapai hasrat untuk membudayakan masyarakat bermaklumat kepada rakyat negara ini yang berada di dalam negara dan mahasiswa mahasiswi seberang laut.

Melihat pentingnya tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh mahasiswa dan mahasiswi, beliau menegaskan 'trade mark' yang diberikan kepada mereka sebagai aset negara adalah tepat dan mempunyai signifikannya yang tersendiri.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan turut mengangkat aset negara dengan memberikan maklumat dan pengetahuan terutama mengenai perkembangan dan hal-ehwal kerajaan, negara serta bangsa sesuai dengan situasi mereka yang jauh dari keluarga dan persekitaran negara.

Tema Perkampungan Sivik tersebut, 'Berilmu dan Berakhlak Negara Perkasa' menekankan dua elemen penting iaitu ilmu dan akhlak.

Kedua-dua elemen itu berkait rapat di antara satu sama lain, saling memperkukuh dan memperkukuh kewujudan masing-masing sehingga jika mengabaikan salah satu daripadanya akan memberi kepincangan.

"Kita tidak mahu mahasiswa dan mahasiswi kita pincang dan tidak seimbang dengan aspirasi bangsa dan negara," ujar beliau.

Lebih 70 orang mahasiswa mahasiswi kerajaan dan dermasiswa Brunei Shell, Universiti Brunei Darussalam dan Institut Teknologi Brunei menyertai perkampungan berkenaan.

Sepanjang perkampungan itu para peserta berpeluang mengikuti beberapa siri ceramah, kegiatan keagamaan, kepimpinan dan ketatanegaraan.

Program tahunan perkampungan itu yang di-kendalikan oleh Jabatan Penerangan sejak 1976, antara lain bertujuan memberikan kefahaman hal-ehwal semasa dalam kerajaan bagi membentuk minda dan iltizam penuntut ke arah melahirkan semangat keprihatinan cintakan bangsa, agama dan negara yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.



PARA mahasiswa dan mahasiswi serta keluarga masing-masing ketika menghadiri Majlis Perasmian Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2002 yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah. - Gambar oleh Hamadi HM.



Majlis Perpisahan bagi bekas Timbalan Menteri HEDN

BERAKAS, 30 Ogos. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyatakan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid atas jasa dan sumbangan beliau sepanjang memegang jawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menurut Yang Berhormat, jasa dan bakti beliau adalah terlalu banyak yang akan menjadi ristaan baik bagi para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

"Pengalaman Dato yang luas dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu tentu sukar untuk ditandingi dan akan dapat dijadikan sumber inspirasi kepada para pegawai muda masa kini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan penghargaan itu di Majlis Perpisahan kepada bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid dan mengalu-alukan Timbalan

Oleh
Abd. Karim HAB

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang baru, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof di Dewan Serbaguna, Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin mulai berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan pada 6 April 1957 sebagai Pegawai Luar dan setelah itu sebagai Pegawai Pentadbir di Jabatan Penerangan. Kemudian beliau

berkhidmat sebagai Pegawai Pentadbir di Jabatan Kehakiman dan Jabatan Tanah (1958 - November 1960).

Beliau juga pernah berkhidmat di Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah Temburong, Pegawai Pentadbir di Jabatan Setiausaha Kerajaan (1963 - 1972), Jabatan Pengangkutan Darat (1972 - 1979), bertugas sebagai Pengawal Imigresen, Pesuruhjaya Pendaftaran Kebangsaan dan Pendaftar Taraf Kebangsaan (1979 - 1986). Beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada 21 Oktober 1986 dan bersara pada 9 Ogos 2002.

Dalam mengalu-alukan

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang baru, Yang Berhormat seterusnya menyeru para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus bekerja dengan semangat berpasukan yang tinggi dan memberi sokongan padu kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan.

Majlis itu juga dihadiri oleh para setiausaha tetap kementerian berkenaan, para pegawai kanan yang pernah berkhidmat di kementerian itu dan jabatan-jabatan di bawahnya dan para penghulu dan ketua kampung.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyerahkan cenderamata kepada bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah serta para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir di majlis berkenaan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Generasi muda komited investasi jangka panjang

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 21 Ogos. - Pengarah Urusan Brunei LNG Sendirian Berhad, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah berkata, Brunei LNG Sendirian Berhad memandang serius dan positif mengenai kepentingan generasi baru supaya menjadi warga yang berguna kepada bangsa dan negara serta menyumbang untuk pembangunan negara di masa akan datang.

Katanya, Brunei LNG amat komited terhadap pembangunan masyarakat bukan saja untuk orang dewasa tetapi yang lebih penting sebagai asas masa hadapan ialah dengan membina golongan kanak-kanak ini supaya menjadi generasi cemerlang yang dapat menyumbang untuk negara.

Tambahnya, kita harus bijak membina aset bangsa dengan penuh proaktif, dedikasi dan berfikir matang, di samping mengambil langkah yang positif, dinamik dan progresif untuk melahirkan generasi yang cemerlang.

Menurut beliau, generasi muda ini merupakan tenaga sumber manusia atau aset negara yang perlu dilihat dari segi investasi jangka panjang iaitu aset produktif dan produktif untuk negara.

Dato Paduka menyatakan perkara tersebut sewaktu menjadi tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah di Majlis Penyampaian Hadiah Melukis dan Menulis Karangan Majalah Mekar/Juara BLNG-DBP 2002 yang berlangsung di Dewan Sarmayuda, bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Adik Noradilah binti Haji Jumat dari Sekolah Rendah Dato Basir dan Adik

Waarithatul Wafa' binti Haji Abdul Kadir dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit masing-masing muncul sebagai johan kategori A dan B dalam Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar/Juara.

Sementara johan Peraduan Melukis Mekar, juara kategori 'A' dimenangi oleh Adik Dayang Afifah binti Othman dari Sekolah Rendah Puni dan Adik Lee Yi Zheng dari Sekolah Mene-ngh Chung Ching muncul johan bagi kategori 'B'.

Peraduan Melukis dan Menulis Karangan Mekar/Juara BLNG-DBP 2002 yang dilancarkan pada 20 April lalu disertai oleh kira-kira 616 buah lukisan dan 728 karangan hasil karya pelajar-pelajar seluruh negara.

Dari jumlah tersebut, 10 lukisan bagi kategori 'A' dan 10 lukisan bagi kategori 'B', serta lapan karangan dari kategori 'A' dan lapan kategori 'B' terpilih untuk menerima hadiah hari itu.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Hakim dan majlis penyampaian hari itu juga diserikan dengan persembahan lagu tema Juara/Mekar oleh anak-anak pegawai dan kakitangan DBP.

Majalah Mekar yang diterbitkan oleh DBP merupakan satu-satunya majalah pendidikan kanak-kanak yang unggul di negara ini dan kini usianya sudah mencapai 35 tahun sejak mula diterbitkan pada tahun 1967.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub menyampaikan Anugerah Produk Terbaik, Laporan Tahunan Terbaik dan Pencapaian Cemerlang Keseluruhan Skim YES 2000 kepada Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. - Gambar oleh Harun HR.

Maktab Sains PSBS cemerlang keseluruhan Skim YES 2000

JERUDONG, 25 Ogos. - Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub berkata, Skim Usahawan Muda Negara Brunei Darussalam (YES) mempunyai peluang-peluang yang bukan sahaja boleh dicapai tetapi juga mendapatkan lebih banyak pilihan kerjaya di masa hadapan.

Melalui pengalaman praktikal, tambahannya, juga melibatkan sumber kewangan, barangan dan perkhidmatan.

Dato Paduka berucap di Majlis Perhimpunan Skim Usahawan Muda Negara Brunei Darussalam 2000 dan 2001 yang berlangsung

Oleh
Haji Ahmad HS

di sebuah hotel di sini.

Menurut beliau para peserta Skim YES akan mendapatkan maklum balas mengenai kebolehan tersendiri mereka iaitu untuk mendapatkan pengetahuan dan menjadikan kenyataan.

Di majlis itu juga diselenggarakan penyampaian Anugerah-anugerah Produk Terbaik, Laporan Tahunan Terbaik dan Penyampaian Hadiah bagi Pencapaian Cemerlang Keseluruhan Skim YES 2000.

Ketiga-tiga anugerah Produk Terbaik, Anugerah Laporan Tahunan Terbaik dan Pencapaian Cemerlang Keseluruhan dimenangi oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Skim Usahawan Muda (YES) dilancarkan pertama kali dalam tahun 1997 dengan tujuan untuk memberikan peluang kepada anak-anak muda pengalaman dalam perniagaan secara praktikal dan membolehkan mereka untuk memperolehi kebolehan tersendiri, pengetahuan dan memahami bagaimana untuk menjalankan perniagaan.

Skim YES ditaja sepenuhnya oleh Brunei LNG Sendirian Berhad dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan dikendalikan oleh KEMUDA.

TPOR JABATAN PENERBANGAN AWAM (Bahagian I)

Jenis Perkhidmatan	TPOR
1. Penerbangan Bertolak :	
a) Trolis	Sentiasa ada
b) Pemeriksaan keselamatan bagi bagasi	Purata 1 minit bagi 4 - 5 beg
c) Kecepatan check-in bagi bertolak	Perseorangan - 1 hingga 3 minit Keluarga - 3 hingga 5 minit Berkumpulan - 15 minit
d) Pemeriksaan Imigresen bagi bertolak	Penduduk tempatan - 1 minit bagi dua orang 1 - 2 minit bagi penumpang asing
e) Pemeriksaan keselamatan bagi bagasi	Purata 1 minit bagi 4 - 5 beg
2. Penerbangan Tiba :	
a) Pemeriksaan Imigresen penumpang tiba	Tempatan 1 minit bagi 2 orang penumpang 1 - 3 minit bagi penumpang asing
b) Trolis	Sentiasa ada
c) Bagasi sampai bagi ketibaan	Beg pertama - 12 minit Beg terakhir - 29 minit
d) Pemeriksaan Kastam bagi ketibaan	Random Check



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan ijazah kepada dua orang graduan di Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD (atas dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla dan putera-putera baginda berkenan menerima junjung ziarah para tetamu yang hadir di Majlis Konvokesyen sejurus sebelum berangkat meninggalkan majlis.



PARA graduan yang menerima ijazah masing-masing di Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD. Antara mereka termasuk anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulla iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah (gambar atas kiri dan kanan).

Majlis Konvokesyen Ke-14

BERAKAS, 7 September. - Pemangku Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman menyatakan bahawa mulai tahun ini (pengambilan 2002/2003) UBD telah meluluskan perubahan terhadap 'period candidature' bagi seorang pelajar.

Menurutnya jika seorang pelajar gagal mempertahankan status 'aktif' akademiknya dua kali berturut-turut setelah menjalani peperiksaan akhir semester, pelajar berkenaan akan ditamatkan pendaf-tarannya sebagai pelajar UBD.

Begitu juga mereka yang tidak lulus dalam kursus 'core' dua kali dalam sesebuah pro-gram yang diikuti juga akan menerima tin-dakan yang sama. Beliau berucap demikian dalam sembah alu-aluan di Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini bagi sesi pagi.

Katanya, langkah-langkah itu adalah perlu untuk dilaksanakan setelah UBD mendapati terdapatnya pelajar yang lemah dan tidak berkemampuan untuk meneruskan pengajian.

"Hal ini bukan sahaja membuang masa pelajar berkenaan malah juga menjadi beban kepada pensyarah, jabatan dan fakulti untuk mengendalikan dan menyelesaikan masalah pelajar berkenaan," katanya.

Yang lebih penting lagi, UBD tidak boleh bertolak ansur dengan isu seumpama itu yang boleh menjejaskan tahap kualiti yang selama ini menjadi kayu ukur reputasi sebuah institusi yang berwibawa di mata dunia pendidikan,

UBD LULUSKAN PERUBAHAN 'PERIOD CANDIDATURE' BAGI PELAJAR

tambahnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD telah berkenan menyempurnakan majlis tersebut.

Berangkat di majlis itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selaku Pro-Canselor UBD, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakilah Hayatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah.

Naib Canselor UBD seterusnya me-nyatakan mulai tahun ini juga UBD telah mula membuka pintu kepada pelajar-pelajar yang tidak berkesempatan memijakkan kaki ke kampus dengan syarat tertentu akan dapat berbuat demikian melalui skim 'matured student' dan skim menyambung pelajaran.

Katanya lagi, kursus singkat bagi mereka yang ingin meningkatkan kemahiran dengan mengikuti kursus-kursus tertentu secara berbayar juga sedang dirancang. Menurutnya budaya berbayar itu tidaklah bermaksud untuk menyusahkan sesiapa tetapi sekadar

Liputan Dk. Hajah Saidah Aliddin HM dan Abdullah Gambar-gambar oleh Pengiran PHO, Pengiran Rafee PDPH, Tengah, Hamadi HM dan Mas

sebahagian usaha me-masyarakat bahawa perlunya memperolehi sesuatu.

"Mudah-mudahan deng-nerasi akan datang tidak bahawa budaya berbayar baru malah UBD sedang m-perolehi satu penganugerah ataupun ijazah jika memenul-an," katanya.

Beliau juga menyatakan dan peranan universiti bukan gai pusat penyebaran ilmu yang bergelar mahasiswa da juga berfungsi sebagai ejen ngunan negara khususnya d sumber tenaga manusia beril-gai bidang.

Lebih jauh dari itu, UBD raf sebagai tempat mendi-kepakaran kepada agen memerlukan khidmat nasib gram-program latihan o katanya.

Beliau juga meneran perkara penting yang sudah dilaksanakan bagi memastik-sukan ke program-program oleh UBD dinilai semula. pa ga akademik dikemaskinika bangunan tenaga akademik kan dan diberikan keutamaan mereka sentiasa ditingkatka semasa.



Be

BERAK Yang Ter Pengiran Pengiran Muhtadee Universi (UBD) diploma penerima vokesyen petang.

Keben Teramat dengan dijunjung dikan. Y Orang K Seri Seti Aziz dan yang lain

UBD

A,
ar
Bahar
amli
sman


E'

minda
ur untuk

ini, ge-
erasakan
perkara
an mem-
diploma
keperlu-

a fungsi
nya seba-
a pelajar
iswi tapi
pembal-
elahirkan
m pelba-

la diikti-
sumber
si yang
alui pro-
onsultasi,
beberapa
dan akan
at kema-
tawarkan
lan tena-
cim pem-
an dilus-
epakaran
masa ke



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah di Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bergambar kenangan bersama putera dan puteri baginda sejurus Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD. Di majlis itu anakanda baginda, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah juga menerima ijazah dari baginda (bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Cancellor UBD dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Cancellor UBD dan anakanda-anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Dewan Utama Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bagi Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan ijazah kepada dua lagi graduan UBD di majlis tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Cancellor Universiti Brunei Darussalam berkenan mengurniakan diploma kepada seorang graduan UBD (atas). Sementara gambar bawah, para graduan yang hadir untuk menerima Diploma dan Sijil di Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD.

enen kurniakan diploma dan sijil

September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Cancellor UBD berkenan mengurniakan diploma kepada 466 graduan UBD bagi sesi

an tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Cancellor UBD berkenan mengurniakan diploma kepada 466 graduan UBD bagi sesi

Mendahului senarai penerima diploma lulus dengan kepujian ialah Mohamed Yusof bin Sheikh Abdul Halim dengan lapan orang yang lain dari Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dalam Perundangan Islam dan Guaman Syar'i, manakala 21 orang lulus.

Sementara bagi Sijil Pendidikan Lepas Ijazah (Menengah) Aliran Inggeris dua orang lulus dengan cemerlang; 32 orang lulus dengan kepujian dan 34 lulus.

Manakala bagi Sijil Pendidikan Lepas Ijazah (Menengah) Aliran Melayu, 18 orang lulus dengan kepujian, enam orang lulus dan Sijil Pendidikan

Teknik Lepas Ijazah Aliran Inggeris tiga orang lulus dengan cemerlang, 17 lulus dengan kepujian dan 18 lulus.

Penerima Diploma Pendidikan Rendah, lulus dengan kepujian seramai sembilan orang, lulus 221 orang dan Sijil Pendidikan Sains (Menengah Bawah) Aliran Inggeris tiga orang lulus dengan kepujian dan 14 orang lulus.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan kepada penerima Sijil Pengurusan Pendidikan Aliran Melayu, lulus dengan kepujian seramai 11 orang dan empat orang lulus.

Seterusnya bagi penerima Sijil Pendidikan Khas Aliran

Inggeris lulus dengan cemerlang dua orang, lulus dengan kepujian 10 orang dan lulus dua orang.

Penerima seterusnya bagi Sijil Pendidikan Teknik Aliran Inggeris, dua orang lulus dengan cemerlang, lapan orang lulus dengan kepujian dan lulus 12 orang.

Bagi Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak Aliran Inggeris, lima orang lulus dengan kepujian dan seorang lulus, manakala bagi Sijil Pendidikan Aliran Inggeris dua orang lulus.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.





MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika berucap di Majlis Pemberitaan Dasar Belia Negara.

Ke arah perkhidmatan awam efisien

TERUS TINGKATKAN USAHA

Oleh
Abu Bakar HAR

RIMBA, 27 Ogos. - Pegawai dan kakitangan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) diseru supaya terus-menerus meningkatkan usaha ke arah perkhidmatan awam yang efisien dan berkualiti serta sentiasa mengamalkan disiplin dan komitmen yang tinggi dalam menjalankan semua urusan pekerjaan.

Untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang cekap, produktif, sistematik dan pemedulian serta boleh dipercayai, sikap positif dan proaktif perlu ada pada setiap pegawai dan kakitangan.

Berucap di Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) 2002 bagi KPSSU, di Institut Perkhidmatan Awam di sini, Dato Paduka Awang Haji Deris menyatakan bahawa KKC itu merupakan kaedah yang boleh membantu setiap agensi kerajaan dalam mengenal pasti secara sistematik dan cara-cara mengatasi masalah-masalah yang dihadapi serta langkah-langkah pembaikan yang perlu diambil.

Apa yang penting katanya, kaedah KKC yang praktikal sententunya memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan untuk menyaksikan masalah yang ada di tempat kerja sekali gus dapat menyumbang buah fikiran yang menjurus kepada penyelesaian masalah yang dihadapi.

Hasil dari KKC itu menurut Setiausaha Tetap KPSSU, ianya dapat meningkatkan disiplin dan komitmen produktiviti dan prestasi kerja, pembaikan sistem dan prosedur kerja serta menggalakkan budaya kerja secara berkumpulan, membina sifat keyakinan diri



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Deris menyampaikan hadiah kepada sebuah pasukan yang memenangi Peraduan KKC 2002 bagi KPSSU.

dan meningkatkan motivasi kerja.

Jika kaedah KKC ini diamalkan dan dibudayakan dalam pekerjaan harian setentunya dapat menghindarkan budaya negatif seperti budaya 'spoon feeding' namun demikian jelasnya, lagi dalam masa yang sama juga boleh memberi rasa kepuasan dan tanggungjawab terhadap diri pekerja dalam memberi perkhidmatan.

Di konvensyen tersebut sebanyak enam buah pasukan dari jabatan-jabatan yang terkandung di dalam kementerian tersebut menyertai peraduan tahunan itu terdiri Kumpulan Aqua, Kumpulan Nadi, Kumpulan Sungkit, Kumpulan Brun Ex-press, Kumpulan Padu dan Kumpulan Hijau.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang mempunyai wawasan untuk menjadikan negara ini mencapai ekonomi yang berdaya saing serta berdaya tahan berteraskan perkembangan perindustrian dan sumber-sumber utama akan terus memainkan peranan penting dalam me-

maju dan mempercepatkan program pemelbagai ekonomi, di samping memastikan tatacara proses yang telus, cepat dan berkesan.

Antara matlamat yang dituju ialah meningkatkan

sumbangan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK), memudahkan dan memajukan industri dan sumber utama untuk pasaran tempatan dan eksport serta meningkatkan iklim pelaburan dan daya tarik negara.

KKC memfokus penyelesaian kerja

Oleh Samle HJ

RIMBA, 22 Ogos. - Penggunaan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) sebagai alat bekerja akan lebih bermakna jika digunakan bagi inisiatif yang inovatif, memfokuskan kepada pencegahan masalah daripada menggunakannya semata-mata sebagai alat untuk penyelesaian masalah kerja.

"KKC jika digunakan sebagai alat dan amalan proaktif akan dapat menggantikan tabiat yang suka reaktif dengan stail atau sikap bekerja yang dinamik lagi responsif," jelas Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Metassan bin Haji Mohd. Daud di Majlis Pertandi-

ngan Kumpulan Kerja Cemerlang kementerian itu di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Katanya, tiada organisasi yang dapat mencapai tahap kecemerlangan tanpa menampilkan idea-idea dan pendekatan baru yang selalunya membawa risiko.

"Kalau sesuatu organisasi itu melihat satu idea yang dapat meningkatkan perkhidmatan, menjimatkan kos tetapi terlalu takut akan kesilapan, organisasi itu tidak akan mencuba untuk membuat perubahan," tambahnya.

Golongan belia terus hadapi cabaran

Oleh Abu Bakar HAR

SUNGAI AKAR, 31 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, dunia yang kini penuh cabaran setentunya memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat khususnya belia.

Cabaran-cabaran itu kata Yang Berhormat bukan saja mempengaruhi cara berfikir, bertindak, bekerja malah berkeungkinan cabaran itu membawa kesan yang kurang sihat yang setentunya memberi kesan negatif kepada sosial.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut di Majlis Pemberitaan Dasar Belia Negara yang berlangsung di Dewan Digadong kementerian berkenaan di sini dengan memberi penekanan bahawa hal-hal seperti itulah yang perlu diberi perhatian serius.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan belia sebagai golongan terbesar di negara ini merupakan aset negara yang berharga malah mereka itu bakal pengganti kita di hari esok.

Yang Berhormat berharap dengan adanya dasar belia negara itu akan menjadi penghubung kepada semua pihak untuk bekerjasama secara bersatu padu di antara agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta dalam membela nasib dan menyantuni belia terutama dalam menghadapi cabaran masa kini, di samping berperanan dalam proses pembangunan negara.

Terbentuknya dasar belia negara itu akan menjadi hikmah pegangan dan panduan nasional serta menjadi landasan untuk bertindak oleh semua agensi yang berkaitan dalam pembangunan belia di negara ini di samping lebih bersemangat

dan komited menciptakan imej baru kepada belia yang dihasratkan.

Melalui Majlis Pemberitaan Dasar Belia Negara, Yang Berhormat menyeru seluruh anggota belia di negara ini untuk lebih bersemangat dan berazam tinggi bergerak untuk menjayakan cita-cita murni dasar belia negara terutama dalam usaha kita menandai serta menjunjung titah bagi melahirkan golongan belia yang mulia dan cemerlang demi keharmonian serta kesejahteraan bangsa dan negara.

"Kewujudan dasar tersebut merupakan cabaran dan amanah yang perlu ditandai dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab," tegas Yang Berhormat.

Dasar Belia Negara antara lain menggariskan beberapa matlamat dasar seperti menanam dan mengukuhkan pada diri belia-belai nilai dan kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Selain itu, dasar tersebut juga menggariskan memupuk rasa keupayaan, iltizam, azam dan haluan yang jelas dengan menanamkan sikap dan kualiti bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, berdikari dan menggalakkan para belia terlibat secara aktif dalam pembangunan ekonomi belia.

Majlis yang dihadiri oleh setiausaha-setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan dan pertubuhan-pertubuhan belia serta NGO itu turut diberi penerangan mengenai Dasar Belia Negara yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas di kementerian berkenaan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi.

Akibatnya, beliau menjelaskan organisasi itu tidak akan maju ke hadapan, 'stagnate', menjadi lumpuh dan akhirnya tidak akan berfungsi lagi.

Katanya, sangat malang jika perkara itu terjadi kepada agensi kerajaan sedangkan mereka sepatutnya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

Pertandingan KKC antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan dikendalikan setiap tahun itu disertai oleh empat pasukan termasuk Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan Telekom Brunei dan Jabatan Pelabuhan.

KKC sebelum itu telah terbukti mendatangkan hasil dan faedah kepada sesuatu organisasi bagi mengurangkan atau menjimatkan kos bagi pengeluaran sesuatu produk atau penyediaan sesuatu perkhidmatan, meningkatkan produktiviti serta meningkatkan penghasilan dan mengurangkan kesilapan dalam membuat sesuatu pekerjaan.

Melalui KKC juga dapat memupuk budaya memberikan penghargaan yang tinggi terhadap kecekapan dalam melaksanakan sesuatu kerja, di samping meningkatkan disiplin kerja secara saintifik yang tinggi.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Metassan ketika berucap.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku Ketua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam menerima Lencana Sayap Penerbangan Kehormat daripada Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Leftenan Kolonel (U) Awang Haji Mohd. Rashid bin Asut. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Ahli pengakap udara mempunyai taraf dan hak bersuara

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 21 Ogos. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkata Ahli Pengakap Kelana Udara bukan hanya menjadi ahli pengakap udara di bawah sayap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam malah mereka juga menjadi ahli warga Pengakap Sedunia.

Sehubungan itu, kata Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali mereka mempunyai taraf kedudukan, hak bersuara dan keistimewaan yang sama dengan pengakap di dunia, yang kini mempunyai ahli seramai 28 juta orang dari 216 buah negara.

Yang Dimuliakan selaku Yang Dipertua Persekutuan

Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berucap demikian di Majlis Penubuhan dan Perasmian Pengakap Kelana Udara Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) berlangsung di Dewan Serbaguna maktab berkenaan.

Beliau menambah, sebagaimana jua pertubuhan pengakap di seluruh dunia berhasrat untuk membina fizikal, mental, kerohanian dan kemasyarakatan ahli-ahli untuk menjadi insan yang sempurna dan berguna kepada bangsa, agama dan negara.

Katanya lagi, pengakap-pengakap bukan sahaja dilatih berdisiplin hidup bermasyarakat, bersendirian dan berkumpul dalam kehidupan

hutan serta mereka berpeluang untuk berjaya memasuki pasaran buruh memandangkan mempunyai kelebihan iaitu berdisiplin.

Pemangku Pengetua MKJB, Cikgu Nazamsah bin Haji Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya menyatakan pengakap yang berhemah tinggi, bersifat amanah, jujur, prihatin dan pemedulian akan menjadi contoh kepada belia dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Beliau berharap pemimpin dan ahli-ahli pengakap masa ini akan terus maju, aktif dan proaktif melibatkan diri dalam semua aktiviti dan kegiatan berpengakap di semua peringkat sama ada di maktab, daerah, negeri dan antara-

bangsa.

Pengakap Kelana Udara maktab tersebut ditubuhkan dalam bulan Februari tahun ini dengan keramaian ahlinya 51 orang, 27 kelana udara lelaki, sembilan kelana udara perempuan dan 15 pemimpin unit yang terdiri daripada tenaga pengajar dan kakitangan maktab.

Matlamat utama penubuhannya bagi melahirkan lebih ramai pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli pengakap yang terdiri kalangan penuntut dan guru untuk menjadikan mereka sebagai belia dan peneraju bangsa, agama dan negara yang berkualiti, berilmu, berkemahiran, beriman, bertakwa dan mempunyai kepimpinan diri mengikut ajaran-

ajaran yang dituntut oleh agama Islam berdasarkan petunjuk Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Antara yang hadir di majlis itu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Di majlis tersebut, Yang Berhormat dan Yang Dimuliakan telah menerima Lencana Sayap Penerbangan Kehormat yang disampaikan oleh Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Leftenan Kolonel (U) Awang Haji Mohd. Rashid bin Asut.

Helang Laut terima cabaran

Oleh Samle HJ

MUARA, 19 Ogos. - Dua buah kapal peluru berpandu - KDB Pejuang dan KDB Seteria serta sebuah kapal pendarat - KDB Serasa, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei mudik menjejak 'Helang Laut' di Balikpapan dan Surabaya, Republik Indonesia.

Helang Laut merupakan latihan dua hala di antara Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) dengan Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut (TNIAL) yang melibatkan 130 anak buah kapal ATLDB yang diketuai oleh Mejar (L) Roslan bin Dato Paduka Haji Yakub.

Cabaran Helang Laut akan menguji sejauh mana kecekapan para anggota yang terlibat, di samping mengeratkan lagi hubun-

gan di antara kedua-dua angkatan laut.

Latihan tersebut yang menggunakan peluru hidup meningkatkan lagi pengalaman kepada anak-anak buah kapal untuk membuat navigasi jarak jauh.

KDB Pejuang di bawah perintah Mejar (L) Romzi, KDB Seteria pula di bawah kawalan Mejar (L) Osman, sementara Mejar (L) Norhsahrin Nizam pula mengetuai KDB Serasa.

Sebelum itu, ATLDB telah berjaya mengendalikan latihan yang diadakan setiap dua tahun itu.

Pemangku Pemerintah ATLDB, Leftenan Kolonel (L) Haji Johari hadir mengucapkan selamat belayar kepada delegasi ATLDB.



TAHNIH...Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali menyampaikan Lencana Pengakap Sedunia kepada ahli-ahli Pengakap Kelana Udara MKJB. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali selaku Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam menerima Lencana Sayap Penerbangan Kehormat daripada Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Leftenan Kolonel (U) Awang Haji Mohd. Rashid. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Sumbangan swasta membanggakan

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

berkenaan.

Katanya, MKJB berpengalaman dan mempunyai tenaga kerja yang mahir dalam mengendalikan kursus-kursus yang berhubung kait dengan maritim, manakala Pusat Latihan Megamas sebuah institusi yang menjalankan kursus di bidang keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Dengan termeterainya

95)' jelasnya.

"Peraturan STCW 95 itu menghendaki sijil bagi semua kakitangan dek, enjin dan telah menjalani kursus-kursus termasuk kursus asas keselamatan sebelum dibenarkan berkhidmat di kapal," katanya.

Pelaut yang mempunyai sijil yang tidak memenuhi Peraturan STCW 95 pada 1 Ogos tahun ini tidak dibenarkan berkhidmat di atas kapal, katanya.

Bagi melaksanakan peraturan tersebut, katanya, Negara Brunei Darussalam telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan negara-negara lain bagi melaksanakan pengeluaran sijil kecekapan.

Kerajaan akan menubuhkan institusi latihan maritim di negara ini dengan tujuan melatih anak-anak tempatan dalam bidang perkapalan. Jawatankuasa khas telah dibentuk dan diwujudkan oleh Kementerian Perhubungan bersama beberapa kementerian dan agensi lain bagi penubuhan institusi bertaraf antarabangsa.

Beliau berkata, institusi latihan itu diharap mampu mengambil lebih ramai tenaga jurulatih tempatan dan secara tidak langsung dapat memberi peluang pekerjaan terhadap jawatan pegawai dan anak kapal semua kapal yang berdaftar di negara ini. Pada masa ini kebanyakannya dipegang oleh orang luar yang

menyebabkan pengaliran pendapatan ke luar negara.

Dengan wujudnya institusi berkenaan beliau berharap akan menggalakkan pemilik kapal perkapalan domestik dalam negeri mengambil anak-anak tempatan bertugas di atas kapal mereka memandangkan kos perbelanjaan latihan yang murah dan lokasi dalam negeri.

Selain itu katanya, badan-badan dan agensi kerajaan juga dapat menggunakan kemudahan latihan tersebut bagi tujuan melatih petugas-petugas mereka yang bekerja di atas kapal dan kapal milik mereka.

Pemangku Pengetua MKJB pula berkata, pihaknya akan bersedia melaksanakan Sistem Pengurusan Berkualiti ISO 9001/2000 bagi memenuhi keperluan utama menjadikan maktabnya sebagai institusi yang diiktiraf bagi melaksanakan kursus-kursus di bidang marin.

Menandatangani perjanjian persefahaman itu diwakili oleh Pemangku Pengetua MKJB, Awang Nazamsah, sementara wakil Pusat Latihan Megamas, Pengarah Urusannya, Dayang Khadijah binti Haji C.A. Mohamed yang disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan.

Perjanjian tersebut bertujuan memberi latihan kepada anak-anak tempatan dalam bidang perkapalan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah menyaksikan penandatanganan perjanjian persefahaman yang dimeterai oleh Pemangku Pengetua Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Cikgu Nazamsah selaku wakil MKJB dan wakil Pusat Latihan Megamas, Pengarah Urusan pusat berkenaan, Dayang Khadijah binti Haji C.A. Mohamed. - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.

DYTM berkenan lancarkan Pesta Konvo 2002 UBD

GADONG, 5 September.

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat melancarkan Pesta Konvo 2002 Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Pelajar, Universiti Brunei Darussalam di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di UBD dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pesta Konvo 2002 UBD.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis diteruskan dengan ucapan sembah aluan oleh Pemangku Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman yang antara lain menyambangkan bahawa Pesta Konvo 2002 UBD merupakan salah satu usaha kebajikan UBD sebagai salah sebuah menara gading yang melahirkan insan terpelajar bahkan menjadi wawasan UBD untuk berdamping rapat dengan masyarakat.

Beliau berharap, Pesta Konvo itu bukan hanya sekadar sebuah pesta tetapi untuk dihayati agar meninggalkan kesan yang bermanfaat kepada semua yang terlibat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota yang juga selaku Pro-Canselor UBD kemudiannya berkenan melancarkan perasmian Pesta Konvo 2002 UBD.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima pesembah yang disampaikan oleh Pemangku Naib Canselor UBD.

Bacaan doa selamat telah dibacakan oleh Timbalan Mufti Kera-

Oleh Aliddin HM

jaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat menyaksikan pameran dan jualan di Pesta Konvo 2002 UBD itu.

Mula-mula, Duli Yang Teramat Mulia berkenan meninjau pameran dan jualan beberapa sektor swasta yang mengambil bahagian antaranya mempamerkan kecanggihan dalam perkembangan komputer yang terdapat di pasaran dan penyebaran maklumat melalui cakera padat yang mengisikan maklumat penting dalam isu-isu kehidupan dan pembelajaran insan melalui ceramah dan taklimat.

Juga dipamerkan dalam pameran itu termasuklah buku-buku pelbagai jenis pembelajaran sebagai pengetahuan tambahan graduan dan pelajar.

Duli Yang Teramat Mulia juga menyaksikan pelbagai kemajuan yang dicapai dan tersedia dalam membantu pembelajaran dan pengajian graduan UBD.

Menjadi tumpuan utama Duli Yang Teramat Mulia ialah pelbagai aktiviti oleh kelab-kelab persatuan mahasiswa dan mahasiswi UBD.

Pesta Konvo 2002 UBD diadakan sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 UBD yang berlangsung pada 7 September lalu.

Pesta Konvo yang diadakan selama seminggu adalah salah satu acara tradisi bagi memeriahkan lagi suasana Majlis Konvokesyen.

Antara kegiatan-kegiatan yang dirancang oleh Jawatankuasa Pesta Konvo 2002

UBD termasuklah pameran, jualan, persembahan pelajar UBD, malam kesenian dan kebudayaan serta persembahan teater oleh pelajar yang menyertai Festival Teater Nusantara di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Juga diadakan Majlis Khatam Quran dan Doa Kesyukuran Konvokesyen bagi para graduan UBD yang beragama Islam.

Selain itu beberapa acara sukan juga mengambil tempat antaranya bola tampar, bola keranjang, aerobik dan sukan ria.

Sementara itu acara kanak-kanak dan remaja juga disediakan seperti permainan flying fox, absailing, rock climbing, bouncer dan sebagainya.

Sebelum berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada graduan-graduan UBD.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Singapura, TYT Tuan Cedric Foo Chee Keng.

Menerima mengadap Menteri Pertahanan S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Cedric Foo Chee Keng. Majlis Mengadap berlangsung di

Istana Nurul Iman di sini.

Hadir di Majlis Mengadap itu Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirubalan VP dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan melancarkan Pesta Konvo 2002 Universiti Brunei Darussalam (atas kiri). Sementara gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pelbagai aktiviti kelab-kelab persatuan mahasiswa UBD.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan bagi salah sebuah kelab penuntut yang dianjurkan oleh Universiti Brunei Darussalam (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah para mahasiswa UBD sejour merasmikan pesta tersebut (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima penerangan ringkas jualan dan pameran sektor swasta mengenai kecanggihan dan perkembangan komputer yang terdapat dalam pasaran ketika ini.

Gambar-gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO



ARENA SUKAN



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain. - Gambar oleh Hamadi HM.



KETUA Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-14 di Busan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim menerima obor yang dikurniakan oleh DTYM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden BDNOC. - Gambar oleh Hamadi HM.

PELARI terakhir Awang Haji Omar bin Haji Ahmad menyembahkan obor ke hadapan majlis DTYM sebaik saja tiba semula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (kanan). - Gambar oleh Hamadi HM.

Larian Obor Sukan Asia serentak dilancarkan

BERAKAS, 5 September.

- Sejumlah 90 orang peserta yang mewakili 10 buah persatuan sukan kebangsaan telah menyertai Upacara Larian Obor Sukan Asia Ke-14 yang dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC).

Larian bersempena menjelang temasya Sukan Asia Ke-14 di Busan, Republik Korea penghu-

Oleh Haji Ahat HI

jung bulan ini berjalan sejauh 10 kilometer bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah melalui jalan-jalan utama menuju ibu negara Bandar Seri Begawan dan tiba semula di stadium.

Ketika melancarkan larian itu, Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa larian Sukan Asia Ke-14 Busan adalah unik dengan penyalan obor sukan dilakukan serentak bersama 42 negara dalam



masa dan waktu yang sama.

Kesemua negara, sabda Duli Yang Teramat Mulia, melakukan penyalan obor antaranya melalui sinaran sumber-sumber cahaya dari matahari, api dan pelbagai bentuk tenaga.

"Kesemua ini memperlihatkan usaha pihak pe-

nganjur mengajak semua negara Asia bersatu ke arah perpaduan sejagat. Pujian dan sanjungan patut diberikan kepada Jawatankuasa Penganjur Sukan Asia Busan atas usaha dan sumbangan pakaian seragam larian obor kepada kesemua 42 negara," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, "Negara Brunei Darussalam merasa bangga menyertai projek ini dan berusaha menunjukkan perpaduan dengan negara-negara Asia."

Duli Yang Teramat Mulia melahirkan kegembiraan di atas penyertaan pelari sukarelawan dari persatuan-persatuan sukan kebangsaan pada hari larian obor.

Sejurus selepas merasmikan pelancaran larian itu, Duli Yang Teramat Mulia mengurniakan obor kepada pelari pertama Awang Haji Eddie Jofriani bin Haji Johari, pemenang pingat gangsa Kejohanan Karate-do Asia Ke-5.

Selepas itu pelari terakhir Awang Haji Omar bin Haji Ahmad, pemenang pingat gangsa acara sepak takraw Sukan Asia Ke-13 di Bangkok, kemudian menyembahkan semula obor ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian mengurniakan obor tersebut kepada Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Ke-14 di Busan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim.



BAFA XI & BEC-TERO buka tirai Kejohanan Piala Jemputan

Oleh Haji Ahat HI



PIALA yang akan menjadi rebutan lapan pasukan di Kejohanan Bola Sepak Piala Jemputan Brunei 2002 yang akan bermula pada 20 September di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Gambar oleh Hamadi HM.

GADONG, 8 September.

- Dua kelab bola sepak terkemuka dari Republik Indonesia, Persija dan Petrokimia Putra F. C. mengundurkan diri dari menyertai Kejohanan Bola Sepak Piala Jemputan Brunei 2002 yang akan bermula pada 20 hingga 30 September depan.

Bagaimanapun, pengunduran kedua-dua kelab tersebut diganti oleh naib juara Liga Indonesia, Persita, manakala Osotspa juga jaib juara Liga Thailand menggantikan tempat Petrokimia Putra F. C.

Menurut penganjur, Kejohanan Pronine Marketing Communications Sendirian Berhad, Persija terpaksa melupakan hasrat penyertaan ke kejohanan itu memandangkan masalah dalaman, sementara Petrokimia Putra F. C. pula menghadapi kesuntukan masa disebabkan jadual perlawanan yang ketat.

Schubungan dengan pengunduran itu jadual terbaru yang dikeluarkan menemukan BAFA XI menemui Bec-Tero Sasana dari Thailand dan

Persita menemui Ecu Joondalup pada 20 September.

DPMF F. C. akan menemui Shanghai Shenhua F. C. dari China dan Osotspa bertemu Sabah F. A. pada hari Sabtu 21 September.

Pada 22 September Ecu Joondalup bertemu Bec-Tero Sasana, sementara BAFA XI bertemu Persita. Perlawanan pada 23 September pula menemukan Shanghai Shenhua F. C.

bertemu Osotspa, manakala DPMM F. C. bertemu Sabah F. A.

Bec-Tero Sanana akan bertemu Persita pada 24 September dan BAFA XI bertemu Ecu-Joondalup.

Kejohanan yang akan berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah ini menawarkan hadiah B\$30,000.00 bagi juara, B\$15,000.00 bagi naib juara dan dibahagikan kepada Kumpulan 'A' dan 'B'.



SEBAHAGIAN daripada 90 orang peserta yang menyertai larian obor sejauh 10 kilometer melalui jalan-jalan utama menuju ke Bandar Seri Begawan.

ARENA SUKAN

SUKMA KE-1X MENGASAH ATLET MUDA



PERBARISAN lalu kontinjen negara termasuk para pegawai di Upacara Pembukaan Rasmi SUKMA Ke-IX yang berlangsung di Stadium Likas, Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Sabah.

Pingat pertama melalui acara karate-do

KOTA KINABALU, 2 September. - Negara Brunei Darussalam berjaya mengutip pingat pertama di SUKMA IX, Sabah yang disumbangkan melalui acara karate-do bagi acara kata individu.

Pingat gangsa tersebut diperolehi menerusi Mohd. Shahrul Nizam bin Haji Jumat setelah mengalahkan wakil pasukan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seterusnya wakil Wilayah Persekutuan Labuan dengan kiraan 3 - 0.

Brunei yang menghantar seramai lapan atlet menyandarkan harapan kepada Md. Shahrul Nizam setelah rakan-rakan yang lainnya tewas di pusingan awal sekali gus mempersoalkan kewibawaan pengadil yang sememangnya menjadi perbualan penonton.

Menurutnya, pengurus pasukan karatedo negara, Awang Said Jefridin menjelaskan, persiapan dan jadual latihan bagi acara ini telah mengambil masa kira-kira sembilan bulan.

Manakala pemilihan pertama bagi skuad ini telah diadakan sejak bulan Januari dan Februari lepas dan latihan selanjutnya telah diadakan di Kompleks Sukan Mengla di bawah didikan jurulatih tempatan yang berpengalaman serta pernah mewakili negara dalam kejohanan serantau dan antarabangsa, Ampuan Osman.

Komen kutipan pingat yang diperolehi negara terutama di hari pertama perlawanan yang dianggarkan boleh menyumbang beberapa pingat menegaskan dirinya yang mempunyai kebolehan dalam juri antarabangsa beliau menyatakan bahawa segi permainan dan teknikal yang disediakan oleh komiti penganjur di temasya itu nampaknya berat sebelah terutama dari segi pemberian markek terutama ketika Negara Brunei Darussalam bertemu dengan pasukan

tuan rumah, Sabah dalam dua perlawanan.

Sememangnya kemenangan bagi negara di dalam beberapa perlawanan tersebut jelas dipersetujui dan disokong sendiri oleh penonton-nya yang menyaksikan perlawanan berkenaan terutama dari rakyat Sabah sendiri namun ianya dituduhkan oleh pengadil perlawanan.



PASUKAN Ping Pong Negara terkeluar lebih awal setelah tewas kepada pasukan Selangor. Walau bagaimanapun pemain negara mempamerkan permainan yang baik.

Aksi petinju negara kurang menyerlah

KOTA KINABALU, 8 September. - Aksi petinju negara di SUKMA IX kurang menyerlah setelah dua petinju negara gagal mengutip sebarang pingat.

Negara yang menyandarkan harapan kepada Ronny anak Tarang yang pernah muncul naib johan dalam Perlawanan Piala Borneo tewas kepada petinju Polis Diraja Malaysia, Md. Nizam dengan perbezaan kiraan mata.

Ronny yang mendapat bimbingan daripada jurulatih berasal dari Thailand, Charat mula membuat

Di temasya sukan ini, pasukan negara telah menyertai sebanyak lapan acara, enam daripadanya merupakan komitee dan dua kata.

Bagi menghadapi kejohanan yang akan datang, Awang Said Jefridin menjelaskan bahawa beberapa atlet telah pun dipilih untuk menyertai acara yang sama dan seterusnya beliau berharap persatuan tersebut akan dapat



menyumbang pingat di masa hadapan untuk negara.

Bagi perancangan seterusnya, persatuan ini akan turut menyertai pertandingan di Busan, Republik Korea di mana beberapa pemain junior akan diserapkan ke pertandingan Sukan Asian dan sebelum itu akan menyertai pertandingan di Jepun.

NEGERI bawah bayu, Sabah tahun ini menjadi tumpuan para atlet seluruh Malaysia dan beberapa buah negara dijemput untuk menyertai Sukan Malaysia setelah terpilih untuk mengendalikan sukan tersebut yang lebih dikenali sebagai SUKMA untuk kali ke-IX dengan pembukaan rasminya bertempat di Stadium Likas, Kompleks Sukan Kinabalu.

SUKMA IX yang kini menjangkau usia 16 tahun mula diperkenalkan pada tahun 1986 dikhususkan bagi atlet remaja dan juga dianggap sebagai Mini Sukan Olimpik Malaysia merupakan cetusan idea dari Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Tunku Imran.

Sukan yang berlangsung secara rasmi selama lapan hari itu buat pertama kalinya menyeberangi Laut China Selatan bagi memberi penghormatan dan kepercayaan kepada Negeri Sabah untuk mengendalikannya dan pada malam ini iaitu 7 September sukan tersebut dirasmikan oleh Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai dalam suasana yang meriah dan warna-warni.

SUKMA kali ini dianggap sukan terbesar yang pernah dianjurkan di Malaysia di mana ianya disambut dengan megah dan gembira oleh sekalian rakyat dan penduduk Sabah malah penyertaan di pesta sukan kali ini merupakan yang terbanyak dan termahal dalam sejarah penganjurannya yang menelan belanja lebih \$30 juta Malaysia berbanding SUKMA sebelumnya.

Stadium Likas, Kompleks Sukan Kota Kinabalu yang memuatkan kira-kira 30,000 orang penuh sesak sejak awal petang lagi semata-mata menyaksikan upacara pembukaan yang penuh bermakna dan bersejarah dengan menghimpun para ahli sukan yang dianggarkan lebih kurang 6,000 orang peserta dari 20 buah pasukan termasuk Negara Brunei

Liputan Abu Bakar HAR Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA dari Kota Kinabalu Sabah

Darussalam dan Wilayah Utara, Australia selaku pasukan undangan.

Selain itu pasukan yang mengambil bahagian termasuklah Selangor, Pulau Pinang, Perak, Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur, Johor, Pahang, Kelantan, Kedah, Melaka, Perlis, Labuan, Polis Diraja Malaysia, Negeri Sembilan, Majlis Sukan Universiti Malaysia, Terengganu dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.

Majlis pembukaan bermula dengan pertunjukan peluncur udara bermotor seramai tiga orang dan disusuli dengan payung terjun yang membawa bendera-bendera kontinjen serta maskot SUKMA IX 'si bayau' diikuti dengan pembawa bendera yang diiringi persembahan anggota pancaragam Pasukan Polis Diraja Malaysia.

Sebelum pengisytiharan perasmian dilancarkan, perarakan masuk semua kontinjen ke dalam stadium bagi upacara berbaris lalu telah didahului sekali lagi oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia.

Sepanjang sukan itu diadakan, lebih seribu pingat menjadi rebutan iaitu pingat emas sebanyak 344 pingat, 344 perak dan 402 gangsa.

Sementara obor yang sebelum ini dibawa merentasi seluruh Malaysia dibawa masuk ke dalam stadium setelah larian yang bermula dari Padang Merdeka, Kota Kinabalu berhenti di situ bagi penyalan obor SUKMA IX yang menandakan dengan rasminya bermula sukan berkenaan dan akan dipadamkan di majlis penutup pada 14 September nanti.

Sementara bendera SUKMA yang sebelum ini diarak masuk ke dalam stadium seterusnya dinaikkan dan dikibarkan sepanjang temasya sukan tersebut berlangsung.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam di temasya sukan ini merupakan undangan dari tuan rumah setelah mendapat persetujuan kabinet. Sebelum ini Negara Brunei Darussalam pernah menyertai sukan tersebut pada tahun 1996 di Pahang dan 2000 di Pulau Pinang.

Di kejohanan kali ini Negara Brunei Darussalam menyertai 20 acara sukan dari 29 acara yang dipertandingkan dan diketuai oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad dengan penglibatan seramai 233 orang termasuk pegawai dan atlet sukan.

Pencapaian terbaik negara di temasya sukan ini ialah dengan mengutip dua pingat iaitu satu emas dan satu perak melalui acara silat olahraga dan boling padang di Temasya SUKMA tahun 2000.

Sukan yang berlangsung sekali dalam dua tahun berselang dengan Sukan SEA ini dikhususkan bagi remaja berumur di bawah 21 tahun antara lain bertujuan untuk mempertingkatkan mutu sukan serta menggalakkan pertumbuhan bilangan penyer-taan di peringkat negara terutama dalam sukan-sukan yang diberi keutamaan.

Bagi negara kita, sukan seperti ini merupakan jalan bagi mengasah bakat para atlet muda negara untuk diketengahkan ke peringkat serantau mahupun antarabangsa khususnya dalam memilih atau mengenal pasti atlet yang berbakat untuk diserapkan dalam peserta kebangsaan, di samping sebagai medan ujian sebelum melangkah lebih jauh lagi.

Persembahan malam itu juga diserikan lagi dengan persembahan nyanyian dan kebudayaan dan diakhiri dengan persembahan bunga api di luar stadium.

Pasukan ping pong negara terkeluar

PASUKAN ping pong negara yang menyertai SUKMA IX di Kota Kinabalu, Sabah mengesahkan dirinya terkeluar lebih awal untuk meneruskan cabaran setelah tewas kepada pasukan Selangor dengan kiraan 3 - 0 di perlawanan terakhir pusingan pertama.

Perlawanan yang bertempat di Dewan Kompleks Serbaguna Maksak yang dibuka rasmi oleh Ketua Menteri Sabah pada 10 Oktober 1997 waktu itu mengkhususkan perlawanan bagi acara ping pong sahaja.

Selangor yang dianggap pasukan pilihan tampak gagah dengan sokongan para penyokong yang mengagumkan suasana di dalam dewan pertandingan.

Namun kekurangan dari segi taktik dan teknik permainan negara jelas membezakan perlawanan yang hampir keseluruhan didominasi oleh pasukan lawan. Pujian harus diberikan

kepada atlet negara dalam mempamerkan keazaman serta kesungguhan dan semangat kesukan dalam memberi saingan jelas menggambarkan semangat kesukan yang tinggi sekalipun menerima hukuman sebaliknya.

Selain menghantar kategori wanita bagi acara ini, negara juga menghantar pemain-pemain bagi acara lelaki yang mana nasib yang sama menghantui pemain-pemain tersebut.

Dalam perlawanan yang terdahulu, pasukan negara telah diaibkan dengan kiraan 3 - 0 sewaktu bertemu dengan Sarawak dan bangkit semula untuk memberi saingan sewaktu bertemu pasukan Perak dengan kiraan 2 - 1.

Menurut jurulatih negara yang didatangkan dari negeri China, Lu Cheng Peng, kekalahan yang dialami itu merupakan suatu pengajaran serta pengalaman yang berguna untuk

membina semangat di masa depan.

Jelasnya, di sepanjang perlawanan SUKMA itu, anak-anak didiknya mempamerkan permainan yang baik namun kekurangan pengalaman dan pendedahan bermain bersama orang lain khususnya dalam pertandingan merupakan salah satu penyebab.

Menyentuh mengenai kekurangan segi pengalaman dan pendedahan itu telah disokong oleh salah seorang pemain, menurut Awangku Mohd. Sufian pengalaman yang mereka terima begitu jauh berbeza jika dibandingkan dengan peserta dari negara lain di mana mereka sudah membuat latihan bertahun-tahun.

Tambahnya lagi, perbezaan itu jelas nyata apabila pasukan negara menampilkan muka-muka baru dan pemilihan bagi menyertai sukan tersebut dibuat dua minggu sebelum bertanding.

ARENA SUKAN

Pasukan PDB juara tarik kalat

Oleh Abu Bakar HAR



YANG Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyampaikan piala rebutan yang disumbangkan oleh Yang Amat Mulia sendiri kepada juara Perlawanan Tarik Kalat JPM iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) muncul sebagai johan dalam Perlawanan Tarik Kalat Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya setelah mengalahkan Pasukan Jabatan Penerangan dalam perlawanan akhir yang

berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Dalam perlawanan akhir itu PDB menurunkan penarik-penarik berpengalaman yang pernah mewakili kejohanan tarik kalat daerah, cuba diberi tentangan sengit oleh Pasukan Jabatan Penerangan yang

cuma menurunkan muka-muka baru dalam arena sukan berkenaan. PDB memenangi perlawanan itu sekali gus merebut piala rebutan yang disumbangkan oleh Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Namun pada hakikatnya, Jabatan Penerangan selaku pengelola perlawanan malam itu harus diberi pujian dalam memaparkan persembahan yang baik di sepanjang perlawanan diadakan sekalipun persiapan latihan bagi kejohanan itu dibuat dalam masa singkat berbanding PDB.

Pasukan Jabatan Penerangan yang mendapat bimbingan dari para penarik kalat berpengalaman Pasukan Jabatan Kerja Raya melayakkan diri ke peringkat akhir di bawah arahan Awang Yahya bin Haji Jumat setelah menewaskan Pasukan Jabatan Adat Istiadat Negara dengan dua kali tarikan di pu-

singan separuh akhir.

Menduduki tempat ketiga dan keempat telah dimenangi oleh Pasukan Jabatan Perancangan dan Kemaajuan Ekonomi setelah menewaskan Pasukan Jabatan Adat Istiadat Negara juga dengan dua tarikan.

Perlawanan yang bermula sejak 27 Ogos lalu disertai oleh 11 buah pasukan dan dibahagikan kepada dua kategori merupakan acara sukan tahunan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Antara lain sukan itu diperkenalkan ialah untuk meningkatkan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta setia kawan di antara pegawai dan kakitangan di dalam JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut sekali gus menyempurnakan penyampaian hadiah ialah YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.



YANG Amat Mulia menyampaikan piala kepada ketua pasukan Jabatan Penerangan yang muncul naib juara Perlawanan Tarik Kalat JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Basikal:

Bekas pelumba kebangsaan kuasai perlumbaan di Labuan

EMPAT orang bekas pelumba kebangsaan masih mampu memberikan saingan kepada pelumba-pelumba muda di Kejohanan Lebuhraya Mountain Bike Labuan 2002 dengan menggondol tempat pertama hingga keempat.

Perlumbaan basikal mountain bike anjuran Persatuan Basikal Perbadanan Wilayah Persekutuan Labuan sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-45 Tahun itu disertai oleh peserta tempatan dan luar negeri.

Chieng Chiew Lie muncul juara dengan catatan masa 2 jam 11 minit 06 saat; tempat kedua, Hamdani Haji Besar, 2 jam 12.50 saat; ketiga, Reduan Yusop, 2 jam 12 minit 54 saat dan keempat, Abdullah Asgar, 2 jam 17 minit 31 saat, manakala seorang lagi peserta Brunei Darussalam, Md. Sukaire Abd. Rahman berjaya di tempat kelapan.

Menurut Hamdani Haji Besar, perlumbaan dalam keadaan hujan lebat tidak menjejaskan semangat untuk mencatatkan kejayaan, semasa ditemui di Terminal Serasa 25 Ogos lepas.

Malah jelasnya, pada kilometer keenam setelah bermula di Dataran Labuan tindakan berani Chieng Chiew Lie memisahkan diri dari kelompok utama yang kemudiannya disusuli Md. Shahrul Haji Bayong memeranatkan pelumba lain termasuk tuan rumah dan Sabah yang rata-rata menyenaraikan peserta SUKMA.

Setelah memasuki kilometer ke-10 jelasnya, lima pelumba Brunei yang lain cuba mengekori namun dua daripadanya terpaksa melepaskan diri kerana kegencangan otot, sementara tiga pelumba lain masih meneruskan kayuhan untuk mengejar Lie.

Malangnya setelah perlumbaan memasuki kilometer ke-40 roda basikal Md. Shahrul bocor dan Lie terpaksa mengayuh sendirian, tambahna.

Kami bertiga katanya, (Reduan dan Abdullah) terus cuba mendapatkan Lie

Oleh
Abdullah Asgar

sehingga seorang tercicir di kawasan berbukit namun Lie masih mampu bertahan mengayuh basikalnya hingga ke garis penamat tanpa dapat dikejar oleh pelumba-pelumba lain di sebalik laluan yang agak berbukit dan banyak persimpangan.

Mengikut penganjur, masa yang dicatat merupakan masa terpanjang sejak kejohanan itu bermula dua tahu lalu di mana pada tahun 2001 pelumba Labuan berjaya mencatat masa 2 jam 38 minit.

Chieng Chiew Lie menerima wang tunai RM1,000.00. Sementara tempat kedua RM700.00 dan ketiga RM400.00 berserta pingat, manakala pemenang tempat keempat hingga ketujuh menerima RM50.00 tiap seorang.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wilayah Persekutuan Labuan, Omar Kasih.



BEKAS pelumba kebangsaan kuasai Kejohanan Lebuhraya Mountain Bike Labuan 2002 dengan mendapat kedudukan tempat pertama hingga keempat.



SALAH sebuah pasukan yang terpilih ke peringkat akhir dalam Perlawanan Tarik Kalat JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Mejar Pg. Haji Mohd. Ali juara Kejohanan Golf

Oleh Aliddin HM

MEJAR Pengiran Haji Mohd. Ali muncul sebagai juara dalam acara golf keseluruhan net dengan 67 pukulan di Kejohanan Golf bagi merebut Piala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan itu diadakan sempena memperingati ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-56 yang berlangsung di Royal Brunei Golf and Country Club, Jerudong pada 18 Ogos lalu.

Di kejohanan itu menyaksikan pertemuan lebih 80 pemain dari kelab-kelab golf seluruh negara beraksi dalam enam kategori.

Sementara naib juara disandang oleh Awang Adnan Haji Hanafiah dengan 68 net, manakala Awang Simon Gelan di tempat ketiga dengan 72 net.

Dalam acara keseluruhan gross pula, juara disandang oleh Leftenan Kolonel (B) Haji Ibrahim yang memiliki handicap 8 dengan 77 gross, naib juara, Leftenan Kolonel (B) Haji Abdul Aziz yang memiliki handicap 10 dengan 72 gross. Manakala

Leftenan Kolonel Haji Nasir yang memiliki handicap 7 dengan 83 gross di tempat ketiga.

Sementara Awang Johari menjuarai dalam acara bahagian nett A, Haji Abdul Latif menjuarai dalam acara bahagian nett B dan Abu Sufian pula menjuarai dalam acara bahagian nett C.

Manakala hadiah-hadiah novelti juga masing-masing berjaya direbut

oleh Mohamad Haji Damit, Hong Kok Seng, Haji Mohd. Roger dan Salleh Yusoff. Sementara Ken Kho memenangi dalam acara pukulan terjauh. Pukulan tepat pula dimenangi oleh Haji Hashim.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengurus Am Kanan Brunei LNG Sendirian Berhad, Haji Mohd. Said bin Ahmad.



PENGURUS Am Kanan Brunei LNG Sendirian Berhad, Haji Mohd. Said bin Ahmad menyampaikan piala kemenangan kepada Mejar Pengiran Haji Mohd. Ali. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat melawat ke Pejabat Unit PW (Air Force) yang berperanan menguruskan pembelian peralatan ketenteraan dan perhubungan untuk tentera udara. - Gambar oleh Pg. Hj Bahar PHO.

Rombongan diraja Bahrain diraikan

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima Yang Amat Mulia Puteri Shaikha Sabika Binti Ibrahim Al-Khalifa, isteri Duli Yang Maha Mulia Shaikh Hamad bin Essa Al-Khalifa, Raja Bahrain di Majlis Santap Diraja di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Keberangkatan tiba YAM Puteri Shaikha Sabika dan rombongan diraja Bahrain dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri kemudian Yang Amat Mulia diperkenalkan kepada ahli-ahli kerabat Diraja Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia yang juga Yang Dipertua Majlis Agung Wanita Bahrain berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan selama tiga hari dari 8 hingga 10 September.

Sejurus sebelum Majlis Santap Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima kunjungan muhibah Yang Amat Mulia Puteri Shaikha Sabika dan rombongan di Balai Penghadapan.

Berangkat sama di kedua-dua majlis itu ialah Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Sepanjang berada di sini, YAM Puteri Shaikha Sabika dan rombongan Bahrain juga berpeluang mengadakan lawatan ke tempat-tempat menarik di negara ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima kunjungan muhibah Yang Amat Mulia Puteri Shaikha Sabika dan rombongan di Balai Penghadapan, Istana Nurul Iman (kanan).

Kebawah DYMM lawat MINDEF

BERAKAS, 10 September - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat melawat Kementerian Pertahanan di Bolkiah Garrison.

Keberangkatan baginda dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith; Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abd Rahman, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar dan para pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Baginda seterusnya dijun-

jung berangkat ke Pusat Gerakan Bersama (JOC) ABDB dan menerima taklimat yang disampaikan oleh Pemerintah ABDB.

JOC adalah Markas Gerakan ABDB yang terkanan dan bertanggungjawab dalam merancang gerakan ABDB dan mengaturnegera dan mengkoordinasikan semua aset ABDB dalam setiap gerakan bersama; mengendalikan operasi di peringkat Operational. Sementara komponen dari angkatan tentera darat, angkatan tentera laut, angkatan tentera udara, Pasukan Gerak Khas, Aset Logistik dan komponen tentera asing jika dikehendaki adalah di bawah perintah dan kawalan pusat ini dan beroperasi di peringkat taktikal.

Pusat ini pernah digunakan sepenuhnya untuk mengendalikan Latihan Setiakawan 2, gerakan keselamatan semasa Sukan SEA, APEC 2000 dan gerakan keselamatan setiap kali Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri majlis rasmi negara.

Pusat ini yang beroperasi 24 jam akan bertindak kepada sebarang panggilan kecemasan dilengkapi peralatan perhubungan terkini dan boleh berhubung dengan Markas Angkatan Tentera sama ada menggunakan komputer, radio atau telefon.

Baginda kemudian berangkat ke Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan. Pengarah jabatan itu, Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar menyebarkan taklimat ke hadapan majlis baginda.

Baginda kemudian dijunjung melawat ke Bilik Peti Sebut Harga; Pejabat Unit PW (Air Force) yang berperanan menguruskan pembelian peralatan ketenteraan dan perhubungan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Bahagian Tawaran dan Bahagian Kewangan.

Setelah itu baginda berangkat pula ke Depoh Logistik Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) yang juga terletak di Bolkiah Garrison dan disampaikan taklimat oleh Pegawai Pemerintah depoh itu, Leftenan Kolonel Pengiran Haji Ramlee mengenai perkhidmatan dan kemudahan di depoh itu.

Kemudian baginda berangkat meninjau Setor Utama Depoh Logistik ATPBDB yang menempatkan pelbagai peralatan seperti peralatan kenderaan dan radio; RSSD (Return Stor Sub -Depoh) yang menempatkan pelbagai peralatan yang dipulangkan semula; Stor Catuan Kering, tempat penyimpanan makanan kering dan makanan dalam tin; dan Stor Perabot.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda penerangan berangkat ke Mes Pegawai Bolkiah Garrison dan menandatangani buku lawatan.



ASEAN - COCI berperanan rapatkan hubungan masyarakat ASEAN

Oleh Sahari Akim

GADONG, 10 September. - Kekukuhan semangat perpaduan melalui persefahaman dan saling menghormati kepelbagaian budaya di antara satu sama lain merupakan keperluan semasa ke arah mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Ke arah itu Komiti ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI) boleh memainkan peranan penting dalam aspek merapatkan hubungan di kalangan masyarakat ASEAN melalui pelbagai pertukaran kebudayaan dan aktiviti.

Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdulah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menyatakan demikian semasa berucap merasmikan Mesyuarat Sub-Komiti ASEAN-COCI Mengenai Penerangan Kali Ke-IV berlangsung di Centrepoint di sini.

Menurut Dato Paduka Pelan Komunikasi Kebangsaan yang telah dilaksanakan bukan sahaja perlu diberikan keutamaan yang tinggi tetapi perlu dinilai dari masa ke semasa untuk menentukan keberkesannya.

Tambah Dato Paduka,

program-program komunikasi berkesan merupakan alat bagi menanamkan keyakinan di kalangan pelabur-pelabur antarabangsa dan masyarakat ASEAN.

Dengan membesarnya ASEAN kita perlu mencari pendekatan-pendekatan komunikasi dan strategi-strategi baru yang bersepadu untuk menjadikan Pelan Komunikasi itu lebih efektif, saran Dato Paduka.

"Kita membesar dari 5 menjadi 6 menjadi 7 dan akhirnya menjadi 10 negara anggota. Kita mesti bekerja lebih rapat antara satu sama lain dan meneroka cara-cara baru ke arah menjadikan kita lebih berfungsi dalam memajukan kerjasama serantau," tegas Dato Paduka.

Sebagai Komiti Penerangan para delegasi diamanahkan untuk memberikan penerangan kepada orang ramai mengenai hal-ehwal ASEAN, maka adalah menjadi salah satu keutamaan agar langkah-langkah dan cadangan semasa perlu dilihat dan dinilai supaya segala sumber dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan memberikan keuntungan kepada masyarakat ASEAN keseluruhannya.

Terdahulu Dato Paduka berkata, setelah dua tahun memasuki alaf baru, pelbagai kejadian telah berlaku di seluruh dunia termasuk tragedi 11 September tahun lalu yang

memberikan kesan tidak menentu kepada masa depan ekonomi serantau dan antarabangsa.

Selain dari menghadapi krisis ekonomi, ASEAN juga menghadapi masalah-masalah sosial dan persekitaran yang berterusan.

Di sebalik usaha ASEAN mengatasi krisis ekonomi 1997 tambah Dato Paduka, ASEAN masih menghadapi berbagai kesukaran termasuk implikasi persejajatan dan bertambahnya persaingan, kesan-kesan jenayah transnasional dan keganasan serta pelbagai cabaran yang lain ujar Dato Paduka.

Cabaran lain termasuklah terdapatnya perbezaan atau jurang digital antara negara-negara anggota dan juga di kalangan masyarakat selain cabaran untuk memperbetulkan imej dan persepsi negatif ASEAN di luar rantau ini.

Walau bagaimanapun menurut Dato Paduka, sejak ditubuhkan 30 tahun lalu, ASEAN telah mengambil langkah-langkah bijak dalam menangani pelbagai cabaran yang agak sukar seperti yang pernah disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Pembukaan Rasmi Persidangan Menteri Luar ASEAN yang diadakan baru-baru ini di Negara Brunei Darussalam.

la benar-benar menggariskan komitmen negara-negara anggota ASEAN ke arah kerjasama dan persefahaman bersama yang menghendaki ASEAN bergerak serentak dengan pantas.

Selain dari itu ASEAN juga perlu memastikan kejadian-kejadian di luar kawalan tidak menjejaskan kepercayaan dalam menarik pelaburan dan meraih pasaran kerana pelaburan perlu terus mengalir ke rantau ini, saran Dato Paduka.

"ASEAN perlu mempunyai strategi. Dalam keadaan keadaan tertentu, ASEAN mesti memulihkan keyakinan dan daya tarikannya kepada para pelabur. Kita perlu menekankan kepercayaan, potensi dan kekuatan rantau ini," tegas Dato Paduka.

Pada masa yang sama kita juga perlu melihat ke dalam dan bertanya sama ada masyarakat ASEAN yakin terhadap kepercayaan dan kekuatan ASEAN dan adakah pertubuhan itu bermakna kepada masyarakat dan rantau yang kita wakili, jelas Dato Paduka.

Semasa berucap Dato Paduka juga menyarankan agar ASEAN mencari pendekatan komunikasi dan strategi baru untuk menjadikan Pelan Komunikasi itu lebih efektif.

Menurut Dato Paduka, ASEAN perlu memanfaatkan segala sumber untuk memberikan keyakinan semula kepada pelabur-pelabur antara-

bangsa dan para pelancong terhadap pertubuhan tersebut.

Sebagai ahli profesional dalam bidang penerangan para delegasi persidangan itu mempunyai peranan penting untuk memenuhi Visi ASEAN dan untuk menerangkan kepada dunia luar dan masyarakat ASEAN mengenai pertubuhan itu serta kepercayaan dan kekuatannya.

Bulan hadapan Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab mengenai Penerangan akan mengadakan persidangan ketujuhannya di Bandar Seri Begawan dan akan meneruskan peranan proaktif ke arah memperkenalkan ASEAN dan kegiatan-kegiatan.

Persidangan tersebut diharapkan akan dapat menyediakan beberapa hala tuju bagi kerjasama di kalangan negara-negara anggota ke arah membina keyakinan para pelabur di samping memprojekekkan perpaduan, kestabilan dan dinamisme ASEAN selaras dengan tema 'Ke Arah Memprojekekkan Perpaduan, Kestabilan dan Dinamisme ASEAN Dalam Era Komunikasi Sejagat'.

Dato Paduka juga berkesediaan menyempurnakan pelancaran Laman Web Belia ASEAN, salah satu projek Komiti ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan yang diilhamkan hasil cadangan Republik Singapura.

Dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 September. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini dimaklumkan bahawa baginda dengan sukacita melantik Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Diraja mulai hari Khamis, 5 September 2002.



YANG Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI EKONOMI, ASEAN (AEM) KE-34, 11-15 SEPTEMBER 2002

درېټيکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Kebakaran di Kg. Ayer perlu dijadikan pengajaran



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa di Majlis Perjumpaan menyeru agensi-agensi yang berkenaan supaya mengambil langkah lebih proaktif bagi mencegah kejadian kebakaran. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Oleh Samle Haji Jait

BERAKAS, 29 Ogos. - Kejadian kebakaran di Kampung Ayer yang terdahulu sebelum melanda di Kampung Lurong Sikuna dan Kampung Ujung Keling sepatutnya menjadi pengajaran kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk mengambil langkah yang lebih proaktif bagi mencegah kejadian dari berulang lagi.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyarankan agensi-agensi yang berkenaan supaya mengambil segera langkah dan tindakan bersepadu supaya akan dapat mencegah atau menghindar-

kan daripada berlakunya kejadian-kejadian sedemikian.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu di Majlis Perjumpaan bersama timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan, timbalan/penolong pengarah dan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di Dewan Persidangan Jabatan Perkhidmatan Bomba di sini.

Yang Berhormat berkata, kejadian kebakaran termasuk Kampung Lurong Sikuna dan Kampung Ujung Keling yang lalu memusnahkan dan merosakkan banyak harta benda, menimbulkan kesulitan seperti kehilangan dokumen peribadi serta gangguan 'emotional' atau 'psychological' kepada para mangsa yang terlibat.

Beliau menyarankan agar menilai semula keberkesanan langkah yang telah diambil dan strategi yang digunakan dari masa ke semasa, di samping sentiasa menguji peralatan-peralatan pencegahan dan pemadam api untuk memastikan ianya benar-benar berfungsi serta meningkatkan keupayaan, kemahiran dan kewaspadaan ke tahap yang lebih tinggi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu juga menggariskan cadangan kaedah seperti memberikan kesedaran berterusan tentang pencegahan kebakaran, memastikan segala kemudahan termasuk peralatan pemadam api yang ada sentiasa berkeadaan baik, operational yang berkesan dan sesuai untuk digunakan dalam kejadian kebakaran.

Sebelum ini, Jabatan Perkhidmatan Bomba telah menerima sejumlah 49 panggilan kejadian kebakaran rumah di Kampung Ayer dalam tempoh selama 22 tahun iaitu sejak tahun 1980 hingga 2002 telah menjadi topik isu ketika ini.

plancong ke negara ini perlu dikekalkan dengan mengambil kira keadaan semasa terutama dari segi keselamatan dan kebersihan bagi kesejahteraan dan kesejahteraan penduduknya.



PENGHULU-PENGHULU dan ketua-ketua kampung juga berperanan penting bagi memastikan keselamatan anak-anak buah kampung mereka. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

TINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN

BERAKAS, 29 Ogos. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa berharap jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak yang lain bagi mempertingkatkan lagi tahap keberkesanan tindakan-tindakan bagi keselamatan dan kesejahteraan orang ramai.

"Jangan sampai kurang tindakan dan keberkesanan organisasi akan menjadi tajuk utama berita dan laporan akhbar seperti yang pernah berlaku sebelum ini," ujar Yang Berhormat di Majlis Perjumpaan bersama timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan, timbalan/penolong pengarah dan pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di sini.

Yang Berhormat mengalu-alukan teguran-teguran dan laporan dalam surat khabar asalkan yang membina yakni 'constructive' dan laporan itu mengenai kejadian yang benar berlaku dan bukan dibuat-buat untuk menyinggung peribadi mana-mana pegawai kerajaan atau menyebarkan laporan-laporan yang berniat jahat atau 'malicious reporting'.

Oleh Samle HJ

Menurut Yang Berhormat, surat khabar memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat untuk orang ramai meluahkan pendapat dan pandangan mereka mengenai hal-ehwal dalam masyarakat terutama sekali kemasyarakatan dan kerumitan yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

Dalam pada itu pula, Yang Berhormat mengingatkan penerbit surat khabar termasuk pemberita dan editorial staff hendaklah sentiasa mempunyai rasa tanggungjawab ketika menyebarkan sesuatu berita atau laporan dan pendapat.

Antara yang menjadi perhatian media seperti kurang pengawasan dan penguatkuasaan jabatan-jabatan berkenaan yang meliputi dari segi penguatkuasaan dalam bandar mahupun di luar bandar dan daerah.

Juga didapati dari peman-tauan terhadap pekerja-pekerja asing, pendatang haram, di samping juga melalui dari sudut pemeliharaan peralatan, mencegah kebakaran termasuk di kampung-kampung mahupun dari segi pengawalan ke atas banduan, tahanan, penagih dadah dan seumpamanya.



MESYUARAT Jawatankuasa Rancangan Pembangunan Semula Kampung Ayer yang berlangsung di Bangunan Sekretariat pada 31 Ogos. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

J'kuasa Rancangan Pembangunan Semula Kg. Ayer dibentuk

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Ogos. - Jawatankuasa Rancangan Pembangunan Semula Kampung Ayer telah dibentuk hasil satu mesyuarat membincangkan mengenai status perumahan di Kampung Ayer khususnya bagi kawasan yang ditimpa kebakaran baru-baru ini.

Mesyuarat yang dipe-ngerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Adnan berlangsung di Bangunan Sekretariat di sini.

Juga hadir ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Jawatankuasa itu dipe-ngerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Haji Abdul Rahman serta beberapa perwakilan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan termasuk penghulu-penghulu mukim di Kampung Ayer.

KHEDN dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara merupakan urusetia bagi jawatankuasa berkenaan.

Melalui perancangan jangka pendek jawatankuasa itu akan menyelaras kerja-kerja pembersihan ke atas kawasan-kawasan yang terbakar termasuk meroboh rumah-rumah yang kosong serta membuat perancangan bagi pembangunan semula perumahan baru yang lebih bersestematik dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kesejahteraan pen-

uduk.

Jawatankuasa itu juga akan menumpukan perhatian terhadap langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk mencegah atau mengelakkan kebakaran perumahan di masa akan datang.

Sementara itu, melalui matlamat jangka panjang ialah untuk menjadikan Kampung Ayer sebagai tempat tinggal yang lebih teratur, selamat dan selesa, di samping masih dapat mengekalkan imejnya sebagai salah sebuah tempat menarik untuk dikunjungi oleh pelancong-pelancong ke negara ini.

Awal dari itu, Yang Berhormat berkata, Kampung Ayer yang telah wujud sekian lama dan merupakan salah satu tarikan

Imbangi masa atasi kekosongan jiwa

KEBANYAKAN orang tidak mempunyai masa lapang, sibuk dengan tugas dan kerja, tetapi jiwanya tetap kosong, tidak ada ketenteraman dan tidak tahu apa sebenarnya dikejar.

Cara awal yang perlu dilakukan untuk mengatasi kekosongan jiwa bagi membolehkan hidup ini terasa begitu bermakna ialah kembali kepada Allah. Allah Subhanahu Wataala berfirman seperti yang tersebut dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang tafsirnya: "Iaitu orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan Zikrullah. Ketahuilah! Dengan Zikrullah itu, tenang, tentramlah hati manusia."

Salah satu cara mengingat Allah seperti yang dijelaskan dalam ayat ini ialah dengan mendirikan sembahyang. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 103 yang tafsirnya: "Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingat Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring." Jelasnya andai seseorang itu mahu hidup benar-benar bermakna, dia hendaklah mengingat Allah pada setiap masa.

Langkah pertama yang perlu dilakukan ialah dengan melakukan ibadah di waktu malam. Sebaik-baik sahaja terjaga, hendaklah menyebut nama Allah, bersyukur kepada-Nya, bertaubat, ataupun berlindung kepada Allah. Kemudian bangun mengambil wuduk dan melakukan sembahyang sunat.

Tersebut dalam hadis-hadis bahawa waktu mustajab itu perlu kerana pada waktu itu Allah akan memperkenankan doa mereka yang berdoa dan mengamini dosa mereka yang memohon keampunan.

Dalam sebuah hadis riwayat Al-Imam Abu Daud, An-Nasa'ie, Ibnu Majah dan Al-Hakim dinyatakan bahawa: "Barang siapa selalu memohon keampunan, Allah akan beri jalan keluar daripada setiap kesempitan yang melanda, kelapangan daripada dukacita dan Allah memberinya rezeki yang tidak dikira."

Sesungguhnya beribadah di waktu malam itu adalah salah satu jalan untuk memperoleh makam yang tinggi di sisi Allah seperti tersebut dalam Surah Al-Israa' ayat 79 yang tafsirnya: "Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah sembahyang tahajjud padanya sebagai sembahyang tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkitkan dan menempatkanmu - pada Hari Akhirat di tempat yang terpuji." Ibadah ini merupakan amalan orang-orang salih.

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

Wuduk pula merupakan kebersihan jasad dan roh yang akhirnya memberi kesan pada ketenangan jiwa dan juga pencegahan penyakit. Wuduk bukan semata-mata membasuh bahagian luar anggota jasad dengan air daripada kekotoran, tetapi ia merupakan lambang penghapusan dosa dan kesalahan menyebabkan seseorang itu sentiasa hampir kepada Allah.

Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu diriwayatkan oleh Al-Imam Malik, Ahmad, Muslim dan At-Tarmizi dinyatakan bahwa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud: "Apabila seseorang hamba Muslim itu berwuduk, lalu membasuh mukanya, maka keluarlah dari mukanya setiap kesalahannya yang dilakukan oleh kedua-dua belah tangannya, maka keluarlah setiap kesalahan dari kedua-dua belah tangan dengan air. Apabila ia membasuh kedua-dua belah kakinya, keluarlah setiap kesalahan hasil perbuatan kedua-dua kakinya dengan air, sehingga keluar semuanya, bersih daripada dosa-dosa."

Berwuduk juga boleh menjauhkan was-was syaitan. Was-was syaitan boleh menyebabkan seseorang itu rasa kecewa dan kosong dengan hidup ini. Rasanya tidak bermaya dan hampa tanpa sebab yang jelas dan akan timbul rasa sedih atau suka dengan tidak semana-mana tanpa alasan. Gangguan ini juga sering menyebabkan seseorang itu terdorong untuk membunuh diri.

Wuduk juga boleh memadamkan kemarahan yang sedang melanda. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dan Abu Daud yang bermaksud: "Marah itu daripada syaitan. Syaitan itu dijadikan daripada api, sesungguhnya api itu padam dengan air, kerana itu andainya salah seorang daripada kamu marah, dia hendaklah berwuduk."

Dalam sebuah hadis yang lain daripada Sayyidina Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu riwayat Al-Imam Muslim daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda yang bermaksud:

"Tidak berlaku terhadap salah seorang daripada kamu yang mengambil wuduk, lalu menyempurnakan wuduknya, lalu

berkata: Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah Yang Tunggal, tidak ada sekutu bagi-Nya dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba-Nya dan Rasul-Nya, kecuali dibuka baginya pintu-pintu Syurga yang lapan dan dia akan memasukinya daripada mana-mana pintu yang dia suka."

Sembahyang adalah hubungan antara seorang hamba dengan Tuhannya. Ketika sembahyang manusia mengagungkan agungannya Tuhannya, memuji, mengaduh nasib dan derita serta berdoa. Untuk menghayati nikmat sembahyang yang boleh membentuk diri bersifat takwa dan merasa hidup penuh bererti, seseorang itu hendaklah mempelajari rahsia ibadah ini dengan mendalam, mengetahui syarat dan rukun yang mesti dilakukan, jauh daripada perkara-perkara yang membatalkan atau merosakkan sembahyang.

Orang yang sembahyang dengan khusyuk ialah mereka yang tunduk anggotanya kepada Allah Yang Maha Agung. Sembahyang seperti inilah yang boleh menghapuskan dosa kesalahan. Kesalahannya yang terdiri daripada dosa-dosa kecil. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Mu'minuun ayat 1-2 yang tafsirnya: "Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya."

Untuk hidup lebih bermakna seseorang itu mesti bijak mengimbangi masa yang digunakan. Bahagikan masa dengan saksama untuk keluarga, termasuk waktu tidur, makan angin ataupun melancong ke luar negara, juga bersenam, untuk Allah Yang Maha Pencipta, Allah tidak mencipta jin dan manusia itu kecuali untuk beribadah kepada-Nya. Dalam membahagi-bahagikan kegiatan hidup yang dilakukan setiap hari biar dalam bentuk apa sekalipun, seseorang itu hendaklah melakukannya semata-mata kerana Allah, bukan kerana adat.

Apabila amalan itu dilakukan kerana Allah Subhanahu Wataala ia akan diperkira sebagai ibadah yang akan memberi pahala. Sesungguhnya terlalu rugi-lah mereka yang mempunyai opbanyak masa tetapi tidak bijak menggunakannya hidup itu sebagai hampa dan tidak bermakna.

SERI sediakan bahan bacaan untuk semua

Oleh
Samle Haji Jait

BERAKAS, 30 Ogos. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali berkata SERI boleh memainkan peranan penting dalam menambah dan menyediakan bermacam-macam ilmu pengetahuan, sumber rujukan dan pengajaran untuk semua peringkat masyarakat.

SERI merupakan sebuah majalah berkonsepkan kekeluargaan menghidangkan bahan bacaan pelbagai sudut kehidupan yang akan meneroka dan memberigakan kepada peringkat umur remaja dan dewasa.

"SERI membuka arena kepada penulis, mereka yang berbakat atau mencuba bakat untuk mencurahkan ilmu pengetahuan, fikiran, pendapat, pandangan, pengulasan mengikut tatatertib dan dalam lingkungan sempadan yang sihat dan sempurna," jelas Yang Dimuliakan di Majlis



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali ketika melancarkan majalah SERI. Majlis berlangsung di sebuah hotel di Berakas. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pelancaran SERI berlangsung di sebuah hotel di sini.

Katanya, seperti media massa yang lain, SERI boleh menyumbang kepada pertumbuhan dan kemajuan masyarakat, di samping menjadi forum tempatan, pertemuan minda dan perbincangan orang ramai sebagai parlimen yang tidak rasmi.

SERI akan membina identitinya sendiri secara perlahan dengan berpegang

kepada satu aspek penting iaitu aspek kebrucean.

"Kita pasti orang-orang Brunei sudah semakin berilmu, kreatif dan matang bagi sama-sama mengongsi pemikiran mereka ke dalam majalah SERI," jelas Pengarah Urusan Perusahaan F. A. Azfar, Datin Paduka Hajah Fatimah.

Beliau menambah, masih banyak khazanah penulisan yang masih belum diterokai untuk diberigakan

dan mudah-mudahan SERI akan menjadi wadah yang boleh memaparkan perkembangan Negara Brunei Darussalam dalam semua aspek kehidupan.

SERI diterbitkan dua bulan sekali oleh F. A. Azfar Enterprise akan turut menyebarkan bahan atau isu-isu semasa, serantau dan antarabangsa yang bersesuaian dengan cita rasa negara.

Pusat Latihan Mekanik perlu teliti kandungan kursus

Oleh Samle HJ

RIMBA, 21 Ogos. - Pusat Latihan Mekanik diseru agar terus meneliti isi kandungan kursus selaras dengan keperluan negara masa kini dan akan datang.

Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal berkata, Pusat Latihan Mekanik merupakan satu-satunya penempatan bagi kursus jentera berat, sudah tentu keberkesananannya sangat diperlukan oleh negara.

Beliau menjelaskan perkara itu di Majlis Konvokesyen, Pusat Latihan Mekanik Keempat di sini.

Beliau berharap agar pelajar terus berusaha meningkatkan pengajian yang lebih tinggi sekali gus bagi memperbanyakkan kemahiran diri masing-masing.

"Para graduan yang hendak mencari pekerjaan perlu bersikap positif untuk mendapat pekerjaan," jelasnya.



PEMANGKU Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Mohd. Jumin ketika menyampaikan sijil kepada seorang graduan di Majlis Konvokesyen Pusat Latihan Mekanik Keempat. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Seramai 27 orang graduan bagi Kursus Mekanik Jentera Barat NTC3 bagi sesi 2001 - 2002 dan seramai sembilan orang NTC2 iaitu pengambilan pertama sesi 2000 - 2001 menerima Sijil Kejuruan Kebangsaan mereka dari tetamu kehormat.

Pengetua Pusat Latihan Mekanik, Awang Haji Abdullah bin Ahmad berharap dengan menghasilkan graduan-graduan NTC2 buat kali pertama itu akan menjadi pendorong pusat berkenaan bagi merancang lebih jauh lagi program-program lanjutan yang lain sehingga ke tahap Diploma Kebangsaan.

Katanya, pusat itu berpotensi memberi peluang graduannya memperoleh pekerjaan apabila beberapa orang graduannya telah diambil bekerja di sektor swasta.

"Ia menandakan pihak swasta telah memberi kepercayaan kepada graduan-graduan dari pusat ini untuk menjadi pekerja-pekerja mereka," jelasnya ketika menyampaikan kata aluan.

Katanya, kepercayaan itu telah menaikkan semangat pihak pusat itu bagi memajukan pencapaian pelajar-pelajarnya selaras dengan wawasan untuk menjadi sebuah pusat kemahiran yang cemerlang di bidang mekanikal.

Di majlis itu, Haji Mohammad Noor Azmie bin Haji Zaman dipilih sebagai pelajar terbaik setelah berjaya mendapat tiga mata pelajaran cemerlang, lapan kepujian, di samping mencatatkan 84 peratus kedatanganan serta aktif dalam kegiatan aktiviti sekolah dan luar sekolah.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair menjelaskan manfaat besar yang diperolehi dari E-Government ialah merangkaikan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan ke dalam satu rangkaian. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

K'jaan komited terhadap pelaksanaan E-Government secara meluas

Oleh
Samle HJ

RIMBA, 27 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat komited dan ingin melihat pelaksanaan E-Government yang meluas, berkesan dan cepat dalam jentera kerajaan khususnya di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

"Satu manfaat besar yang kita perolehi daripada E-Government nanti ialah merangkaikan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan ke dalam satu rangkaian ataupun portal yang mudah dan mempercepatkan proses permohonan dan pemberian kelulusan," jelas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika memulakan Sesi Taklimat dan Bengkel Mengenai E-Government Leadership di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Katanya, misi dan matlamat kerajaan dalam melaksanakan program E-Government ialah bagi mewujudkan secara meluas

pengurusan kerajaan dan pemberian perkhidmatan kerajaan secara on-line ataupun 'Government and Services On-Line'.

Beliau menambah E-Government juga sebagai salah satu penggerak utama ke arah pencapaian wawasan Perkhidmatan Awam Abad 21 bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang inovatif, produktif, efektif, efisien, berdaya maju dan berdaya saing.

"Adalah dijangkakan pelaksanaan E-Government sepenuhnya di dalam kerajaan akan merubah cara bekerja dan perhubungan di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan melalui 'inter' dan intra agency communication" yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti," ujar Dato Paduka.

Tambahnya, E-Government juga akan membawa

perubahan dan peningkatan cara hidup rakyat termasuk sektor swasta dan perniagaan di Negara Brunei Darussalam hasil daripada peningkatan dan pembaikan dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan.

Perkhidmatan kerajaan kepada sektor perniagaan juga akan menghadapi perubahan yang amat ketara melalui aplikasi ICT secara meluas.



DATO Paduka Haji Hazair dan lain-lain pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri ketika mendengarkan penerangan mengenai E-Government oleh seorang pegawai Syabas Technologies dan IBM yang menjadi konsultan bagi E-Government. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

B\$1 bilion diperuntukkan bagi pelaksanaan E-Government

RIMBA, 27 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan B\$1 bilion ke arah pelaksanaan E-Government melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi tempoh empat tahun hingga 2005.

Peruntukan tersebut telah pun diagih-agihkan kepada Kementerian-kementerian bagi pelaksanaan program E-Government masing-masing termasuk jabatan-jabatan di bawah mereka.

"JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, kira-kira B\$81 juta telah diperuntukkan di mana 80 peratus adalah bagi pelaksanaan rancangan perkhidmatan-perkhidmatan melalui E-Government," jelas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Haji Hazair.

Katanya, satu Pelan Induk E-Government telah disediakan dan diluluskan sebagai sandaran dan panduan dalam melaksanakan projek E-Government melalui Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Eksekutif Program E-Government yang di anggotai oleh setiausaha-setiausaha tetap Kementerian.

"Kita masing-masing bertanggungjawab untuk melaksanakan program ini dengan sebaiknya dan tidak ada alasan kenapa kita tidak boleh merancang dan menggerakkan program E-Government di jabatan masing-masing kecuali kita bersikap pasif dan tidak mempunyai kemahuan untuk membuat atau melaksanakannya," jelasnya.

JPM dan Kementerian-kementerian yang lain telah diperbantukan untuk membantu mengenal pasti, merancang dan melaksanakan program E-Government dari beberapa pegawai Jabatan Teknologi Maklumat dan

Stor Negara.

Katanya, perkara itu telah dimaklumkan kepada semua ketua jabatan melalui memorandum JPM di mana ketua-ketua jabatan telah diminta untuk menyediakan Pelan Induk E-Government di jabatan masing-masing.

Beliau menjelaskan, hanya sebilangan kecil daripada jabatan-jabatan yang menghadapkan cadangan berkenaan, sementara cadangan yang diterima sedang diteliti.

"Kita perlu sama-sama muhasabah diri dan berusaha untuk bergerak maju ke hadapan. Apa tah lagi JPM merupakan agensi tertinggi dalam kerajaan yang perlu memberikan contoh teladan yang positif dan kepimpinan," jelas Dato Paduka.

Beliau berharap agar ketua-ketua jabatan benar-benar serius dan memberikan komitmen sepenuhnya dalam melaksanakan program berkenaan.

Pegawai, kakitangan kerajaan perlu pengetahuan IT

RIMBA, 27 Ogos. - Ketua-ketua jabatan hendaklah mula menggerakkan program 'change management' dalaman mereka dengan memastikan pegawai dan kakitangan mempunyai pengetahuan asas mengenai penggunaan ICT.

"Ketua-ketua jabatan adalah orang yang mengetahui dan arif untuk mengenal pasti dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu diberikan melalui elektronik," ujar Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Haji Hazair.

Dalam merancang program E-Government masing-masing, katanya ketua-ketua jabatan perlu mengambil kira aspek perkhidmatan yang melibatkan jabatan dengan kakitangan; jabatan dengan jabatan-jabatan yang lain; jabatan dengan orang ramai dan jabatan dengan sektor perniagaan.

Menyentuh perancangan E-Government di JPM secara makro, jabatan itu telah menyediakan satu dokumen mengenai cadangan mengadakan Enter-

Oleh Samle HJ

prise Data Centre dan Network Infrastructure atau dipanggil 'PMonet' sebagai pusat data penyimpanan 'servers' dan peralatan yang lain bagi menampung aplikasi jabatan-jabatan di bawah JPM.

Beliau percaya matlamat JPM dalam program E-Government bukan semata-mata untuk mewujudkan sistem kerja secara elektronik semata-mata tetapi bagi

peningkatan mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

"Pertimbangan aplikasi itu perlulah diasaskan kepada kepentingan dan kemudahan orang ramai dengan harapan orang ramai akan dapat menikmati perkhidmatan-perkhidmatan cepat, tepat dan telus dan mereka boleh berurusan dengan kerajaan secara on-line," tambahnya.

Tambahnya lagi, kita perlu memastikan terlebih dahulu proses-proses di jabatan masing-masing diteliti dan disesuaikan dengan

kehendak E-Government itu termasuk memastikan pegawai-pegawai dan kakitangan yang cukup bersedia untuk mengendalikannya.

Konsultan mengenai E-Government Leadership khusus bagi pegawai-pegawai JPM dikendalikan oleh Syabas Technologies dan IBM bagi mengongsikan pengetahuan dan pengalaman bagaimana kerajaan-kerajaan dan organisasi-organisasi lain telah berjaya memanfaatkan teknologi ICT yang digunakan dalam E-Government.

Sumbangan buku dari isteri Pesuruhjaya Tinggi Kanada

Oleh Aliddin HM

BENGKURONG, 25 Ogos. - Puan Irene Hansen Reeder, isteri Pesuruhjaya Tinggi Kanada yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini menyumbang sejumlah 80 buah buku cerita bergambar kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di sini.

Buku-buku yang disumbangkan berupa buku cerita bergambar dalam bahasa Melayu dan Inggeris sesuai bagi kanak-kanak berumur antara dua ke lima tahun.

Sumbangan itu diterima oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pusat Ehsan Al-

Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Puan Irene Hansen Reeder adalah seorang sukarelawan di pusat itu sejak tiga tahun lalu. Sumbangan itu adalah tanda kenangan manis beliau semasa berada di pusat berkenaan.



PUAN Irene Hansen Reeder, Isteri Pesuruhjaya Tinggi Kanada yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini ketika menyumbangkan buku-buku kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Guru memperkasa kesempurnaan insan

TEMA Hari Guru pada setiap tahun amat bersesuaian dengan usaha guru bagi mendidik anak bangsa. Bertepatan dengan tema Hari Guru pada tahun ini 'Guru Memperkasa Kesempurnaan Insan' adalah satu tema yang dapat menegaskan guru boleh membentuk seseorang insan atau individu tersebut.

Jika diteliti akan tema tahun ini, ternyata tugas guru atau dengan lebih tepat lagi tanggungjawab guru menyeluruh dan amat berat. Kenapa ia dianggap satu tanggungjawab yang besar? Ini disebabkan fokus guru bukan sahaja menyampaikan ilmu yang sememangnya tugas atau kewajipan yang dipegang oleh seorang guru dari sejak dahulu lagi, bahkan memastikan pengajaran yang diberikan diterima dengan baik oleh para penuntut, dan memastikan pengajaran yang disampaikan dapat diaplikasikan dalam kehidupan yang sebenar berguna pada masa akan datang.

Di samping pengajaran ilmu berlangsung di dalam bilik darjah, ada aspek lain yang perlu diambil kira, contohnya kecergasan jasmani. Guru hendaklah sentiasa peka akan keadaan dan penuntut. Jika berada di dalam bilik darjah, secara tidak langsung, guru dapat mengesan atau mengetahui akan keadaan seseorang penuntut walaupun dalam keadaan jumlah penuntut yang agak ramai. Setiap penuntut mempunyai pelbagai tabiat atau karakter yang tersendiri. Di sini peranan guru amatlah diperlukan bagi mengimbangi dan menstabilkan keadaan atau suasana di dalam bilik darjah. Terkadang ada beberapa penuntut yang tidak mahu belajar atau sentiasa bercakap atau berbagai-bagai lagi, dari sini guru hendaklah pandai mengambil perhatian mereka dengan mengadakan pembelajaran melalui permainan misalnya mengadakan kuiz atau aktiviti lakonan atau lawatan dan sebagainya. Dari sudut yang lain pula, kecergasan minda para penuntut juga diambil kira. Di samping menyediakan nota edaran, latihan dan kerja rumah yang berlainan mengikut tahap

keupayaan para penuntut, kaedah dan teknik pengajaran guru atau cara penerangan juga perlu berlainan untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan sempurna.

Tugas guru bukan berhenti setakat di situ sahaja. Melihat masa yang telah dan akan dihabiskan oleh para penuntut banyak di sekolah, maka istilah mengajar ditukar menjadi mendidik. Istilah ini merujuk kepada istilah bahasa Arab 'At-tadris' iaitu fokus kepada penyampaian ilmu sahaja, manakala 'At-ta'dib' mendidik atau mengadabkan fokus kepada dua bahagian utama iaitu penyampaian ilmu dan juga membentuk seseorang menjadi insan kamil.

Dari sinilah konsep pengajaran di sekolah-sekolah di negara kita sekarang sudah bertukar kepada konsep pendidikan. Kepekaan para guru dipertingkatkan lagi dari yang telah dinyatakan di atas, selain kepekaan guru akan kecergasan jasmani, kecer-

gasan minda para penuntut dan ketiga ialah kesempurnaan akhlak. Ketiga-tiga ini menjadi perhatian utama para guru dalam mendidik anak bangsa. Kecuaian guru untuk menangani salah satu daripada ketiga-tiga perkara penting di atas akan dapat mendatangkan impak yang besar dalam kehidupan anak bangsa, negara dan agama kelak. Pepatah ada mengatakan 'benih sebiju dibuang ke laut menjadi pulau, dibuang ke darat menjadi gunung' menjadi sasaran utama para guru.

Maka dapatlah disimpulkan bahawa tema Hari Guru memperkasa atau memperkuatkan kesempurnaan insan adalah bersesuaian dengan jasa guru bukan sahaja untuk kegembiraan guru itu sendiri tetapi juga bagi kegembiraan masyarakat keseluruhannya.

Adi Rani Aswandy bin Abdul Rahman,
No. 1, Sg. 702, Kg. Sg. Besar, Jln. Kota Batu, BD 2517.
No. k/p: 269651.

Kesungguhan mental, kepekaan penting

MENGENAL abjad bersama guru dibimbing tanpa rasa jemu, terkadang otak kecil merintih sakit. Stress datang tanpa diundang, diagut lagi oleh guru memaksa diri belajar mengira. Pening makin menjadi-jadi, guru geleng-geleng kepala melihat anak didiknya merungut. Namun, di raut wajah mereka terpancar ikhlas, 'demi bangsaku, demi maruahku'. Semua dilakukan tanpa perlu mengeluh, tanpa perlu merenggek betapa susahnyanya mendidik anak bangsa diri. Ini bukan keluhan dan juga bukan rintihan seorang guru. Tetapi ini adalah hakikat, keadaan yang tidak dapat dielak oleh seorang insan yang bergelar guru.

Pada pandangan mata kasar, kerjaya sebagai seorang pendidik ini selalu dianggap remeh dan dilabel sebagai kerja mudah. Remeh dan mudah bagi mereka yang tidak tahu betapa susahnyanya mendidik anak bangsa yang bakal menjadi pemangkin negara di masa kelak. Namun, bagi mereka yang tahu menilai, kerjaya sebagai seorang pendidik ini adalah kerjaya yang dipandang mulia di sisi agama dan pada pandangan masyarakat yang bijaksana.

Menilai dalam aspek yang sebenar, hakikatnya kerjaya ini memerlukan kesungguhan dan ketahanan mental serta kepekaan yang tajam. Minda harus sentiasa diasah dengan ilmu yang bukan sekadar bersifat ilmiah tetapi menyeluruh sehingga tiada had pengecualian mengenai bagaimana harus ilmu itu diserap dan dipraktikkan. Guru masa kini banyak berbeza dari guru terdahulu, dari segi pendedahan dan cara berfikir. Logiknyanya, ini adalah disebabkan perbezaan zaman dan revolusi semasa. Yang nyata, revolusi semasa sentiasa berubah mengikut peredaran zaman serta pendedahan kepada kaedah baru yang sentiasa berubah mengikut faktor di sekeliling. Inilah yang dinamakan evolusi, yang sentiasa mengundang persekitaran mencabar yang memerlukan diri sendiri peka dan berse-

dia. Merujuk kepada aspek-aspek yang telah diuraikan di atas, tidak syak lagi bahawa perubahan melalui revolusi dan evolusi memang dapat difatirkan, bahawa pergolakan atau cetusan idea baru ini sebenarnya didekatkan lagi oleh adanya orang perantara yang bergelar guru. Tidak dinafikan bahawa dalam hidup, kita telah banyak terbutang budi pada guru. Budi dan jasa mereka tidak terbalas dengan wang ringgit dan tidak juga

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Sukan Tingkatkan Imej Negara'. Tarikh tutup 14 September 2002.

2. 'Tingkatkan Mutu Perkhidmatan Awam'. Tarikh tutup 21 September 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Guru Memperkasa Kesempurnaan Insan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

memadai dengan pengiktirafan.

Melihat dari tema Hari Guru, 'Guru Memperkasa Kesempurnaan Insan', dapat dinilai bahawa tema ini cuba untuk melagakan sumbangan guru kepada masyarakat Brunei masa kini. Hanya dengan memberikan pengiktirafan ini sahaja, masyarakat di sekeliling akan tahu betapa murninya peranan guru dalam pembangunan jati diri sesebuah masyarakat itu dalam menempa kejayaan dalam hidup. Memang guru telah memperkasa kesempurnaan insan, yang membentuk akhlak masyarakat yang bertamadun dan dihormati. Tanpa adanya didikan seorang insan yang bernama guru, masyarakat kita hari ini tidak akan berjaya dalam kerjaya dan dalam hidup khususnya.

Lantas, di atas sumbangan guru ini, masyarakat kita hari ini mampu mempamerkan dan mengukir kejayaan yang cemerlang dalam hidup setiap individu masa kini. Kecemerlangan yang telah diraih, pasti berkat bimbingan seorang guru yang telah berjaya mencorak hidup kita sebenar pada masa kini dan akan datang. Dengan bimbingannya jua kita berjaya dan berkat doanya juga kita selamat. Memang guru telah banyak berjasa dalam pembangunan semasa, kecemerlangan anak Brunei kini terbukti apabila ramai anak tempatan telah berjaya mendapat ijazah mahupun menjadi peneraju dalam satu-satu jabatan. Mengantikan bilangan orang-orang luar yang bekerja di Negara Brunei Darussalam. Kemahiran anak-anak tempatan kini boleh dilagakan dan boleh dieksploitasikan sebagai sumber manusia yang berkemahiran untuk menerajui sektor industri Brunei masa kini.

Jadi, memang benar dan diakui bahawa guru memperkasa kesempurnaan insan. Huraian yang mudah untuk difahami dapat diamati melalui pemerhatian dan pemahaman individu. Tema yang seiring dengan jasa yang ditabur, memang tidak disangkalkan lagi bahawa peranan seorang insan yang bergelar guru telah banyak menyumbang kepada keteguhan, perpaduan, kejayaan dan pembangunan yang menyeluruh. Tulang belakang kepada kejayaan ini, didukung penuh oleh hadirnya insan yang bergelar guru.

Haji Shahrol Rijal bin Haji Abd. Jalil,
Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, BS 8810.
No. k/p: 257638.

Guru tunggak warisan negara

GURU merupakan aset terpenting dalam dunia pendidikan hari ini. Mereka boleh dianggap wira negara dalam menentukan hala tuju pendidikan dan kemajuan rakyat khususnya kepada para pelajar. Di era teknologi canggih hari ini, kepantasan gelojak era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menyemarakkan lagi bidang keilmuan yang diterajui oleh guru-guru.

Melihat kepada kecanggihan ICT, para guru harus melihatnya secara positif bagaimana ilmu boleh diaplikasikan kepada para pelajar mereka. Mereka harus terlebih dahulu menasaring atau mengetahui lebih mendalam kemunculan pelbagai cabang ilmu yang terhasil dari teknologi canggih ini. Jika mereka alfa dan leka mengikuti arus pemodenan ilmu maka mereka akan menjadi tunggul gerigis yang tidak dipedulikan oleh para pelajar kerana ketiadaan kemajuan dan perkembangan ilmu.

Di samping itu, para guru juga harus peka dengan kehendak negara dan masyarakat. Mereka bukan hanya sekadar mengajar di sekolah mengikut kurikulum yang disediakan oleh pihak sekolah tetapi lebih dari itu. Mereka harus mencari keadaan tertentu yang boleh diaplikasikan kepada para pelajar yang bersesuaian dengan minda dan tingkat umur mereka.

Kewaspadaan guru dalam menterjemahkan ilmu yang diperolehi haruslah bersesuaian dengan emosi dan tingkat daya fikir pelajar-pelajar itu. Guru-guru harus memandang ke hadapan, ke arah hala tuju yang jelas, mahu ke mana para pelajar hendak dibawa. Sententunya jalan yang betul dan yang diredai oleh Allah Taala. Jadi persiapan ke arah itu harus diperkemas supaya cara pembelajaran dan aspirasi kerajaan dan rakyat agar para pelajar menjadi insan yang berguna tidak terabai dan terbiar.

Dari itu, guru-guru harus memperkasakan minda, memperkasakan rohani dan memantapkan fizikal agar ketahanan dan kelangsungan pembelajaran itu tidak membazir. Isikan dada sebanyak mungkin ilmu. Ilmu duniawi dan ukhrawi. Guru-guru harus melihat sistem pembelajaran dengan fokus. Mereka harus amanah dalam mendidik dan mengasuh murid-murid dan para pelajar. Mereka harus memandang sebagai amanah yang besar dari Allah Taala supaya ilmu yang mereka peroleh itu dapat dimanfaatkan

kepada orang lain. Itu adalah antara cara mensyukuri nikmat Allah. Jika ilmu itu diajarkan dengan ikhlas dan jujur pasti Allah akan tambahi dan perkembangan ilmu itu seperti firman Allah yang bermaksud: "Jika kamu mensyukuri nikmat Allah nescaya Allah akan tambah-tambahkan nikmat itu, jika kamu kufur, seksa Allah bersangatan."

Dalam dunia pendidikan sekarang ini, memang tidak dinafikan, para guru adalah tunggak dan barisan hadapan dalam menterjemahkan wawasan dan wasana negara. Kegagalan guru-guru dalam mendidik dan memberi ilmu adalah kerugian besar kepada negara. Jadi mereka harus menjadi warga guru yang bertanggungjawab dalam memikul amanah.

Namun demikian, para murid atau pelajar harus berterima kasih kepada guru-guru yang memberi mereka pelajaran dan pendidikan ilmu. Mereka harus memahami tanggungjawab itu dengan bersungguh-sungguh belajar dan menumpukan perhatian ketika guru sedang mengajar. Mereka juga manusia biasa yang mempunyai perasaan. Jika apa-apa yang mereka ajarkan tidak diendahkan atau seperti mencurahkan air ke daun keladi, mereka akan terasa terusik jiwa dan perasaan mereka. Jadi samalah mereka menjaga dan mensyukuri nikmat dari Allah itu supaya ilmu itu mendatangkan keberkatan dan manfaat.

Ibu bapa juga harus berterima kasih kepada guru-guru. Soal pendidikan anak tidak harus diserahkan 100 peratus kepada pihak sekolah. Ibu bapa harus memantau dan peka dengan perkembangan pembelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa harus sentiasa berbincang bersama guru-guru, di samping memberi kerjasama dan memahami masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah dan guru-guru.

Kerjasama dari semua pihak dalam menterjemahkan aspirasi kerajaan khususnya dalam pendidikan hari ini harus dilihat secara menyeluruh dan positif. Ilmu kian berkembang, jadi guru-guru juga harus memperkasa minda dan keilmuan mereka dalam melayari bahtera keilmuan untuk menuju ke destinasi yang diredai oleh Allah Taala. Guru bertakwa insan mulia.

Abdul Halim bin Kassim,
No. 13A, Simpang 236,
Kampung Sinarubai,
Jln. Bengkurong-Masin,
BF 2120.
No. k/p: 287642

Pembangunan ekonomi terus ditingkatkan

BERAKAS, 22 Ogos. - Negara Brunei Darussalam akan terus mengorak langkah ke arah meningkatkan lagi tahap perkembangan dan pembangunan ekonominya selaras dengan objektif perancangan kemajuan negara.

Ini adalah untuk memastikan rakyat dan penduduk negara ini mendapat pendidikan dan mencapai tahap kemahiran dalam usaha

untuk memberkesakan lagi perkembangan sumber tenaga manusia yang produktif, efisien, berinovasi dan kreatif merupakan penggerak utama kepada proses perkembangan ekonomi negara khususnya pelbagai bidang perindustrian.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin bin Pengiran Haji Hashim berkata sedemikian

di Majlis Konvokesyen Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) Ke-7 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurutnya, usaha untuk mendapatkan kemahiran di bidang teknikal dan vokasional semestinya tidak berakhir setelah tamatnya kursus tetapi akan dapat diteruskan apabila seseorang itu menempuh alam peker-

jaan.

"Ini adalah penting untuk dijadikan peringatan bagi kita semua demi untuk mencapai kecemerlangan dalam apa-apa jua aktiviti sama ada sesuatu pekerjaan, perusahaan atau projek yang dikendalikan yang mana sudah tentu akan membantu kita dalam meningkatkan prestasi serta kecemerlangan organisasi atau syarikat di mana saja kita berkhidmat,"

Oleh
Aliddin HM

jelasan.

Beliau menjelaskan, pihak maktab sentiasa berusaha untuk menyediakan kursus-kursus yang relevan mengikut kehendak semasa bagi keperluan atau kehendak pihak kerajaan dan swasta di mana ianya dibuat melalui kajian terperinci mengenai sejauh manakah kemahiran yang mereka perolehi itu benar-benar dapat dimanfaatkan oleh pihak majikan.

Tindakan ini tambahnya, adalah tindakan yang baik terutama sekali dalam keadaan perubahan dan perkembangan teknologi yang pesat dewasa ini di mana pihak majikan menjadi lebih waspada dan berhati-hati terhadap pengambilan tenaga kerja tempatan.

Para majikan terutama di sektor swasta akan menilai sejauh mana tenaga kerja yang diperolehi daripada institusi-institusi teknikal dan vokasional tempatan itu benar-benar memenuhi keperluan perusahaan dan perniagaan mereka, jelasnya.

Selain itu, beliau berpen-

dapat dalam bidang pekerjaan, lepasan maktab tidak semestinya bergantung semata-mata kepada kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan dan mereka seharusnya bersikap lebih terbuka serta berani untuk bekerja sendiri dengan membuka perusahaan atau perniagaan sendiri.

Beliau menyeru kepada mereka yang bakal memasuki alam pekerjaan buat pertama kalinya agar sentiasa bersikap tabah dan sabar dan persisten dalam usaha mencari pekerjaan dengan bimbingan ibu bapa atau penjaga dan bantuan guru.

Di samping itu juga beliau menggesa para majikan juga harus bersikap keterbukaan dan membuat penilaian secara jangka panjang terhadap apa-apa jua yang dihadapi oleh pencari-pencari pekerjaan dengan memberi keutamaan kepada anak tempatan sendiri.

Majlis Konvokesyen itu melibatkan 534 orang pelajar MTSSR di pelbagai bidang pendidikan dan latihan teknikal di peringkat Diploma Kebangsaan, Pra Diploma Kebangsaan dan Kejuruan.

Dayang Rosinah binti Mawang dari jurusan BDTVEC Diploma Kebang-

saan dalam Kejuruteraan Pesawat dan Awangku Haji Quriol Jopatera bin Pengiran Haji Kamaluddin dari jurusan BDTVEC Diploma Kebangsaan dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menerima anugerah Pelajar Terbaik.

Penyampaian Diploma Kebangsaan, Pra Diploma Kebangsaan dan Sijil Kejuruan telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin bin Pengiran Haji Hashim.

Di sebelah malamnya pula Majlis Khatamal Quran bagi seramai 76 orang pelajar MTSSR juga diadakan di tempat yang sama.

Tetamu kehormat di majlis itu, Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Abu Bakar.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan membaca surah-surah lazim.

Majlis diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa khatam, Dikir Marhaban serta penyampaian sijil kepada para pelajar yang dikhatamkan dan diakhiri dengan bacaan doa selamat.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin ketika menyampaikan Diploma Kebangsaan kepada dua graduan di Majlis Konvokesyen Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) Ke-7. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Masri Osman.



Beri perhatian terhadap aspek kebersihan, keselamatan

GADONG, 26 Ogos. - Pengusaha-pengusaha dan pengendali-pengendali makanan di negara ini diingatkan supaya mengambil perhatian yang lebih serius mengenai kebersihan dan keselamatan makanan yang dihasilkan dan disediakan selain mengutamakan kualiti yang tinggi.

Pengabaian aspek-aspek kebersihan dan keselamatan semasa penyediaan dan pemprosesan makanan boleh menyebabkan kemungkinan terjadi keracunan makanan dan penyakit bawaan makanan.

Pemangku Pengarah Pertanian, Awang Haji Abdullah bin Haji Bagol membuat peringatan itu ketika berucap di Majlis Perasmian Kursus MARDI/WHO Amalan Kebersihan Asas Keselamatan Makanan di sebuah hotel di sini.

Katanya, pihak WHO juga telah membuat saranan supaya pengusaha-pengusaha makanan memahami dan mengamalkan sistem keselamatan makanan untuk menangani masalah keracunan makanan yang merupakan isu global.

"Sistem ini dikenali sebagai 'Hazard Analysis Critical And Control Point, HACCP yang diterima pakai di peringkat antarabangsa sebagai salah satu syarat pengiktirafan dalam perdagangan produk makanan," katanya.

Oleh yang demikian faedah melaksanakan sistem HACCP tambahnya, adalah amat jelas terutama bagi pengiktirafan produk



PEMANGKU Pengarah Pertanian, Awang Haji Abdullah bin Haji Bagol ketika berucap merasmikan Kursus MARDI/WHO Amalan Kebersihan Asas Keselamatan Makanan. - Gambar oleh Harun HR

untuk menembusi pasaran luar dalam Perjanjian Bebas Persatuan Perdagangan Dunia (WTO) dan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

"Akan tetapi sistem HACCP hanya boleh dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan dengan adanya program-program dukungan atau prasyarat HACCP yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu," katanya.

Program-program tersebut jelasnya, termasuklah Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP) dan Amalan Periklanan Yang Baik (GMP).

"Oleh itu adalah amat mustahak bagi pengusaha-pengusaha mengamalkan kebersihan yang baik sebelum dapat melaksanakan sistem HACCP,"

Oleh
Abdullah Asgar

tambahnya.

Beliau berharap kursus itu akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk mendalami kefahaman mengenai amalan kebersihan dan keselamatan makanan yang diiktiraf di seluruh dunia, serta dapat berkongsi pengalaman sesama pengusaha dan fasilitator kursus.

Kursus tiga hari itu disertai lebih 40 peserta terdiri dari kakitangan Jabatan Pertanian dan Kesihatan serta wakil-wakil syarikat-syarikat pengusaha dan penghasil makanan di negara ini.

Ia dianjurkan bersama

oleh Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI).

MARDI telah menghantar tiga orang pegawai kanannya bagi mengendalikan kursus tersebut terdiri dari Zaharah Merican, Ramli Man dan Siti Hasidah Naim.

Sepanjang kursus tersebut banyak kertas kerja dan penerangan diberikan yang menumpukan kepada tatacara yang selamat dan bersih bagi menghasilkan dan menyediakan makanan sama ada untuk dimakan atau dijual kepada pengguna.

Kursus tersebut berakhir pada 29 Ogos dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta kursus.



PARA graduan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal ketika menerima Diploma Kebangsaan, Pra Diploma Kebangsaan dan Sijil Kejuruan di Majlis Konvokesyen MTSSR Ke-7. - Gambar oleh Masri Osman.

Rakyat Indonesia menderma darah

Oleh
Haji Ahmad HS

JALAN MUARA, 27 Ogos. - Seramai 65 orang rakyat Indonesia yang berada di negara ini mengadakan bakti sosial dengan menderma darah beramai-ramai kepada



RAKYAT Indonesia di negara ini mengadakan bakti sosial dengan menderma darah beramai-ramai kepada Tabung Derma Darah Negara Rumah Sakit RIPAS. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Tabung Derma Darah Negara Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Bakti sosial telah dilangsungkan di Kedutaan Besar Republik Indonesia, Sungai Hanching di sini. Pendermaan darah itu adalah sempena sambutan ulang tahun Proklamasi Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-58.

Menyertai sama dalam kempen itu ialah Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Drs. Yusbar Djamil dan isteri, Ibu Pratiningsih Yusbar pegawai dan kakitangan serta isteri masing-masing.

Menurut siaran akhbar kedutaan itu, kegiatan tersebut merupakan kegiatan terakhir dalam memperingati hari ulang tahun Proklamasi Kemerdekaan setelah beberapa acara lain dilangsungkan termasuk resepsi diplomatik dan acara hiburan.

Kempen seperti itu pernah diadakan dalam tahun 1993 di negara ini sempena sambutan ulang tahun Proklamasi Kemerdekaan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Deris bin Haji Belaman ketika menyampaikan diploma kepada seorang graduan di Majlis Konvokesyen Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah Kali Ke-5. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



SERAMAI 99 orang graduan berjaya menerima sijil dan diploma di Majlis Konvokesyen Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah Kali Ke-5. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Sijil dan diploma sekolah vokasional menurut garis pandu persijilan

SERIA, 28 Ogos. - Para ibu bapa, orang ramai dan pengusaha perniagaan disaran supaya tidak merasa bimbang dengan mutu dan taraf kelulusan-kelulusan yang dikeluarkan oleh Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah (SVSB).

Sijil dan Diploma yang dikeluarkan adalah sama mengikut garis pandu persijilan dan penilaian yang dikeluarkan oleh Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Negara Brunei Darussalam.

"Mutu dan taraf adalah sebanding dan sama dengan kelulusan yang dikeluarkan oleh maktab-maktab dan sekolah teknikal dan Vokasional negara ini," jelas Pengetua Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Awang Haji Abdul Latif bin Abu Bakar di Majlis Konvokesyen SVSB Kali Kelima di sini.

Katanya, pengiktirafan itu telah meyakinkan kepada

Oleh
Samle HJ

lebih banyak syarikat swasta dan jabatan-jabatan kerajaan bagi menjalani penempatan industri kepada penuntut.

Tambahnya, sekolah berkenaan akan terus memainkan peranan aktif dalam menawarkan kursus yang berkaitan dengan perminatan industri yang kian mencabar.

Graduan Terbaik dalam Pre National Diploma di bidang pengajian komputer, Dayang Ida Frida binti Abu pula mengakui kepesatan dunia teknologi masa kini telah memberi cabaran yang begitu tinggi kepada generasi hari ini.

Beliau yang bercita-cita terus mendalami di bidang komputer berharap generasi sebayanya akan mengambil faedah dari kemajuan IT agar masyarakat Brunei juga tidak ketinggalan dari ne-

gara yang sudah bergerak memanfaatkan kemudahan itu.

"Kepentingan dan sumbangan IT sangat ketara kepada kemajuan, perkembangan serta pergerakan dalam semua aspek kepada negara justeru kita perlu peka secara total untuk merebutnya," jelasnya yang akan meneruskan pengajian ke peringkat National Diploma.

Sejak ditubuhkan, Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah telah mengeluarkan seramai 427 graduan dengan menawarkan 18 bidang kursus.

Sekolah berkenaan telah menjalani kursus National Trade Certificate Grade 2 dan Grade 3 di bidang kejuruteraan dan di bidang pembuatan baju dan jahitan.

Kursus National Vocational Certificate di bidang perkeranian, di samping kursus Pre National Diploma di bidang penga-

Kelulusan, kemahiran sekolah vokasional diiktiraf MPK

SERIA, 28 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa peka dan komited dalam pembangunan dan perkembangan sumber tenaga manusia.

"Kesedaran itu perlu disedari dan dipupuk oleh

semua lapisan masyarakat terutama di kalangan para ibu bapa atau penjaga," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Deris bin Haji Belaman di Majlis Konvokesyen Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah Kali Kelima.

Katanya, mentaliti yang beranggapan bahawa sekolah-sekolah latihan teknikal atau vokasional tidak setanding dengan kelulusan akademik perlu dikikis.

Menurutnya, kelulusan dan kemahiran yang diperolehi daripada sekolah-sekolah vokasional tidak perlu disangkalkan lagi kerana telah diiktiraf oleh Majlis Pengiktirafan Kebangsaan (MPK) negara ini.

Malah sekolah-sekolah vokasional sepatutnya dianggap sebagai salah satu jalan alternatif atau peluang dalam mencapai cita-cita masa hadapan seseorang penuntut melalui peningkatan keupayaan diri dan menerusi kemahiran-kemahiran tertentu.

"Latihan-latihan yang diperolehi dari sekolah-sekolah vokasional merupakan batu loncatan kepada penuntut-penuntut berkenaan bagi mendapatkan kelulusan atau kemahiran yang lebih tinggi," ujarnya.

Beliau menambah peningkatan kemahiran dan keupayaan diri berserta latihan yang diperolehi itu akan dapat membantu dan membekalkan diri para graduan sebagai persiapan

Oleh
Samle HJ. Jait

awal dalam mendapatkan peluang-peluang pekerjaan di masa akan datang.

Beliau berharap kebolehan dan kemahiran yang dimiliki oleh lepasan sekolah-sekolah vokasional akan mendapat penerimaan dan pengakuan daripada semua agensi kerajaan dan syarikat swasta.

"Dalam pada itu, syarikat-syarikat di sektor swasta juga akan dapat memainkan peranan mereka dalam memastikan bahawa keutamaan pengambilan kakitangan diberikan kepada orang tempatan," jelas beliau lagi.

Setiausaha Tetap juga menekankan supaya syarikat-syarikat berkenaan mempunyai perancangan dan keterbukaan bagi pengambilan dan penyerapan tenaga kerja tempatan terutama sekali yang mempunyai latihan mencukupi.

Dalam masa yang sama, beliau menyeru agar graduan juga mengamalkan sikap positif terutama dalam usaha mencari pekerjaan dan dalam menjalankan tugas semasa bekerja.

Tambahnya, sikap memilih kerja merupakan pembaziran yang akan mengakibatkan kerugian bukan saja kepada kerajaan tetapi juga individu itu sendiri.

Negara Brunei Darussalam terus memerlukan

lebih banyak sumber tenaga manusia yang arif, mahir dan pakar dalam pelbagai bidang dalam memantapkan kemajuan dan perkembangan dan mempelbagaikan ekonomi negara.

Negara juga mengharap kemunculan para usahawan, entrepreneur, ahli niaga yang menonjol yang akan bakal membawa dan menerajui negara ke mercu kejayaan dan kegemilangan.

Penubuhan sekolah-sekolah vokasional di negara ini merupakan langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membuka peluang bagi meningkatkan keupayaan diri rakyat negara ini, di samping sebagai platform bagi mendapatkan kemahiran yang tertentu.

Sejak penubuhannya dari 1995 sehingga tahun 2001, Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah telah berjaya mengeluarkan kira-kira 318 orang graduan dalam pelbagai bidang kemahiran.

Kejayaan itu menunjukkan bahawa sekolah itu tidak ketinggalan dalam menyumbang secara berterusan kepada perkembangan sumber tenaga manusia terutama di dalam bidang kemahiran vokasional dan teknikal.

Perkembangan positif itu meningkatkan tenaga manusia yang berkemahiran sebagai aset yang berguna kepada pembangunan negara masa kini dan akan datang.



REKRUT lelaki skuad 1/2001 yang menamatkan latihan diraikan di Majlis Dikir. - Gambar oleh Hamadi HM.

43 rekrut polis diraikan

GADONG, 25 Ogos. - Seramai 43 orang rekrut lelaki skuad 1/2001 yang menamatkan latihan kepolisian diraikan di Majlis Dikir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit.

Majlis telah dimulakan dengan bacaan

Oleh Bolhassan HAB

ayat-ayat suci Al-Quran oleh Rekrut 4688 Syahrol Iswandy bin Haji Yakob.

Timbalan Pesuruhjaya Polis telah mendahului upacara menabur bunga rampai, diikuti pegawai-pegawai kanan polis dan keluarga rekrut.

Jangan terpedaya dengan tipu daya ajaran sesat

SALAMBIGAR, 17 Ogos.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Ustaz Haji Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir mengingatkan para belia supaya jangan mudah terpedaya dengan tipu daya ajaran sesat atau penyelewengan yang berlaku di negara ini yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran yang salah dan doa-doa yang tidak betul yang tidak mengikuti ajaran yang sebenarnya.

Menurut beliau, ada di antara bomoh-bomoh yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran dengan menokok tambah ayat-ayat Al-Quran atau memutus-mutus ayat Al-Quran yang tidak berdasarkan dari kitab-kitab ulama yang muktamad. Ada juga sebilangan kecil orang-orang yang beramal dengan doa-doa daripada mimpi-mimpi yang tidak benar iaitu mimpi-mimpi yang diajarkan oleh syaitan.

Beliau menceritakan dengan pengalaman seorang hamba Allah yang berjumpa dengannya dan bercerita bahawa ia telah didatangi oleh seorang tua yang berbaju hijau dan berjanggut putih membawa ia ke Kaabah untuk tawaf dan masuk ke dalam Kaabah. Mimpi itu berterusan selama tiga malam Jumaat berturut-turut dan akhirnya orang tua itu berwasiat yang mengatakan si

Oleh
Aliddin HM

hamba Allah ini seorang yang rajin membaca Yaasiin dengan baik dan bagus serta memberitahu yang Al-Quran 30 juz itu sebenarnya adalah 40 juz, yang 10 juz itu telah disembunyikan.

Beliau menjelaskan kepada hamba Allah itu dengan terus terang bahawa mimpinya itu adalah permainan syaitan.

Perkara itu berlaku, tambah beliau, adalah kerana kejahilan atau kerana ingin mengaut keuntungan atau kepentingan peribadi.

Sehubungan itu beliau menyeru para belia dan orang ramai untuk mendapatkan bacaan-bacaan doa-doa yang betul dan menggunakan khasiat-khasiat ayat-ayat Al-Quran hendaklah merujuk kepada orang-orang yang berotoriti, berjumpa dengan ustaz-ustaz atau pegawai-pegawai yang diakui oleh kerajaan dan diakui keahliannya dalam bidang berkenaan. Mereka juga boleh merujuk kitab-kitab muktamad yang ada dijual di kedai-kedai dan telah mendapat kelulusan daripada Pusat Da'wah Islamiyah.

Beliau menyatakan demikian kepada seramai 54 orang peserta terdiri daripada belia-belia masjid

Daerah Brunei dan Muara yang mengikuti Klinik Al-Quran anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi Brunei dan Muara dengan usaha sama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Salambigar.

Matlamat bengkel sehari itu bertujuan melahirkan generasi dan belia dalam penguasaan ilmu Al-Quran, di samping mengisi masa percutian penggal kedua para belia dengan perkara yang mendatangkan manfaat kepada diri mereka.

Bengkel itu juga bertujuan untuk menambahkan pengetahuan mengenai kelebihan Al-Quran, mengenali ayat Al-Quran yang sesuai dibacakan ketika berdoa dan mengenali kaedah wakaf tulisan dalam Resam Othmani.

Sepanjang bengkel, para peserta didedahkan

dengan tiga tajuk ceramah iaitu 'Pemahaman Mushaf Resam Othmani' yang disampaikan oleh Ustaz Haji Zahiruddin bin Haji Ahmad Al-Hafiz, Pensyarah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan, manakala ceramah kedua bertajuk 'Pengambilan Doa Dari Ayat-ayat Al-Quran' yang disampaikan oleh Ustaz Haji Ahmad Khairi bin Haji Muhammad, Pensyarah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan dan ceramah ketiga bertajuk, 'Kelebihan Membaca Al-Quran' yang disampaikan oleh Ustaz Haji Maimon Aqsa bin Haji Abidin Lubis, Pensyarah Universiti Brunei Darussalam.

Para peserta seterusnya menerima sijil-sijil penyertaan daripada Dato Seri Setia Ustaz Haji Abdul Rajid.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Ustaz Haji Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir menyampaikan sijil kepada seorang belia yang menyertai Klinik Al-Quran anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara dengan usaha sama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Salambigar. - Gambar oleh Ramli Tengah.



DATO Seri Setia Ustaz Haji Abdul Rajid ketika berucap menyeru para belia supaya jangan mudah terpedaya dengan ajaran sesat atau penyelewengan yang berlaku di negara ini. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Peladang Sabah tinjau dan pelajari industri pertanian, perikanan

Oleh Aliddin HM



PARA pemimpin Pertubuhan Peladang Negeri Sabah ketika mengadakan lawatan ke kawasan ladang ternakan ayam Hua Ho di Kampong Junjongan iaitu sebuah ladang ternakan ayam yang terbesar di negara ini (gambar atas dan bawah). - Gambar oleh Hamadi HM.



BERAKAS, 19 Ogos. - Serombongan 32 orang pemimpin Pertubuhan Peladang Negeri Sabah membuat lawatan ke beberapa tempat perusahaan dan kawasan pertanian di negara ini.

Rombongan itu diketuai oleh Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Sabah dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Sipit, Awang Haji Mohd. Nazri bin Abdullah.

Tujuan lawatan itu adalah sebagai pendedahan kepada rombongan dari Negeri Sabah dan peluang untuk mengetahui perkembangan dan pengetahuan khususnya di bidang industri pertanian dan perikanan di negara ini, selain mengeratkan hubungan silaturahim di antara pemimpin Pertubuhan Peladang Negeri Sabah bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian serta pengusaha-pengusaha pertanian di negara ini dengan bertukar-tukar pengalaman dan fikiran.

Dalam kunjungan ke Jabatan Pertanian, mereka mendengar taklimat mengenai struktur jabatan berkenaan dan pertanian di negara ini.

Mereka juga sempat membuat lawatan ke kawasan ladang ternakan ayam Hua Ho di Kampong Junjongan, sebuah ladang ternakan ayam yang terbesar di negara ini yang mengeluarkan hasil ayam pedaging yang halal.

Mereka juga dibawa melawat ke perusahaan ternakan ikan di Pengkalan Sibabau dan Ladang Orkid Azura Sungai Tajau, sebuah ladang orkid yang terbesar di negara ini.

Rombongan itu juga berkesempatan melawat ke Pusat Penyembelihan Ternakan PDS di Kampong Batang Mitus, Tutong dan Ladang Buah-buahan Syarikat Abdullah dan NS Salam Sendirian Berhad di Kampong Kupang, Tutong.

Rombongan tersebut tiba di negara ini pada 17 Ogos lalu.

MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KG. DATO GANDI

PEJABAT Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampong Dato Gandi, Mukim Kota Batu bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi calon Ketua Kampong Dato Gandi Mukim Kota Batu akan diadakan pada hari Jumaat 13 Rejab 1423 bersamaan 20 September 2002 bermula pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari (tertutup kepada perubahan) bertempat di Dewan Sekolah Rendah Dato Gandi.

Oleh yang demikian, Pegawai Daerah Brunei dan Muara memohonkan kerjasama daripada semua penduduk Kampong Dato Gandi yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan adalah diminta hadir di hari pemilihan dan pengundian dengan membawa kad pengenalan masing-masing.

Kehadiran penduduk-penduduk kampung berkenaan adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Majlis-majlis Resepsi Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Jeddah, Arab Saudi

JEDDAH, ARAB SAUDI. - Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di sini telah mengadakan Majlis Resepsi sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 Tahun.

Majlis tersebut telah berlangsung di Bangunan Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Arab Saudi.

Gambar bawah kelihatan Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah (tiga dari kiri) dan pegawai-pegawai Home Based bergambar ramai selepas Majlis Resepsi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 yang telah diadakan pada 14 Julai 2002 di Bangunan Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam, Jeddah, Arab Saudi.



New Delhi, India

NEW DELHI, INDIA. - Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Resepsi Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 Tahun di sini.

Majlis tersebut berlangsung di Mumtaz Mahal Banquet Hall, Taj Palace Hotel, New Delhi pada 15 Julai 2002 dan turut dihadiri oleh ketua-ketua perwakilan negara ASEAN di New Delhi.

Gambar bawah kelihatan Tuan Yang Terutama Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di New Delhi, India (empat dari kiri) bergambar ramai bersama sebahagian ketua-ketua perwakilan negara ASEAN di New Delhi, India di Majlis Resepsi sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Mumtaz Mahal Banquet Hall, Taj Palace Hotel, New Delhi, India pada 15 Julai 2002.



KUASASUSAHA Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Kemboja, Awang Abdul Hamid bin Abas beserta pegawai-pegawai kedutaan dan jemaah yang lain ketika menyambut doa kesyukuran sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 Tahun yang dipimpin oleh Haji Kamarudin bin Yusof, Mufti Kemboja (kanan), sementara gambar atas, Kuasausaha Sementara bersama pegawai-pegawai kedutaan, mufti, imam-imam dan timbalan-timbalan imam serta jemputan yang lain menikmati jamuan malam.



Di Washington DC

WASHINGTON. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di sini telah mengadakan Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 Tahun pada 16 Julai 2002 di bangunan Chancery Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Washington DC.

Gambar atas kelihatan Tuan Yang Terutama Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohd. Alam, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat bergambar bersama Tuan Yang Terutama Sakthip Karairksh, Duta Besar Thailand; Tuan Yang Terutama Chien Tam Nguyen, Duta Besar Viet Nam dan Tuan Yang Terutama Phantong Phommahaxay, Duta Besar Laos.



TUAN Yang Terutama Haji Ishaaq bin Haji Abdullah, Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Tehran, Republik Islam Iran bergambar ramai bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Islam Pakistan dan isteri; Kuasausaha Sementara Republik Indonesia dan Kuasausaha Sementara Malaysia di Majlis Resepsi tersebut.

Tehran, Iran

IRAN. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Tehran, Republik Islam Iran mengadakan Majlis Resepsi sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56. Majlis tersebut telah diadakan pada 15 Julai 2002.

Di Phnom Penh, Kemboja

KEMBOJA. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Phnom Penh di sini telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 Tahun.

Majlis tersebut diadakan pada 14 Julai 2002 bertempat di Pejabat Kedutaan Besar di Phnom Penh dan dihadiri lebih 70 orang jemputan terdiri daripada mufti, wakil-wakil organisasi Islam, imam dan timbalan-timbalan imam di seluruh Phnom Penh.

Antara atur cara majlis termasuklah ucapan Kuasausaha Sementara, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, bacaan Surah Yaasin dan tahlil beramai-ramai, sembahyang Maghrib berjemaah, doa kesyukuran Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sembahyang Isyak berjemaah, doa selamat dan jamuan malam.

Kuasausaha Sementara, Awang Abdul Hamid bin Abas bersama pegawai-pegawai kedutaan dan jemaah yang lain menyambut doa kesyukuran Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Haji Kamarudin bin Yusof, Mufti Kemboja.





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika menyaksikan peralatan menyelamat yang dipamerkan sempena Latihan Bersama Mencari dan Menyelamat Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Kali Pertama (SAREX BRUMAL 2001/2002) yang diadakan di Pusat Penyelaras Penyelamat Kebangsaan, Jabatan Penerbangan Awam, Berakas. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Brunei - Malaysia adakan latihan udara bersama

BERAKAS, 21 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia menjalani latihan udara bersama mencari dan menyelamat untuk memperbaiki lagi usaha-usaha ke arah menyahut seruan kecemasan.

Salah satu misi kemanu-

siaan itu ialah mencari dan menyelamat yang meru-pakan operasi terdiri mencari dan penyediaan bantuan kepada seseorang, pesawat atau kapal yang memerlukan pertolongan atau dalam keadaan bahaya.

Setiausaha Tetap Ke-

menterian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berkata, sebagai sebuah negara yang mempunyai hubungan dengan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan Pertubuhan

Maritim Antarabangsa (ISO), Negara Brunei Darussalam meletakkan kepentingan utama bagi tanggungjawab itu.

Beliau menekankan perkara itu di Majlis Pelancaran Latihan Bersama Mencari dan Menyelamat Negara

Brunei Darussalam dan Malaysia Kali Pertama, SAREX BRUMAL 2001/2002 yang berlangsung di Pusat Penyelaras Penyelamat Kebangsaan di Jabatan Penerbangan Awam di sini.

Beliau yakin perjanjian mencari dan menyelamat yang melibatkan perkhidmatan udara bersama antara kedua-dua buah negara akan membentuk satu landasan dalam dua latihan yang pernah diadakan di Viet Nam dan Thailand.

Kerjasama itu, jelas beliau, akan dilartakan kepada perkhidmatan laut tidak lama lagi dan diharapkan latihan itu akan meningkatkan lagi komitmen bersama kedua-dua negara di bawah perjanjian dua hala menyelamat dan mencari.

Terdapat dua persetujuan pelbagai hala ASEAN dalam mencari dan menyelamat yang ditandatangani pada tahun 1972 dan 1973 bagi memudahkan kerjasama mencari dan menyelamat di kalangan negara ASEAN dalam kejadian

Oleh
Aliddin HM

penerbangan dan maritim.

Dalam rantau ASEAN jelas beliau, latihan tahunan mencari dan menyelamat yang dicadangkan oleh Negara Brunei Darussalam mendapat sokongan daripada anggota ASEAN yang terbukti melalui kejayaan dalam dua latihan yang pernah diadakan di Viet Nam dan Thailand.

Pada tahun ini, tambah beliau, Republik Singapura akan menjadi tuan rumah bagi latihan berkenaan. Negara Brunei Darussalam sebagai negara ASEAN yang memulakan penyelaras kegiatan akan memberi sokongan dalam semangat kerjasama ASEAN.

"Selain pelbagai kerjasama, persetujuan mencari dan menyelamat dua hala itu ditandatangani di antara anggota negara ASEAN yang mempunyai persamaan sempadan," jelas beliau.

Beliau menyatakan, persetujuan mencari dan menyelamat aeronatik dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang ditandatangani pada tahun 1998 merupakan contoh dalam latihan itu.

Melalui latihan mencari dan menyelamat yang diadakan itu akan dapat membentuk sokongan yang kukuh di antara kedua-dua negara dan seterusnya meningkatkan kerjasama yang erat dan menyediakan respon yang lebih cepat kepada panggilan kecemasan.

Latihan yang diadakan itu juga merupakan ukuran bagi menguji keupayaan mencari dan menyelamat seterusnya memperbetulkan kekurangan yang ada.

Peralatan pesawat bagi mencari dan menyelamat juga dipamerkan di majlis itu, di samping demonstrasi menyelamat dalam air yang dilakukan oleh kakitangan kabin Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

179 pelajar menerima peralatan sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Ogos. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus mempertingkatkan penglibatan dalam memeduli kebajikan dan kesejahteraan penduduk yang terlibat dalam kejadian kebakaran besar di Kampong Lurong Sikuna dan Kampong Ujong Kelnik pada 17 Ogos lalu.

Sehubungan itu dua majlis penyampaian derma berupa peralatan sekolah termasuk buku dan beg sekolah kepada para pelajar yang terlibat dalam kebakaran itu diadakan secara berasingan.

Seramai 179 orang pelajar dari tiga buah sekolah iaitu 73 orang pelajar Sekolah Rendah Sungai Siamas dan 48 orang pelajar Sekolah Rendah Lela Menchanai telah menerima sumbangan yang berbentuk peralatan persekolahan yang berlangsung di Sekolah Rendah Sungai Siamas di sini.

Sementara majlis yang sama juga diadakan bagi 58 orang pelajar Sekolah

Oleh
Aliddin HM

Menengah Awang Semaun berlangsung di Sekolah Menengah Awang Semaun.

Majlis penyampaian sumbangan itu disempurnakan oleh Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim ketika menyampaikan peralatan sekolah kepada seorang pelajar yang terlibat dalam tragedi kebakaran di Kampong Lurong Sikuna dan Kampong Ujong Kelnik. - Gambar oleh Abdullah HAD.



LIMA orang belia berkeperluan khas bergambar bersama Dayang Hajah Zaleha binti Haji Mohiddin, Ketua Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat dan para pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebelum berlepas ke Seoul, Republik Korea.

Lima belia berkeperluan khas hadiri Khemah IT APEC di Seoul, Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Ogos. - Lima orang belia berkeperluan khas yang mengalami masalah pendengaran dan penglihatan berlepas ke Seoul, Republik Korea mewakili Negara Brunei Darussalam ke Khemah IT APEC Bagi Belia Kurang Upaya yang bermula pada 27 hingga 30 Ogos.

Antara objektif kegiatan itu ialah untuk membantu belia-belia yang kurang upaya dengan menyediakan latihan IT bagi membolehkan mereka menggunakan teknologi tersebut, di

samping mengikuti perkembangan globalisasi melalui IT.

Rombongan telah bertolak dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei diiringi oleh dua orang pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berada di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat bertolak ialah Dayang Hajah Zaleha binti Haji Mohiddin, Ketua Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



DI MANA CINTAKU

"Kebetulan I baru balik ke sini, tak salahkan I menjengok kawan lama." Tania merenung Kamal.

"Yang bukan cuma setakat kawan tapi teman yang istimewa."

Kamal masih ingat. Masa itu mereka sama-sama belajar di kota metropolitan yang jaraknya beribu batu dari tanah air sendiri.

Walaupun Kamal dan Tania menjalani kuliah di kawasan yang berjauhan, Kamal ditempatkan di Bournemouth, selatan England, sementara Tania pula menjalani kuliah di Middlesex Polytechnic, namun di masa-masa melepaskan mereka sering bertemu. Kamal sering menjengok Tania di hujung minggu.

Lima tahun mereka mengharungi persahabatan di kota metropolitan itu. Namun antara mereka tidak pernah

mencurahkan perasaan di hati. Mereka bagaikan sepasang kekasih. Namun kedua-duanya menjaga hati masing-masing dan m e m e n d a m k a n n y a mengikuti aliran masa.

Kamal bukan seorang lelaki yang pemilih. Baginya sifat-sifat yang ada pada diri Tania memang menonjolkan ia seorang wanita cukup sempurna. Namun ada sesuatu yang menghalang diri Kamal dari cuba mencurahkan isi hatinya kepada Tania.

Sebenarnya Kamal pernah terluka di hati. Luka oleh insan yang bergelar wanita. Sebab itu persahabatannya dengan Tania tidak ingin dirosakannya hanya sekadar satu perasaan yang bergelut cinta. Biarlah mereka terus bersahabat daripada ia akan kehilangan Tania.

Sebelum melanjutkan pengajian di UK dulu Kamal mempunyai kekasih. Mereka sama-sama belajar hingga ke peringkat tinggi pada waktu itu, tingkatan enam atas. Bila Kamal memohon untuk meneruskan pelajarannya ke UK, kekasihnya, Yati entah kenapa tidak mahu memohon sama, walaupun mempunyai keputusan yang cukup baik untuk memberikan peluang baginya belajar bersama-sama Kamal di luar negeri. Kamal yang mempunyai cita-cita tinggi terpaksa meninggalkan Yati.

Semasa berada di UK, Kamal jarang sekali berkomunikasi dengan Yati. Maklumlah tahun pertama bukanya mudah untuk menyesuaikan diri. Pelajar-pelajar baru selalunya akan menjalani kursus bahasa Inggeris yang in-

tensif. Tambahan pula semasa di zaman Kamal dulu perhubungan telekomunikasi tidaklah secanggih sekarang ini. Masa ini semua informasi terletak di hujung jari, tekan saja seluruh dunia boleh dihubungi. Disebabkan kurangnya komunikasi di antara dia dan Yati, mereka semakin terpisah jauh. Namun bagi Kamal, Yati tetap bertahta di hatinya.

Akhir tahun kedua Kamal pulang semula ke tanah air. Kamal terkejut ketika di lapangan terbang Yati tidak ada bersama keluarganya menanti kepulangannya.

"Mak, Yati di mana?" Tanyanya ingin kepastian.

Emak Kamal cuba menyalurkan jawapan yang sebenar dari Kamal dengan bertanya khabar Kamal semasa berada di luar negeri dan berapa lama ia bercuti di tanah air.

"Ala emak ni, Kamal tanya lain. Lain pula yang emak tanya."

Perasaan Kamal tidak enak. Namun keluarga Kamal yang menyambutnya di lapangan terbang ketika itu cuba mengelirukan Kamal dengan pertanyaan-pertanyaan semasa di luar negeri sehingga Kamal tidak berkesempatan mendengar cerita yang sebenarnya.

Kamal merasa tidak selesa. Ia khuatir sesuatu yang buruk telah menimpa diri Yati. Perasaan gelisah tidak dapat diungkapkan. Sepanjang perjalanan ke rumahnya Kamal terus membusu.

"Kamal tenanglah perasaanmu, emak dan ayah serta keluarga harap Kamal dapat menerima kenyataan ini dengan pintu hati terbuka." Emaknya membuka mulut selesai mereka menikmati makan malam. Kamal merenung wajah emaknya. Mintalah apa yang hendak disampaikan oleh emaknya itu bukan seperti yang terlintas di benaknya sejak sampai tadi.

"Lupakanlah Yati. Mungkin dia bukan jodohmu."

Walaupun degupan jantung Kamal meledak bagai letupan sebiji bom di Hiroshima yang menghancurkan negara matahari terbit di zaman Perang Dunia Kedua dulu, Kamal faham apa yang disampaikan oleh emaknya dengan melupakan Yati. Kamal

membusu namun kenyataan yang baru didengarnya itu masih belum dapat diterimanya. Ia masih mahu kepastian. Kepastian dari Yati sendiri.

Esoknya Kamal pergi ke rumah Yati. Dari jalan masuk menuju ke rumah Yati, Kamal dapati melihat di sekeliling kawasan rumah Yati telah didirikan khemah-khemah biru yang penuh dengan meja dan kerusi teratur rapi bagai mengalu-alukan tetamu yang bakal menghadiri majlis besar. Di sebalik pemandangan itu, Kamal masih terus mengula-gulkan hatinya. Mungkin abang atau adik Yati yang hendak melangsungkan perkahwinannya. Bukan Yati.

Kamal memberhentikan keretanya lalu turun. Belum sempat kakinya menaiki tangga rumah Yati, Yati meluru keluar menemuinya. Hati Kamal berdebar kencang.

"Maafkan aku Kamal." Yati menghulurkan tangan.

Kamal berdiri kaku. Ia tidak sedar sama ada ia menyambut huluhan tangan Yati atau tidak. Ia berdiri kaku sebentar. Ia mengumpulkan seluruh semangatnya agar nampak bersahaja di hadapan Yati dan keluarganya yang lain.

Yati menangis teresak-esak. Mungkin kesal atas ketidaksetiaannya terhadap Kamal.

Kamal cuba menenangkan perasaan Yati. Walaupun hatinya luka namun sempat jua ia memberi ucapan tahniah dan mendoakan kebahagiaan untuk Yati dan bakal suaminya seorang jejaka yang bertuah.

Dia mengerti kini kehadiran Yati sudah tidak diperlukan lagi. Kamal tidak meneruskan langkah. Kamal beredar dengan seribu kelukaan.

Dalam kereta setelah keluar dari perkarangan rumah Yati, Kamal merang melupakan ledakan di hatinya buat pertama kali dalam hidupnya. Guris-guris kenangan yang ditinggalkan oleh Yati begitu terasa bisanya, seketika mahu rasanya ia menjunamkan kereta yang dipandunya ke dalam gaung. Namun jodoh pertemuan telah disuratkan terlebih dahulu, manusia cuma

"TUAN Kamal, ada kawan lama tuan nak berjumpa." Berkumandang suara merdu Liana, setiausaha Kamal.

"Kawan yang mana ni Liana, lelakikah perempuan?"

"Lelaki tuan." Liana berhenti sebentar. "Boleh dia masuk tuan?"

"Oklah," balas Kamal.

Kamal yang sedang mencatat nota, terhenti seketika bila pintu biliknya diketuk dari luar. Dia pasti yang datang itu ialah Liana membawa teman lamanya seperti yang dikatakannya tadi.

"Terima kasih Liana biarlah saya masuk sendiri," pintu suara itu sebelum melangkah ke dalam. Liana tersenyum lalu meninggalkan tamunya. Pintu diketuk sekali lagi. Sebaik mendengar ketukan pintu kedua kalinya, kedengaran suara Kamal mempersilakan tetamunya masuk.

Kamal mendongak ke arah pintu. Jejarinya terhenti dari terus mencatat, Kamal agak serba salah. Tergamam betul dia. Tak sangka tetamu ini di luar dugaannya. Dia terpaku seketika sambil terus merenung ke arah tetamunya itu.

Kamal mendongak ke arah pintu. Jejarinya terhenti dari terus mencatat. Dia terpaku seketika. Diam tanpa suara. Tetamu Kamal merenung bersahaja lalu tersenyum manis.

"Tak jemput saya masuk?" Sekali lagi suara manja itu bertanya.

Kamal tersipu-sipu.

"Silakan," jemputnya sambil berdiri mempersilakan tetamu istimewa itu masuk.

"Duduklah."

Tetamunya sambil menjeling manja masuk

CERPEN

OLEH AMAL IZDIHARUDDIN

menuju ke kerusi. Mereka bersalaman. Sejuk tangan Kamal. Tetamu tersenyum. Dia nampak tenang namun hati Tuan Kamal berdebar.

"Kenapa ni, main sorok-sorok pula. Kata tetamu lelaki tadi ini ..."

"Kalau I mengaku tetamu itu adalah I, sudikah you menerima I?"

"Takkanlah sampai begitu sekali Cina, India lagi I terima inikan pula you."

Kamal berjenaka. Tetamu tertawa kecil.

"You ni masih seperti dulu tapi ?"

Masing-masing membusu seketika. Fikiran melayang sejenak. Jauh ke 20 tahun yang silam.

"Oklah sekarang I nak tahu apa tujuan you datang ke pejabat I yang tak seberapa ini, wahai tuan puteri?"

Tania tersentak mendengar pertanyaan Kamal.

Dia mengeluh perlahan. Kenangan lama menggamit hati kecilnya.

"Apa khabar you sekarang, berapa orang isteri dan anak-anak?" soal Tania membalas jenaka Kamal. Mereka tertawa. Cahaya keriang terbayang di kelopak mata masing-masing.

"20 tahun Tania, bukan jangka masa yang pendek untuk you datang semula menemui I," Kamal memandang tepat ke wajah Tania.

Bagi Kamal dia tidak banyak berubah. Raut wajahnya masih ayu. Masih memakai kaca mata yang sama bingkainya. Berkulit putih dan tidak senang dengan alat-alat perhiasan kecantikan seperti kebanyakan wanita lain.

"Kita keluar. I belanja you minum?"

"Eh jangan main-main Kamal nanti isteri you nampak, cuma-cuma I

kena penampar?" Tania menolak pelawaan Kamal.

"Perangai isteri I tak seburuk yang you sangka tau Lagipun menjawab pertanyaan you tadi, I ni ada 10 orang isteri." Kamal tertawa kecil.

"Jangan nak bergurau-lah Kamal." Tania juga tertawa.

"Tak adalah, I cuma ada seorang isteri dan empat orang anak. Mereka pun dah besar-besar sekarang lagipun isteri I bukan seorang wanita yang jenis penyemburu tanpa usul periksa."

"Kalau you dah kata gitu, I ok."

"Tapi tak tahulah you pula?" Kamal menjeling ke arahnya.

"Tak apalah Kamal kita borak di sini aja ok."

"Kenapa you muncul tiba-tiba ni?" Soal Kamal sekali lagi.

KAMAL bukan seorang lelaki yang pemilih.

Baginya sifat-sifat yang ada pada diri Tania memang menonjolkan ia seorang wanita cukup sempurna. Namun ada sesuatu yang menghalang diri Kamal dari cuba mencurahkan isi hatinya kepada Tania.

PUISI

MAKTAB S.O.A.S. PELITAKU

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin
begitulah namamu
megah berjasa pada taulan
membimbing bangsa
meneraju gemilang.

Kini sudah genap usiamu
mengukir ristaan anak cemerlang
antara hasrat dan lambang
mencurah ilmu di dada
demi warisan
anak watan
menongkat jaya
pengharum nama.

Aku ...
adalah wargamu
di antara beribu
engkau lahirkan dengan zaman
engkau tabur dengan sinar
pelita ilmu pendidikanku
kau beri
engkau curah keyakinan
menempa nama di atas takhta.

Bersamamu ...
kulakarkan sejarah
untuk anak bangsa
tiang perkasa
srikandi nosa
agar dirimu dapat berjuang
demi kemenangan
hidayahmu kesanjung tinggi.

Maktab S.O.A.S.
tahun 1951
padamu adalah kenangan
di hati tetap abadi
baktimu suci
warga generasi tetap berdiri
di sampingmu
menyuluhkan panahan pelita
dalam tabir masa
kekal dan berjasa
sepanjang hayat dikandung erat.

Tahniah!
sejahtera kami ucapkan
dirimu adalah teladan
pembela mercu tanda
ilmu pada pencinta
sepakat kami utuskan
selamat hari ulang tahun
kelima puluh tahun
Jubli Emas
kami hadiahkan untukmu
engkaulah pelita
sumbangsihmu adalah restu.

A. Seroja

TEBUAN HILANG BISANYA

Tebuan ...!
kau bagai kehilangan sayap
terbang gundah
singkir sayap
engkau terpesong tanpa arah.
Di manakah halamu
tiada tentu tempat dituju
di depanmu samar
perjalananmu kian hambar!
Manakah suntikanmu?
sengatmu hilang bisa
jarummu patah ...

patah tumpul tiada kesan!

Adakah sudah punah
panahanmu kecundang
terjatuh dan terlentang
engkau bagaikan layu terbang
bagaikan lemah kehabisan madu.

Apakah ini penyudah?
atau sudah tiada daya bertahan
engkau bagaikan lumpuh
tiada mampu memamah mangsamu
engkau jatuh gugur, tersungkur
gugur dan terus tenggelam.

Kuatkanlah badimu
andai bisa ada lagi
tempuri lawanmu
agar dapat megah dijulag
engkau satria
baktimu membakar mudah
pantang mundur sebelum rebah!
Ali. S

ENTAH

Entah ... entah ... entah
perkataan ini semakin rutin
kuungkapkan
mengapa? Entah ... semuanya entah.

Hati lain fikiran lain
entah apa yang kufikirkan
entah apa yang hati inginkan
yang pasti aku keliru bercelaru.

Kenapa semuanya bersilih ganti
hingga fikiran mindaku kaku
umpama bebola getah
melantun melara.

Walau aku cuba mengawalnya
semacam sesuatu meracuni jiwaku
entah apa yang patut kulakukan

Syukri HS

SALAM TERAKHIR

Aku yang tenggelam
dibawa arus kejahatan
hendak berpaut di sandaran
hilang jauh meninggalkan aku
ingin menjejaki pintu terbuka
beratnya langkah ringannya hati
aku umpama boneka bernyawa
ikut kata insan durjana
ruang rumahku sempit
kusunan rapi berulang kali
tiba masa musnah kembali
air mataku sambut lagi
rahsia hati terkubur kini
penunggu setia tiada berdosa
kain putih sudah tersedia
kutersenyum reda dengan pemberian
satu petanda menanti pasti
bermulalah perjalanan yang amat
jauh
dedaun gugur satu persatu
akhirnya seruan datang melambai
riangnya hati tiada berkata
harapan yang suci cuma satu
ingin sampai ke dunia yang kekal.

Adiewarna

Dari muka 12

hanya merancang, Allah
jua yang menentukan se-
galanya.

Pada malamnya, Kamal
memberitahu ibunya.

"Mak, Kamal rasa nak
memendekkan cuti dari
yang dijangkakan."

Ibu Kamal menangis
mendengar keputusan
Kamal. Tapi dia mengerti.
Perasaan Kamal yang ter-
luka oleh sebab perbuatan
Yati.

"Kamal, jangan terlalu
diambil serius mengenai
perkara ini. Kamal perlu
tahu, Kamal mempunyai
tanggungjawab terhadap
kehidupan Kamal. Ibu
harap Kamal jangan kece-
wakan masa depan sen-
diri."

Ibunya menangis. Sen-
tuhan perasaan seorang ibu
lebih mendalam jiwa
anaknya. Cuma yang dapat
ibu tua ini berbuat ialah
berdoa kepada Allah Sub-
hanahu Wataala agar
Kamal dapat menerima ke-
nyataan ini dengan hati ter-
buka. Selepas dua minggu,
Kamal kembali ke UK.

Beberapa bulan Kamal
melayari perasaannya yang
terguris. Dia tidak percaya
dalam masa dua tahun, Yati
dengan semudah itu me-
lupakannya. Namun di se-
balik kekecewaannya, Kamal
tetap berdoa agar
hatinya mendapat petunjuk
dan kekuatan untuk mene-
ruskan hidup demi men-
capai cita-cita.

Tirai baru pun bermula.
Tania yang dulunya tidak
berani menghampiri
Kamal, kini mereka telah
menjadi kawan baik.

"Halo Kamal, jauh
nampaknya you melamun
ni, ke mana ah?"

Tania melambai-lam-
balkan tangannya di hadap-
an muka Kamal. Kamal
tersipu-sipu.

"Youlah. Kedatangan
you yang tiba-tiba terkejut
di muka pintu pejabat I ni,
cukup mengejutkan I you
tau."

Tania menjeling ke arah
Kamal. Pandangan ber-
temu. Kedua-duanya me-
rasakan sesuatu.

"Nasib baik I tak ada
heart attack, kalau tidak?"

Mereka tertawa lagi.
Kamal terpegun. Dia tidak
menafikan ada menaruh
perasaan terhadap Tania,
tapi disebabkan kekecewa-
annya terhadap cinta per-
tamanya telah meninggal-
kan pengalaman pahit
menjadi batu penghalang
untuknya meluahkan pe-
rasaan hatinya terhadap
Tania. Takut pisang akan
berbuah dua kali.

"Untuk makluman you,
Kamal, I dah kahwin de-
ngan mat salleh dekat sana
tu, yalah selepas you tamat
belajar dan pulang ke tanah
air."

"Hai sekejap tu you
dapat pengganti I."

"Selepas you pulang.
You membius macam tu

aja."

"Jadi you pun terus me-
lupakan I lah?"

"Well Kamal, bad com-
munication always lead
nowhere."

Sama juga seperti Yati
dulu. Mungkin kelalaian
demi kelalaian ini yang
menyebabkan Kamal se-
ring kehilangan orang-
orang yang disayangnya.

"Eh, jauh renungan you
tu."

Tania tersipu-sipu.
Jauh di sudut hatinya ia
teringat sewaktu kemesra-
annya mula berputik de-
ngan Kamal. Waktu itu
musim bunga telah tiba.
Cuti semester bermula
tepat pada waktunya.

"Tania you ada rancan-
gan ke mana-manakah di
musim bunga ni?" tanya
Kamal semasa datang me-
ngunjungi Tania di Lon-
don.

"Belum tahu lagi. Lagi
pun I tak ada teman nak
diajak."

"Why don't you come
over to my place. Di sana
banyak tempat-tempat
yang menarik para pelan-
cong untuk berkunjung."

"You tinggal dengan
siapa sekarang?"

"Seorang diri. Kenapa
takutkah?"

Kamal mencabar Tania.

"Kalau you datang
nanti bawalah dua atau tiga
orang kawan untuk mene-
mani you." Kamal mem-
beri saranan.

"I akan menelefon you,
bila I akan datang nanti
ok."

Mereka berpisah di ste-
sen keretapi Victoria.
Tania melambai-lambaikan
tangan sebaik keretapi ber-
gerak.

Seminggu selepas itu
Tania menelefon Kamal.
Tania menerima pelawaan
Kamal.

Seperti yang dirancang,
Tania sampai pada
waktu yang diatitkan.
Kamal yang sejak awal
menunggu di stesen kere-
tapi Boscombe, Bourne-
mouth, bergegas menuju
ke arah keretapi yang baru
tiba. Tania turun. Kamal
tersenyum gembira.

"Where are your
friends?"

"Tu di belakang sana."
Tania menuding jarinya ke
arah dua orang mat salleh
yang kebetulan berada
tidak jauh daripadanya.

Kamal terus berdiri sambil
menunggu gelagat dua
orang kawan Tania yang

sedang sibuk mengangkat
beg-beg mereka.

"Eh jomlah apa yang
you tunggu lagi ni?"

"Tu your friends."

"Friends mana pula ni, I
borak aja dekat you tadi."

"You ni nakallah."

Mereka berjalan ber-
iringan menuju ke rumah
tempat Kamal menyewa.

Pemandangan musim
bunga yang sedang kem-
bang mekar itu indah se-
kali. Tempat Kamal bela-
jar tidak sesibuk London.
Tempat ini damai dan te-
nang sahaja.

"Tania you tak ada spe-
cial boyfriendkah?" soal
Kamal sambil meneruskan
perjalanan mereka.

"You adakah?" balas
Tania menyoal Kamal
pula.

"Girlfriend adalah."

"Tak marahkah?"
Tania inginkan kepastian
siapa girlfriend yang
Kamal maksudkan itu.

"Ini yang di sebelah I
ni."

Tania terdiam. Tidak
mengulas. Begitu juga
Kamal. Mereka menerus-
kan perjalanan. Masing-
masing melayari fikiran
sendiri. Malu untuk meng-
ungkapkan kenyataan.

Tania sendiri tidak me-
gerti perasaannya terhadap
Kamal ketika itu, kenapa ia
membisu walaupun me-
reka begitu mesra waktu
itu. Sering bersama di
masa lapang bagaikan se-
pasang kekasih namun
lidah masing-masing kelu
untuk mengucapkan satu
perkataan.

Kamal bukan mahu me-
muji dirinya. Tapi kerana
pegangannya kuat kepada
agama, dia tidak pernah
mengheret untuk menge-
lirukan Tania. Dia tidak
mahu merosakkan erti per-
sahabatan. Dia tahu seba-
gai seorang lelaki dia harus
melindungi Tania. Walau-
pun mereka tidur sebum-
bung namun tidak terlintas
di hati Kamal untuk me-
lakukan perkara yang tidak
senonoh terhadap diri
Tania.

Masa terus berlalu, bila
Kamal tamat pengajiannya,
ia kembali ke tanah air.
Tania menghantar Kamal
di Lapangan Terbang
Heathrow. Kemudian tiga
tahun lepas itu Tania kem-
bali semula ke tanah air.

Kembalinya Tania kali
ini bagi Kamal bukan se-
perti semasa mereka ber-
ada di Kota London dulu.

Dia dan Tania telah ber-
beza kedudukan. Tania
mempunyai kelulusan
yang lebih tinggi. Kamal
sedar kedudukannya de-
ngan Tania sudah tidak se-
iring lagi.

Kamal berdiri dari tem-
pat duduknya. Dia berjalan
menghala ke tingkap pe-
jabatnya. Perbezaan taraf
kedudukan inilah yang
membuat Kamal rendah
diri. Walaupun Tania tidak
nampak begitu, namun
Kamal tidak dapat mene-
rima hakikat ini. Perlahan-
lahan Kamal mengundur
diri dari Tania.

"I tak sanggup meng-
ucapkan selamat berpisah
pada you."

"I menyedari tak ada
apa yang istimewa antara
kita. Jadi setelah I dengar
you mendirikan rumah-
tangga, I pun kembali ke
alam realiti."

"Well once again bad
communication lead to
nowhere," Kamal cuba
membela diri.

"I datang ni pun kerana
menziarahi kedua-dua ibu
bapa I, sebelum kami ber-
angkat ke Tanah Suci."

"Alhamdulillah. Se-
moga you dan suami you
mendapat haji yang mab-
rur. Mana suami you, tak
ada pun?"

"Dia ada di rumah pa-
rent I, I dah minta permis-
sion pun untuk berjumpa
you, jadi tak ada masalah-
lah."

"Kalau gitu nanti I tele-
fon isteri I suruh dia me-
nyediakan makan malam
untuk kedua-dua tetamu
istimewa I yang baru kem-
bali ke tanah air."

"Eh tak usah susah-
susahlah Kamal, I cuma
nak jumpa you dan meng-
ucapkan terima kasih ke-
rana you dah banyak bantu
I semasa kita belajar
dulu."

"Mulai sekarang kita
anggap ajalah kita ni ber-
saudara, ok. Malam ni you
dan suami you mesti
datang ke rumah I."

Sebelum Tania beredar
keluar Kamal memberikan
alamat rumahnya. Perte-
muannya dengan Tania kali
ini tidak sepahit seperti
pertemuannya dengan Yati
dulu. Mungkin inilah yang
dikatakan kedewasaan
telah membuat fikiran se-
seorang itu menjadi lebih
matang dan terbuka.

Tania mengucapkan te-
rima kasih sekali lagi ke-
pada Kamal sambil meng-
hulurkan tangannya.
Kamal menyambut tangan
halus Tania namun dalam
hatinya tinggal satu per-
tanyaan mungkinkah Tania
sudi menerima hatinya se-
kiranya ia mencurahkan-
nya di waktu itu? Di mana
cintaku. Namun ketika ini
ia bahagia bersama isteri
kesayangan dan anak-
anaknya. Di mana cintaku?
Di sini bersamanya dan
anak-anak yang semakin
dewasa. Kamal tersenyum
lebar.

IBUNYA menangis. Sentuhan perasaan
seorang ibu lebih mendalam jiwa
anaknya. Cuma yang dapat ibu tua ini
berbuat ialah berdoa kepada Allah
Subhanahu Wataala agar Kamal dapat
menerima kenyataan ini dengan hati
terbuka. Selepas dua minggu, Kamal
kembali ke UK.



PEMANGKU Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Md. Jumin ketika menyaksikan mini pameran mengenai floridasi air sejurus merasmikan Bengkel Floridasi Air Masyarakat. Majlis berlangsung di Dewan Setia Pahlawan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. - Gambar oleh Masri Osman.

Floridasi air dapat mengurangkan kerosakan gigi

Oleh Bolhassan HAB

JALAN MENTERI BESAR, 19 Ogos. - Semua jurutera, juruteknik dan atendan jentera tapisan air hendaklah melaksanakan proses floridasi air secara teratur dan memastikan kandungan florida dalam bekalan air di tahap yang optima mengikut garis pandu saintifik dan pergigian.

Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Md. Jumin berkata semua pihak hendaklah memahami bahawa sekiranya kandungan florida tidak dikawal dalam sukatkan optima yang disarankan, para pengguna tidak akan dapat manfaat sepenuhnya.

Floridasi air adalah proses bagi peningkatan kandungan florida asli dalam air ke satu tahap yang berkesan dan selamat untuk mencegah kerosakan gigi yang mana kajian telah menunjukkan bahawa floridasi air dapat mengurangkan jumlah kerosakan gigi susu kanak-kanak sebanyak 60 peratus dan gigi kekal menghampiri 35 peratus.

"Untuk mencapai sasaran ini, Jabatan Perkhidmatan Pergigian dan Jabatan Perkhidmatan Air telah bersetuju bahawa sukatkan florida optima dalam bekalan air di Negara Brunei Darussalam haruslah dikawal di antara 0.5 hingga 0.7 miligram seliter," jelas Awang Haji Md. Jumin di Majlis Pelancaran Bengkel Floridasi Air Masyarakat yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Katanya, penjagaan kesihatan awam merupakan hasrat utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada semua golongan rakyat dan penduduk di negara ini.

Ke arah itu, kerajaan melalui usaha sama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan khususnya Jabatan Perkhidmatan Pergigian dan Jabatan Perkhidmatan Air telah memperkenalkan program floridasi air sebagai cara yang berkesan bagi pengurangan dan pencegahan kerosakan gigi.

Peralatan floridasi yang pertama telah dipasang di negara ini ialah di Loji Penapisan Air Layong pada 15 Disember 1987 yang meliputi keseluruhan Daerah Tutong dan beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara.

Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya seterusnya berkata, menjelang tahun 2005 bekalan air berflorida akan dijangka dibekalkan kepada 99.9 peratus dari jumlah penduduk kecuali di kampung-kampung pedalaman yang bersandarkan ke atas sistem-sistem bekalan air pedalaman.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pergigian, Dr. Grace Ang menjelaskan bahawa bengkel empat hari yang disertai oleh 200 peserta terdiri dari Jabatan Kerja Raya dan Bahagian Perkhidmatan Pergigian itu bertujuan untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada kesemua peserta berkenaan kepentingan floridasi air untuk mengurangkan kerosakan gigi.

Majlis Penutup Bengkel dan Penyampaian Sijil-sijil kepada para peserta telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan pada 22 Ogos lepas.

Album Setem ASEAN diterbitkan sempena 35 tahun penubuhannya

JERUDONG, 27 Ogos. - Pos ASEAN kini sedang membincangkan pengeluaran Album Setem ASEAN bagi memperingati penubuhan ASEAN yang ke-35 tahun.

Sebagai persiapan awal ke arah tujuan itu perjumpaan telah diadakan untuk penyelarasan di mana Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah telah menubuhkan Jawatankuasa Kumpulan Kerja Bagi Pengeluaran Album Setem ASEAN.

Perundingan yang diadakan di sebuah hotel di sini dipengerusikan oleh

Oleh
Abdullah Asgar

Timbalan Ketua Pos Agung Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azahari bin Mohamed Ali dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa perundingan itu merupakan suatu yang bersejarah dan menandakan satu lagi mercu tanda dalam kerjasama ASEAN.

Katanya, cadangan bagi mewujudkan Album Setem ASEAN tercetus ketika berlangsungnya Mesyuarat Perniagaan Pos ASEAN

Ke-8 di Bandar Seri Begawan dan Mesyuarat Ke-9 di Seam Reap, Kemboja oleh Lembaga-lembaga Pos yang bermesyuarat di sana.

Perjumpaan yang dihadiri oleh 15 orang pegawai pos dari negara-negara ASEAN itu juga akan membincangkan isu produksi Album Setem ASEAN.

Pengeluaran album tersebut adalah kali pertama diterbitkan oleh negara-negara ASEAN bagi memperingati penubuhan ASEAN ke-35 tahun.

Menurut sumber dari Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei dianggarkan sebanyak 50,000 buah Album Setem ASEAN akan diterbitkan untuk dibahagikan ke pentadbiran pos ASEAN.

Album Setem ASEAN yang bertemakan 'Bunga-bunga dan Buah-buahan ASEAN' itu dijangka akan mengandungi 30 muka surat dan akan memperlihatkan setem-setem buah-buahan dan bunga-buahan rencana dan gambar-gambar dari negara-negara ASEAN.



TIMBALAN Ketua Pos Agung Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azahari bin Mohammad Ali ketika menjelaskan mengenai Album Setem ASEAN. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

KUIZ PELITA SAMBUTAN HARI GURU KALI KE-12 TAHUN 1423H/2002M

SYARAT PENYERTAAN KUIZ

1. Penyertaan adalah terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Jawatankuasa Publisiti Sambutan Hari Guru Tahun 2002 akan menyediakan lapan hadiah untuk dimenangi.
3. Jawatankuasa Publisiti Sambutan Hari Guru Tahun 2002 adalah tidak dibenarkan untuk menyertai kuiz ini.
4. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang khas yang disediakan oleh Akhbar PELITA BRUNEI sahaja.
5. Peserta hendaklah menjawab semua soalan dan ditulis dengan jelas dan keputusan pihak penganjur adalah muktamad.
6. Borang jawapan hendaklah dihantar melalui pos tidak lewat dari 10 Oktober 2002, jam 4.00 petang kepada alamat:

Setiausaha,
Jawatankuasa Kerja Kuiz Hari Guru 2002,
Jabatan Perkembangan Kurikulum,
Bandar Seri Begawan, BS 8410,
Negara Brunei Darussalam.

7. Pihak penganjur berhak meminda syarat-syarat dan peraturan yang dinyatakan di atas.

SOALAN

1. Baca petikan cerita seorang Tokoh Guru di bawah dan pilih jawapan yang betul pada soalan berikutnya:

"Pada 6 Ogos 1945, ada siren alamat kapal terbang. Setengah jam kemudian ada siren membawa erti 'the air is clear'. Tetapi 10 minit kemudian, tiba-tiba sahaja seluruh bangunan runtuh tetapi Allah Maha Besar, Allah telah menyelamatkan saya."

Siapakah saya dalam konteks ayat di atas?

Adakah

- A. Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali
- B. Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin
- C. Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof.

2. Lengkapi titalah ini dengan dua patah perkataan yang sebenar.

"..... Guru di samping mendidik hendaklah juga memiliki kepimpinan, kepimpinan para guru itu ialah melalui teladan, sebagai misalan, jika guru mendidik muridnya supaya jangan merokok maka, guru itu sendiri hendaklah jangan pula merokok, inilah yang"

Titalah Sempena Sambutan Hari Guru Tahun 2001

JAWAPAN PENYERTAAN KUIZ PELITA SAMBUTAN HARI GURU KALI KE-12, TAHUN 1423H/2002M

JAWAPAN SOALAN 1 =

JAWAPAN SOALAN 2 = yang

NAMA:

ALAMAT:

NO. TELEFON



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : JPH/S/TAW/138 DAN JPH/S/TAW/143

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, di Tingkat 8 Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Isnin, 30 September 2002 bagi tajuk berikut:

**BRIDGE CONSTRUCTION ACROSS ULU SUNGAI BANG TAJUK,
ALONG THE FOREST ACCESS ROAD IN COMPARTMENT 23, LABI
HILLS FOREST RESERVE, BELAIT DISTRICT. (JPH/S/TAW/138).**

**PEMBINAAN DAN PEMASANGAN SIGNPOST DI SG TEMBURONG
DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN DI TAMAN NEGARA ULU
TEMBURONG. (JPH/S/TAW/143).**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
3. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak B\$50.00 wang tunai bagi tiap-tiap satu tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan lagi dikembalikan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8710, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 16 September 2002.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran dokumen dan pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi dan 1.30 petang - 2.30 petang. Hari Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran : UBD/EB/19/2002; PERKHIDMATAN KANTIN KOMPLEKS SUKAN UBD BAGI TEMPOH 3 TAHUN; Bayaran dokumen & Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan).

Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. SEBUT HARGA UNTUK :

**PROPOSED INSTALLATION OF EXTERNAL SIGNAGE OF THE
MINISTRY OF CULTURE YOUTH AND SPORTS.**

BIL. SEBUT HARGA : 02/2002/SIGN/KKBS/PJK/16.14PT:15

Bayaran Sebut harga : \$100.00 (tidak dikembalikan).

2. Sebut harga adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di : Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada 1 Oktober 2002 (Selasa)
4. Sebutharga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Sebut harga mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menyatakan tajuk, bilangan sebut harga dan tarikh tutup yang berkenaan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat tanpa menyatakan nama/syarikat penawar dan dihantar kepada Jawatankuasa Sebutharga seperti alamat di para (3) di atas.
6. a) Dokumen-dokumen dan penerangan lanjut sebut harga boleh didapati daripada Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pegawai/kakitangan rujukan : PEGAWAI PROJEK, KKBS/JURUTERA PEMELIHARAAN, JBS.
b) Pembayaran sebut harga boleh dibuat di Bahagian Kewangan, Tingkat 7, KKBS. Dari : Jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 2.00 petang hingga 3.30 petang pada setiap hari bekerja.
7. Sebut harga mestilah dihantar dengan menyertakan borang bersama salinan sijil pendaftaran perniagaan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima sebut harga yang rendah atau yang lain-lain sebut harga.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran: PPB/01/2002

**TAWARAN UNTUK MEMBEKAL KENDERAAN
JENIS 4WD PETROL/DIESEL**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal sebuah KENDERAAN jenis 4WD* bagi Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
*1 BUAH KENDERAAN 4WD
i. Four Cylinder Petrol / Diesel Engine 2,000 -2,600 cc.
ii. Long Base
iii. Air-Conditioning
iv. Parts Catalogues
v. Workshops manual
2. Pemborong-pemborong hendaklah menyatakan sebut harga [termasuk huraian (description)] bagi kenderaan tersebut dan alat ganti lain.
3. Semua Kenderaan yang dibekalkan mestilah dicat dengan membubuh nama: JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI dengan menggunakan dua (2) tulisan iaitu Jawi/Rumi tidak lebih dari 4" (10.161 sm) dan logo Negara Brunei Darussalam mengikut ukuran yang biasa di sebelah-menyebelah kenderaan tersebut yang mana bersesuaian.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup ditulis dengan "TAWARAN UNTUK MEMBEKAL SATU (1) KENDERAAN JENIS 4 WD PETROL/DIESEL" bilangan tawaran dan tarikh tutup, tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710 dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat, hari Isnin, 30 September 2002, jam 2.00 Petang.
5. Pemborong-pemborong yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar dokumen tawaran dalam dua (2) salinan berserta dengan salinan Pendaftaran Perniagaan (Business Registration) dan juga katalog (gambar) yang berkaitan dengan tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

Bilangan Tawaran IMMB/6/2002

**TAWARAN MEMBEKALKAN PRINTER RIBBON CARTRIDGE
AND PRINthead, JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN
KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. PEMOHON-PEMOHON adalah dipelawa untuk menghantar tawaran-tawaran mereka bagi membekalkan PRINTER RIBBON CATRIDGE PRINthead Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8 Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8710 Negara Brunei Darussalam dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada hari Selasa 24 September 2002 jam 2.00 petang.
3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
4. Semua tawaran hendaklah dikirimkan dengan sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama. TAWARAN MEMBEKALKAN PRINTER RIBBON CATRIDGE AND PRINthead. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tanpa menunjukkan identiti pemohon.
5. Wang taruhan/deposit hendaklah dibayar ke Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Bandar Seri Begawan sebanyak \$200.00 (Dua Ratus Ringgit saja).
6. Pemohon yang berjaya akan diminta membekalkan :-
DATA CARD IMAGE CARD SERIES @ FOUR COLOR PRINTRIBBON FOR DUPLEX PRINTING (KT-YMCKT)
PART NUMBER : 806124-106
DATACARD IMAGE SERIES@
S2 PRINthead MODULE.
7. Penerangan lanjut atau syarat-syarat tawaran mengenai perkara ini boleh diperolehi daripada Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di Bahagian Pentadbiran/Kewangan Tingkat III.

PERADUAN MEREKA BENTUK SETEM

MATLAMAT PERTANDINGAN

SETEM-SETEM yang menggambarkan mercu tanda orang-orang Jepun dalam siri-siri setem Warisan Dunia (World Heritage) telah disenaraikan dalam Warisan Dunia sejak 1994. Siri filatelik ini telah pun diterbitkan pada 23 Februari 2002. Siri terkini ialah siri yang ke-6 dan ke-11 dan keluasan terakhir akan diterbitkan pada tahun ini.

Siri Ke-11 yang menggambarkan 'Genbaku Dome' di Hiroshima. Apabila dome ini disenaraikan dalam senarai Warisan Dunia pada bulan Disember 1996, ianya diberi nama 'Hiroshima Peace Memorial (Genbaku Dome)'.

Kepentingan untuk disenaraikan dalam Warisan Dunia ialah 'Dome' ini telah menjadi monumen sejagat kepada semua penghidupan, melambangkan pengharapan kedamaian yang abadi dan penghapusan sepenuhnya semua senjata nuklear di dunia'. Monumen ini mengingatkan kita tentang doa-doa untuk perdamaian.

PENAJA:

Kementerian Pengurusan Awam, Hal Ehwal Dalam, Pos dan Telekomunikasi, Jepun.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Pertandingan dibuka kepada semua.
2. Kategori Umum: Umur 15 atau lebih pada 1 April 2002.
Belia: Di bawah umur 15 pada 1 April 2002
3. Penyertaan mestilah berbentuk lukisan, gambar-gambar atau penerbitan asal yang dicipta oleh individu-individu dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan sebelumnya. Tidak ada larangan dalam pilihan warna dan medium dipakai. Reka bentuk secara formatif tidak akan diterima. Peserta boleh menghantar beberapa penyertaan. Reka bentuk yang disalin atau difotostat tidak akan diterima. Penyertaan dalam bentuk media digital seperti disket tidak akan diterima. Nombor-nombor seperti keterangan harga atau tarikh pengeluaran tidak boleh dimasukkan dalam reka bentuk tersebut.
4. Keperluan teknikal: Format: Setiap penyertaan mestilah 20 sm tinggi dan 15 sm lebar, dan boleh dimasukkan ke bahagian tengah berukuran 26 sm tinggi dan 21 sm lebar. Penyertaan dalam bentuk kertas hendaklah tebal kurang dari 1 mm dan ditampal pada bingkai supaya ianya berukuran 1 mm tebal.
5. Cara menyertai: Setiap penyertaan mestilah memasukkan maklumat bertulis seperti belia atau umum, nama, umur, jantina, nombor telefon dan alamat, warganegara dan pekerjaan atau nama sekolah, atau dilekatkan borang (gunakan borang yang disediakan) pada sebelah belakang reka bentuk atau bingkai yang digunakan.
6. Kaunter penyertaan kepada: Sekretariat, Postage Stamp Design Contest Poste Restante Shinjuku-ichi Post Office, 160-0022 Japan.
7. Tarikh menerima penyertaan: Buka dari hari Isnin, 1 Julai 2002. Tarikh tutup: pada hari Khamis 31 Oktober 2002.



JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : JDT/T/9/2002
MEMBINA STOR BARU JABATAN DAERAH TEMBURONG

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen-dokumen tawaran serta keretangan dan spesifikasi lengkap bagi tawaran ini boleh diperolehi di Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Temburong pada waktu-waktu bekerja.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi 'sealed'. Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis nama atau bilangan tawaran di atas tanpa menunjukkan sebarang pengenalan diri pengirim.
4. Tawaran-tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam. TAWARAN MEMBINA STOR BARU JABATAN DAERAH TEMBURONG.
5. Tarikh tutup menghantar tawaran ialah pada hari Isnin 16 September 2002 jam 1.45 petang. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Tawaran hendaklah dihadapkan dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan.
7. Wang Cagaran secara tunai sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Temburong semasa waktu-waktu bekerja. Wang Cagaran akan dikembalikan kepada tawaran yang benar (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
8. Pemborong-pemborong yang telah mengambil dokumen ini dan telah membayar wang cagaran tetapi gagal atau lambat menghadapkan tawaran daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan akan kehilangan wang cagarannya.
9. Tawaran pemborong adalah dikira sah bagi tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh ianya dihadapkan. Pemborong-pemborong tidak dibenarkan menarik diri dari tawaran ini selama tempoh tersebut.
10. Pemborong-pemborong adalah dikehendaki membuat lawatan ke tapak projek iaitu Kawasan Bengkel Darat Jabatan Daerah Temburong. Bagi memastikan secara tepat tapak pembinaan berkenaan pemborong-pemborong adalah dikehendaki berjumpa dengan Awang Ramlee bin Haji Wahab, Pengawas Bahagian Pemeliharaan Bangunan Kerajaan, Jabatan Daerah Temburong.
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang termurah atau seumpamanya.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 247/2001

IRB FINANCE BERHAD Pemiutang Penghakiman/ Pemetisyen
LAWAN
JOHN LEE BIN HAJI IBRAHIM (BYIC No. 118224)Penghutang
Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Jun 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 2 Oktober 2002 jam 9.15 pagi. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 2 Oktober 2002 jam 9.15 pagi. Bertarikh 28 Ogos 2002.

FATHAN HAJI ANUAR - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 29/2002

HSBC FINANCE (BRUNEI) BERHAD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyen
LAWAN
GHANI BIN HAJI SABTU (BYIC No. 118224)Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Jun 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 2 Oktober 2002 jam 9.30 pagi. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 2 Oktober 2002 jam 9.30 pagi. Bertarikh 28 Ogos 2002.

FATHAN HAJI ANUAR - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-hal yang dan juga sebab kegagalannya.



JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

"INVITATION TO SUBMIT BUSINESS OF BUNKERING SERVICES AT
MUARA PORT - SCHEME 'A' (SCHEME B)"

Syarat-Syarat Tawaran :

1. JABATAN Pelabuhan sukacita menjemput syarikat-syarikat tempatan dan luar negara untuk menghadapkan permohonan cadangan "Request For Proposals (RFP)" bagi menyediakan dan mengendalikan perkhidmatan membekal minyak (Bunkering) untuk kapal-kapal di Pelabuhan Muara.
